Penginapan Kediaman Jangka Pendek : *Short-Term Residential Accommodation* (STRA) F-38
Penyesuaian Gunaan Semula : *Adaptive Use* F-38
Perairan Daratan : *Inland Water* F-39
Perairan Wilayah : *Territorial Waters* F-39
Perancangan Bandar : *Urban Planning/Town Planning* F-39
Perancangan Luar Jangka : *Contingency Planning* F-39
Perancangan Reruang : *Spatial Planning* F-39
Perbandaran : *Urbanisation* F-39
Perindustrian F-40
- **Perindustrian :** *Industrial* F-40
- ***Managed Industrial Park*** F-40
- **Industri Berat :** *Heavy Industry* F-40
- **Industri Desa :** *Rural/Cottage Industry* F-40
- **Industri Hiliran :** *Downstream Industry* F-40
- **Industri Ringan :** *Light Industry* F-40
- **Industri Sederhana :** *Medium Industry* F-40

Perkhidmatan Awam *: Public Services* F-41
Perkuburan F-41
- **Perkuburan :** *Cemetery* F-41
- **Perkuburan Bertingkat :** *Multi-storey Cemetery* F-41
- **Perkuburan Bersepadu :** *Integrated Cemetery* F-41

Pertanian : *Agriculture* F-42
Perubahan Material Mengenai Penggunaan Tanah: *Material Changed In The Use of Land* F-42
Perubahan Material Mengenai Penggunaan Bangunan : *Material Changed In The Use of Building* F-43
Perumahan F-44
- **Perumahan Mampu Milik :** *Affordable Housing* F-44
- **Perumahan Strata :** *Strata Housing* F-44
- **Program Perumahan Rakyat (PPR) :** *People's Housing Programme* F-44

Podium *: Podium* F-44
Rumah F-45
- **Rumah Bandar :** *Townhouse* F-45
- **Rumah Berkembar :** *Semi Detached House* F-45
- **Rumah Kluster :** *Cluster House* F-45
- **Rumah Pangsapuri :** *Apartment* F-45
- **Rumah Sesebuah :** *Detached House / Bungalow* F-45
- **Rumah Micro :** *Microhouse* F-45
- **Rumah Teres :** *Terrace House* F-46

Petempatan F-46
- **Petempatan :** *Settlement* F-46
- **Petempatan Estet :** *Estate Settlement* F-46
- **Petempatan Tanah Rancangan FELDA/FELCRA/RISDA :** *Land Development Settlement* F-46

Pusat Agropolitan : *Agropolitan Centre* F-47
Pusat Bandar : *Town/City Centre* F-47
Pusat Kawalan : *Command Centre* F-47
Pusat Tumpuan Perniagaan Utama : *Central Business District* (CBD) F-47
Pelupusan Sisa Pepejal F-48
- **Pusat Pelupusan Sisa Pepejal :** *Solid Waste Disposal Centre* F-48
- **Pusat Rawatan Sisa Pepejal :** *Solid Waste Treatment Centre* F-48
- **Pusat Pemindahan Sisa Pepejal :** *Solid Waste Transfer Centre* F-48
- **Pusat Kitar Semula :** *Recycling Centre* F-48
- **Buangan** *: Waste* F-49

Pusat *Fulfillment* : *Fulfillment Centre* F-49
Pusat Jagaan Harian : *Day Care Centre* F-50
Pusat Jagaan Berkediaman : *Residential Care Centre* F-50
Pusat Katalis : *Catalyst Centre* F-50
Pusat Transformasi Bandar : *Urban Transformation Centre* (UTC) F-50
Pusat Transformasi Luar Bandar : *Rural Transformation Centre* (RTC) F-50
Rancangan Pemajuan F-51
- **Rancangan Wilayah :** *Regional Plan* F-51
- **Rancangan Pemajuan :** *Development Plan* F-51
- **Rancangan Kawasan Khas :** *Special Area Plan* F-51
- **Rancangan Struktur/Rancangan Tempatan (Pengubahan) :** *Structure Plan (Alteration)* F-51
- **Rancangan Struktur (Kajian Semula) :** *Structure Plan (Review)* F-51
- **Rancangan Tempatan :** *Local Plan* F-51
- **Rancangan Tempatan (Penggantian) :** *Replacement Local Plan* F-51

Rangkaian Sistem Perparitan : *Drainage System Network* F-52
Rebakan Bandar : *Urban Sprawl* F-52
Reka Bentuk Sejagat : *Universal Design* F-52
Relik Arkeologi : *Archaeological Relic* F-52
Sempadan Fizikal : *Physical Border* F-52
SOFO *Small Office Flexible Office* / SOVO *Small Office Versatile Office* SOHO *Small Office Home Office* F-53
Taman F-54
- **Taman Atas Bumbung :** *Rooftop Garden* F-54
- **Taman Eko Rimba :** *Forest Eco Park* F-54
- **Taman Menegak :** *Vertical Garden* F-54

Tanah Tanih : *Soil* F-54
Tanah Bandar : *Town Land* F-54
Tanah Desa : *Country Land* F-54
Tanah Pekan : *Village Land* F-55
Tanah Kosong : *Vacant Land* F-55
Tanah Lapang : *Open Space* F-55
Tanah Lombong : *Mining Land* F-50

INDEKS FIZIKAL

Tanda Aras : *Spot Level* **F-55**
Tanda Langit : *Sky-Sign* **F-55**
Taman Perindustrian : *Industrial Park* **F-56**
Telaga Tiub : *Tube Wells* **F-56**
Tempat Awam : *Public Place* **F-56**
Tempat Rawatan Kumbahan : *Sewage Treatment Center* **F-56**
Tempat Letak Kenderaan **F-57**
- **Tempat Letak Kenderaan :** *Parking Lot* **F-57**
- **Tempat Letak Kenderaan Bertingkat :** *Multi-storey Parking* **F-57**
- **Tempat Letak Kenderaan Pintar :** *Smart Parking* **F-57**
- **Tempat Letak Kenderaan Mekanikal :** *Mechanical Parking* **F-57**
- **Tempat Letak Kereta Tandem:** *Tandem Parking* **F-57**

Terminal **F-58**
- **Terminal :** *Terminal* **F-58**
- **Terminal Feri/Bot :** *Ferry/Boat Terminal* **F-58**
- **Terminal Kargo :** *Cargo Terminal* **F-58**
- **Terminal Pengangkutan Awam :** *Public Transport Terminal* **F-58**
- **Terminal Pengangkutan Bersepadu :** *Integrated Transport Terminal* **F-58**

Tiang Pintar *: Smart Pole* **F-59**
Tonggak Jalan : *Bollard* **F-59**
Transit **F-60**
- **Transit Aliran Ringan :** *Light Rail Transit* (LRT) **F-60**
- ***Mass Rapid Transit*** **(MRT)** **F-60**
- **Bas Aliran Transit :** *Bus Rapid Transit* (BRT) **F-60**

Utiliti **F-61**
- **Utiliti :** *Utility* **F-61**
- **Menara/Struktur Komunikasi :** *Communication Tower Structure* **F-61**
- **Pencawang Pembahagian Utama (PPU) :** *Main Dividing Substation* **F-61**
- **Pencawang Elektrik (PE) :** *Electrical Substation* **F-61**
- **Pencawang Masuk Utama (PMU) :** *Main Substation* **F-61**
- **Rumah Pam Bekalan Air :** *Water Supply Pump House* **F-62**
- **Sistem Pembetungan :** *Sewerage System* **F-62**
- **Sistem Pam :** *Pump Station* **F-62**
- **Stesen Pam Rangkaian :** *Network Pumping Station* **F-62**
- **Tangki Air :** *Water Tank* **F-63**

Wilayah : *Region* **F-63**
Zon Pengaruh Transit (ZPT) : *Transit Influence Zone* **F-63**
Zon Sekunder *: Secondary Zone* **F-63**
Zon Teras *: Core Zone* **F-63**
Zon Utama *: Primary Zone* **F-63**

Analisis Kecerunan : *Slope Analysis*

Pengiraan darjah dan peratusan kecerunan sesuatu kawasan bagi memastikan kestabilan dan kesesuaian tapak untuk pembangunan.

F1

Kelas	Darjah Kecerunan	Tindakan
1	0° - 15°	Sesuai untuk pembangunan
2	16° - 25°	Pembangunan boleh dijalankan dengan langkah-langkah pengawasan
3	26° - 35°	Pembangunan boleh dijalankan dengan langkah-langkah pengawasan yang lebih ketat
4	>35°	Pembangunan tidak dibenarkan



F2

Cameron Highlands, Pahang

Analisis Padu Lompong : *Solid Void Analysis*

Analisis berkaitan ketepuan dan kelompangan dalam suatu kawasan bagi mengenal pasti penggunaan reruang contohnya bagi tujuan pembangunan *infill*.

F3

Peta Kuala Lumpur, 1895

London

Analisis Tapak : *Site Analysis*

Analisis aspek fizikal tapak cadangan pembangunan termasuk topografi, landskap, tumbuh-tumbuhan, guna tanah, geologi dan saliran serta aspek-aspek fizikal lain yang dibuat berdasarkan maklumat kajian lapangan, imej satelit dan sebagainya.

F4



Anjakan Bangunan : ***Building Setback***

Suatu ukuran jarak minimum di antara sempadan lot dengan bangunan yang disyaratkan oleh pihak berkuasa tempatan di mana sebarang pembinaan tidak dibenarkan dalam ruang/jarak tersebut. (*f1*)





Ilustrasi Anjakan Bangunan
(Rumah Teres)



Ilustrasi Anjakan Bangunan
(Rumah Sesebuah)

Anjung : ***Porch***

Tempat teduhan seketika sebelum masuk ke dalam rumah. Selain itu, ia juga berfungsi sebagai tempat meletakkan kenderaan. (*f2*)

F6

Ilustrasi Anjung

F7



Bandar *: Town*
Kawasan yang diwartakan serta kawasan tepu bina yang bersempadan dengannya dan gabungan kedua-dua kawasan ini mempunyai penduduk 10,000 orang atau lebih atau kawasan pembangunan khusus atau pusat pentadbiran daerah walaupun penduduk kurang daripada 10,000 orang dan sekurang-kurangnya 60% penduduknya berumur 15 tahun dan ke atas terlibat dalam aktiviti bukan pertanian. (*f3*)

Bandar Diraja : *Royal Town*
Sebuah bandar di mana terletaknya istana dan mempunyai karakter serta identiti tersendiri yang menonjolkan unsur budaya tempatan yang sangat tinggi contohnya Bandar Diraja Kuala Kangsar, Seri Menanti, Klang dan Anak Bukit. (*f4*)

Bandar Global : *Global City*
Bandar yang mempunyai kepentingan di dalam sistem ekonomi global. Ia mempunyai kesemua atau sebahagian besar daripada 13 kriteria dengan penduduk melebihi 3.5 juta orang bagi keseluruhan konurbasi contohnya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya. (*f5*)

Bandar Global Kuala Lumpur

Bandar Kitaran : *Circular City*
Merujuk kepada sesebuah perbandaran yang menggalakkan peralihan daripada ekonomi *linear* kepada ekonomi kitaran secara bersepadu merentas semua fungsinya dengan kerjasama penduduk, komuniti perniagaan dan komuniti penyelidikan. Bandar tersebut memupuk amalan model perniagaan dan aktiviti ekonomi yang memisahkan penggunaan sumber daripada aktiviti ekonomi dengan mengekalkan nilai dan kegunaan produk, komponen, bahan dan nutrien selama mungkin untuk menutup gelung bahan dan meminimumkan penggunaan sumber yang berbahaya dan menghasilkan penjanaan sisa bagi meningkatkan kesejahteraan manusia, mengurangkan pelepasan pencemaran, melindungi dan meningkatkan biodiversiti serta menggalakkan keadilan sosial selaras dengan matlamat pembangunan mampan. (*f6*)

Bandar Satelit : *Satellite Town*
Bandar baharu yang dilengkapi dengan keperluan pembangunan bagi mengurangkan tekanan terhadap bandar utama sedia ada, contohnya Bandar Petaling Jaya. (*f7*)

Bandar Warisan : *Heritage City*
Bandar yang mempunyai nilai sejarah, kebudayaan, seni bina atau alam semula jadi untuk tujuan pemuliharaan. (*f8*)

Ilustrasi Bandar Warisan George Town, Pulau Pinang

Bandar Wilayah : *Regional City*
Sebuah ibu negeri yang mempunyai pengaruh ekonomi dan pentadbiran yang melepasi sempadan wilayah dan negara dengan penduduk melebihi 1.5 hingga 3.5 juta. Ia mempunyai pengaruh ekonomi ke kawasan wilayah antarabangsa melebihi ibu negeri yang lain dan menepati beberapa ciri-ciri bandar global seperti Kuantan, George Town, Johor Bahru dan Labuan. (*f9*)

Bangunan : *Building*
Struktur yang dibina di atas tanah termasuklah sebuah rumah, pondok, bangsal atau kepungan beratap, digunakan atau tidak digunakan sebagai kediaman manusia, dan juga apa-apa tembok, pagar, pelantar, pementasan, perancah, pintu pagar, tiang, pagar pancang, bingkai, papan dinding, pelancar, limbungan, dermaga, tembok sambut, jeti, pentas pengkalan, jambatan dan apa-apa binaan, tupang atau asas yang bersambung pada atau dengan mana-mana daripada struktur tersebut di bawah subseksyen 2(1), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*]. (*f10*)

Bangunan Hijau : *Green Building*
Bangunan yang mengurangkan atau menghilangkan kesan negatif dalam reka bentuk, pembinaan atau operasinya dan boleh memberi kesan positif terhadap iklim dan persekitaran semula jadi. Bangunan hijau menjimatkan sumber semula jadi yang berharga dan meningkatkan kualiti hidup. (*f11*)

Bangunan Hijau Suruhanjaya Tenaga, Presint 2, Putrajaya

Bangunan Sesebuah : *Free Standing Building*
Sebuah bangunan yang dibina di atas satu lot. (*f12*)

Bangunan/Struktur Kekal : *Permanent Building/Structure*
Bangunan/struktur yang dibina di atas tanah yang mempunyai tempoh penggunaan melebihi 12 bulan. (*f13*)

Bangunan/Struktur Sementara : *Temporary Building/ Structure*
Bangunan/struktur yang dibina di atas tanah yang mempunyai tempoh penggunaan terhad yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan dan apabila tamat tempoh, bangunan tersebut hendaklah dirobohkan. (*f14*)

Bangunan Tambahan : *Extension of Building*
Struktur tambahan di luar bangunan, yang bersambung dengan bangunan asal. (*f15*)

Bangunan Warisan : *Heritage Building*
Suatu bangunan atau kumpulan bangunan yang berasingan atau bersambung, yang disebabkan oleh seni bina, homogenan atau tempat dalam landskap, mempunyai nilai sejagat yang menonjol dari pandangan sejarah, seni atau sains. (*f16*)

F8

Bangunan Warisan Kellie's Castle, Batu Gajah, Perak

Benda Purba : ***Antiquity***

i. Mana-mana objek boleh alih yang berusia atau semunasabahnya dipercayai berusia sekurang-kurangnya lima puluh tahun.
ii. Mana-mana peninggalan manusia, tumbuh-tumbuhan atau haiwan yang berusia atau semunasabahnya dipercayai berusia sekurang-kurangnya satu ratus tahun. (*f17*)

F9

Rangka manusia tertua yang berusia 11,000 tahun (Perak Man) di Lenggong, Perak.

Blok Perancangan : *Planning Block*

Pembahagian kawasan rancangan tempatan kepada beberapa kawasan yang lebih kecil bagi penyediaan peta cadangan yang terperinci. (*f18*)

Blok Perancangan Kecil : *Sub Planning Block*

Pembahagian blok perancangan kepada kawasan-kawasan yang lebih kecil untuk tujuan penyediaan garis panduan pembangunan dan Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan. (*f19*)

Blok Sementara : *Provisional Block*

i. Berhubung dengan sesuatu pelan strata yang dicadangkan, suatu blok berkenaan dengan sesuatu bangunan yang dicadangkan untuk, atau sedang, didirikan atas bangunan atau tanah, yang baginya suatu hakmilik strata sementara yang berasingan telah dipohon.
ii. Berhubung dengan sesuatu pelan strata yang diluluskan, suatu blok yang ditunjukkan di dalamnya, yang baginya suatu hakmilik strata sementara hendak didaftarkan.
iii. Berhubung dengan sesuatu buku daftar strata, suatu blok yang ditunjukkan di dalamnya, yang baginya suatu hakmilik strata sementara telah didaftarkan. (*f20*)

Bumbung Hijau : *Green Roof*

Bumbung yang ditanam dengan tumbuh-tumbuhan atau spesies pokok. Rapi bumbung hijau mempunyai lapisan tebal tanah (6-12 inci atau lebih) yang boleh menyokong pelbagai tumbuh-tumbuhan atau spesies pokok. (*f21*)

F10

Harriot-Watt University Malaysia, Putrajaya

F11

***Courtyard* di ZEN HOUSE Kuala Lumpur**

Courtyard

Kawasan terbuka yang dikelilingi oleh dinding atau bangunan tinggi, biasanya terletak di tengah-tengah bangunan. Halaman moden ialah ciri seni bina yang biasa dilihat di ruang pejabat dan universiti, di mana pelajar dan pekerja boleh berehat, makan atau berinteraksi

Desa : *Rural*

Kawasan selain daripada kawasan bandar yang terdiri daripada semua jenis petempatan kampung, pekan dan petempatan kecil lain yang kurang daripada 10,000 penduduk, bercirikan pertanian serta kaya dengan sumber alam. (*f22*)

Pandangan atas kawasan desa di Perak

Elemen Imej Bandar : *City Image Elements*

Imej bandar terdiri daripada lima (5) elemen reka bentuk yang diperkenalkan oleh Kevin Lynch iaitu laluan (*path*), tepian (*edge*), mercu tanda (*land mark*), daerah (*district*) dan nodus (*node*).

F12

Daerah : *District*

Elemen imej bandar yang terbesar dalam suatu kawasan bandar. Ciri-ciri fizikal daerah ditentukan oleh kesinambungan, perincian bentuk, bangunan dan topografi latar langit. Daerah memberi identiti dan sebagai petunjuk asas sesuatu bandar. Daerah juga menjadi tarikan dan pengenalan sesuatu bandar.(*f*[23])

F13



Laluan : *Path*

Laluan pejalan kaki, laluan transit, terusan dan jalan kereta api di bandar. Laluan juga menjadi identiti dan digunakan sebagai penunjuk arah serta bersambungan di antara satu sama lain. Persekitaran yang wujud dalam bandar adalah terbentuk berdasarkan laluan-laluan di bandar. (*f*[24])

F14



Mercu tanda : *Landmark*
Sesuatu objek yang mudah dikenali seperti bangunan, pokok, dan lain-lain, sebagai panduan menentukan lokasi sesuatu tempat. (*f*[25])

F15



F16



Tepian : *Edge*
Tepian biasanya membentuk sempadan yang memisahkan dua jenis kawasan dan juga bertindak sebagai rujukan. Walaupun tepian adalah elemen *linear*, ia tidak dianggap sebagai laluan. (*f*[27])

F17

Dataran Lang, Langkawi, Kedah

F18

Menara Alor Setar, Kedah

Nodus : *Node*
Nodus menunjukkan titik dan sudut yang mempunyai ciri-ciri strategik. Ia boleh terjadi daripada sekecil-kecil titik pusat tumpuan di bandar dan juga boleh menjadi dataran yang besar. Persimpangan atau hentian pengangkutan adalah titik penting bagi sesuatu bandar. (*f*[26])

F19



Eklektik : *Eclectic*

Seni bina yang tercipta daripada pelbagai sumber. Di Malaysia, kebanyakan campuran seni bina ini dipengaruhi oleh seni bina Eropah, Cina dan Melayu. Pengaruh ini menghasilkan satu bentuk corak yang unggul dan unik bagi seni bina di rantau ini. Bangunan yang dibina di negeri-negeri Selat tercipta hasil daripada campuran seni bina pelbagai pengaruh. Seni bina ini banyak kelihatan pada bangunan rumah kedai zaman kolonial. (*f28*)

F20

Gaya Seni Bina Eklektik Rumah Kedai Pulau Pinang Tahun 1910 – 1940.

Ekistik : *Ekistics*

Kajian tipologi atau pola sesebuah petempatan.

Fasad : *Facade*

Bahagian luar bangunan yang paling menyerlah, iaitu di bahagian hadapan bangunan atau bahagian sisi bangunan yang menghadap kawasan laluan orang ramai. Fasad merupakan elemen utama dalam seni bina yang mampu menyampaikan maksud dan fungsi sesuatu bangunan. Fasad ibarat wajah bangunan supaya ciri-ciri kecantikan dapat ditonjolkan dan reka bentuk elemennya dapat menarik perhatian orang yang melihatnya. Istilah ini berasal daripada bahasa Perancis yang bermaksud bahagian hadapan atau "muka. (*f29*)

F21



Kajian Tipologi Fasad Rumah Kedai di Melaka.

A **Garisan Sempadan Lot : *Border Line***
Garisan yang diukur dari satu batu sempadan ke satu batu sempadan lain yang menjadi sempadan antara satu lot dengan lot yang lain. (*f30*)

B **Garisan Bangunan : *Building Line***
Garis yang menentukan kedudukan bangunan di dalam lot. (*f31*)

C **Garisan Bidang Hadapan Bangunan : *Building Line Frontage***
Bukaan hadapan bangunan. (*f32*)

D **Garisan Bidang Hadapan Lot *: Line Frontage***
Bukaan hadapan lot. Contohnya, bagi lot banglo bukaan hadapan adalah 50 kaki dan sebagainya. (*f33*)



Garisan Kontur : *Contour Line*
Garisan yang menunjukkan sela aras ketinggian sesuatu kawasan dalam skala besar (dalam pelan) yang dikira dari aras laut. (*f34*)



Guna Tanah Semasa : *Existing Land Use*
Guna tanah sebenar di atas tanah termasuk elemen semulajadi dan struktur buatan manusia, contohnya badan air, hutan, perumahan, perindustrian, infrastruktur dan kawasan lapang. (*f35*)

Guna Tanah Komited : ***Commited Land Use***
Guna tanah berkaitan dengan pembangunan yang :

i. Telah diberi kebenaran merancang dan masih dalam tempoh sah; dan
ii. Telah memulakan kerja-kerja tanah atau pembinaan, tetapi belum dikeluarkan Perakuan Siap dan Pematuhan (*Certificate of Completion and Compliance* - CCC). (*f36*)

Zon Guna Tanah : *Land Use Zoning*
Zon guna tanah yang dicadangkan untuk pembangunan masa hadapan ke atas sesuatu lot mengikut tempoh sesebuah rancangan pemajuan. (*f37*)

Inap Desa : *Homestay*
Premis penginapan di mana pelancong atau pengunjung tinggal bersama-sama pengusaha inap desa serta menjalankan aktiviti bersama dan hendaklah berada di kawasan desa yang merupakan kawasan selain daripada kawasan bandar. (*f38*)

F23

Insinerator : *Incinerator*
Tempat atau alat untuk memproses bahan-bahan buangan melalui proses pembakaran. (*f40*)

F27

Insinerator di Pulau Pangkor, Perak

Infrastruktur : *Infrastructure*
Kemudahan asas dan sistem yang digunakan bagi sesebuah negara, bandar atau kawasan termasuk perkhidmatan dan kemudahan yang diperlukan untuk ekonomi berfungsi. Ia biasanya bercirikan struktur teknikal seperti jalan, jambatan, terowong, empangan, pembentung, parit dan sebagainya. (*f39*)

F24

Jambatan Pulau Pinang

F25

Lapangan Terbang Kuala Lumpur

F26

Empangan Kenyir, Terengganu

Jalan : *Road*
Termasuklah sesuatu jalan, medan, siar kaki atau jalan lalu, jalan susur, sama ada jalan tembus atau tidak, di mana orang berhak lalu, dan juga jalan di atas sesuatu jambatan, dan juga termasuklah sesuatu jalan, siar kaki atau jalan lalu, halaman terbuka atau jalan kecil terbuka, yang digunakan atau dicadang untuk digunakan sebagai suatu jalan masuk kepada dua buah pegangan atau lebih, sama ada orang ramai berhak lalu di atasnya atau tidak dan semua saluran, parit, longkang, dan tanah rizab di sisi mana-mana jalan hendaklah disifatkan sebagai sebahagian daripada jalan itu. (*f41*)

Mana-mana jalan awam dan mana-mana jalan lain yang mana orang awam mempunyai akses dan termasuklah jambatan, terowong, hentian sebelah, kemudahan feri, jalan bertingkat, bulatan jalan, pulau lalu lintas, pembahagi jalan, segala lorong lalu lintas, lorong laju, lorong perlahan, bahu jalan, garis tengah, jejambat, jalan tembok, jalan tuju, landasan masuk dan keluar, plaza tol, kawasan khidmat dan struktur dan lekapan lain bagi memberi kesan sepenuh kepada penggunaannya. (*f42*)

Jalan Awam : ***Public Road***
Mana-mana jalan yang di atasnya orang ramai ada hak lalu yang biasanya dibaiki atau diselenggara oleh pihak berkuasa tempatan sebelum mula berkuatkuasanya Akta Jalan, Parit dan bangunan 1974 [*Akta 133*] atau yang telah dipindahkan kepada atau yang telah diletak hak pada pihak berkuasa tempatan di bawah Akta 133 atau dengan apa-apa cara lain. (*f43*)

Jalan Bandaran : *City Road*
Jalan yang diselenggara oleh pihak berkuasa tempatan termasuklah jalan-jalan yang dibina oleh pihak pemaju. (*f44*)

Jalan Buntu/Mati : *Cul-de-Sac*
Jalan mati atau pusingan jalan. Ia juga berfungsi sebagai jalan tempatan bagi setiap unit kediaman. Kelebaran *cul-de-sac* yang sesuai adalah antara 12 – 15 meter (40 – 50 kaki) dengan panjang di antara 50 meter (170 kaki) hingga 150 meter (500 kaki) bergantung kepada jenis kediaman tertentu. (*f45*)





Reka Bentuk *Cul-de-Sac*

Jalan Lingkaran : *Ring Road*
Jalan utama yang dibuat untuk mengelilingi kawasan pusat bandar di samping dapat mengagihkan lalu lintas daripada memasuki pusat bandar. (*f46*)

Jalan Negeri : *State Road*
Jalan yang dibina dan diselenggara oleh Jabatan Kerja Raya Negeri untuk meningkatkan perhubungan dalam negeri. (*f47*)

Jalan Perhubungan Desa, Pokok Sena, Kedah

Jalan Perhubungan Desa : ***Rural Connection Road***
Jalan perhubungan yang menyambungkan antara sesebuah kampung dengan kampung yang lain atau menghubungkan kampung tertentu dengan jalan raya utama bagi memberikan keselesaan perhubungan dan jaringan jalan kepada masyarakat luar bandar seterusnya dapat meningkatkan kualiti hidup. (*f48*)

Jalan Persekutuan : *Federal Road*
Jalan yang dibina dan diselenggara oleh Jabatan Kerja Raya Persekutuan yang berfungsi untuk menghubungkan bandar utama dan pintu masuk negara atau negeri- negeri.

Lima (5) jenis jalan Persekutuan adalah:
i. Jalan Persekutuan Utama;
ii. Lebuh raya bertol;
iii. Jalan Persekutuan FELDA;
iv. Jalan industri; dan
v. Jalan masuk ke institusi Persekutuan. (*f49*)

F28

Jalan Persekutuan Kuala Lumpur – Klang (*Federal Highway*)

Jalan Persendirian : *Private Road*
Mana-mana jalan yang bukan suatu jalan awam iaitu jalan yang tidak diserah atau diselenggara oleh pihak berkuasa tempatan atau agensi lain. (*f50*)

Jalan Pintas : *Bypass Road*
Jalan pilihan yang disediakan di kawasan bandar untuk mengelakkan kesesakan jalan. (*f51*)

Jalan Primer : *Primary Road*
Jalan utama di luar bandar dengan lebar minimum rezab adalah 40 meter. Di kawasan bandar ianya dikenali sebagai jalan pengumpul. (*f52*)

Jalan Perkhidmatan : *Service Road*
Jalan yang dikhaskan untuk memberi kemudahan dan perkhidmatan sampingan kepada pengguna di kawasan kediaman, kedai, pejabat dan sebagainya. Jalan ini juga merupakan jalan penghubung di antara jalan utama dengan jalan sampingan. (*f53*)

Jalan Protokol : *Protocol Road*
Jalan protokol mempunyai ciri-ciri berikut:
i. Melalui kawasan bandar.
ii. Menghubungkan premis kerajaan, istana, lapangan terbang.
iii. Mempunyai *dual carriageway.*
iv. Mempunyai landskap. (*f54*)

Jalan Protokol di Putrajaya

Jalan Sekunder : *Secondary Road*
Jalan utama di kawasan luar bandar dengan lebar minimum rizab adalah 25 meter. Di kawasan bandar ianya dikenali sebagai jalan tempatan. (*f55*)

F29



Jalan Tempatan : *Local Road*
Jalan perkhidmatan bagi setiap unit kejiranan. Kelebaran rizab jalan tempatan yang sesuai adalah antara 40 – 50 kaki bagi menampung permukaan jalan dua (2) lorong (2.75 meter setiap lorong), penyediaan parit (1 meter di kiri dan kanan) dan laluan pejalan kaki dan sikal serta ruang berlandskap (3.75 meter di kiri dan kanan). (*f56*)

Bahu Jalan : *Road Shoulder*
Merujuk kepada bahagian tepi kiri dan kanan jalan. Ianya terdiri daripada bahu jalan berturap dan tidak berturap yang lazimnya dapat digunakan untuk tujuan kecemasan, laluan pejalan kaki, tanam tanaman dan pelebaran kawasan jalan. (*f57*)

Bebendul Jalan : *Kerb*
Sempadan daripada konkrit atau barisan batu yang disambung serta membentuk sebahagian daripada talang di sepanjang pinggir jalan, yang digunakan sebagai sempadan jalan bagi mengehadkan laluan pejalan kaki. Biasanya 15 sentimeter lebih tinggi daripada permukaan jalan. (*f58*)

Bebendul Jalan

Potongan *Kerb*

Jejambat Jalan Sultan Azlan Shah *flyover* dari George Town ke Bayan Lepas

Jejambat : *Flyover*
Jalan raya yang dibina merentasi atau melangkaui sebatang jalan lain seperti jambatan. (*f59*)

Jejantas pejalan kaki Stesen LRT Bandaraya ke Wisma Bumi Raya, Kuala Lumpur

Jejantas : *Bridge*
Laluan di atas jalan raya untuk pejalan kaki melintas jalan. (*f60*)

Laluan Pejalan Kaki : *Pedestrian Walkway*
Lorong pejalan kaki yang terdapat di kawasan perumahan atau luar bandar dan tidak semestinya berturap. Lorong ini merupakan salah satu kemudahan yang disediakan untuk tujuan keselesaan dan keselamatan pengguna. (*f61*)

***Boulevard* di Putrajaya**

Lebuh Hias : *Boulevard*
Reka bentuk jalan yang besar biasanya jalan utama yang dihiasi dengan elemen landskap dan perabot jalan yang menarik. (*f62*)

Lebuh Raya : *Highway*
Jalan raya utama antara negeri yang menghubungkan ibu kota, ibu negeri dan laluan masuk/keluar ke Malaysia dengan kawalan separa. Ia melengkapi rangkaian lebuh raya ekspres. Lebar minimum rizab adalah 60 meter bagi kawasan luar bandar dan 65 meter bagi kawasan bandar. (*f63*)

Lebuh Raya Utara Selatan

Lebuh Raya Ekspres : *Expressway*
Lebuh raya dengan laluan keluar masuk berkawalan penuh yang dilengkapi dengan persimpangan bertingkat. Lebar minimum rizab adalah 60 meter bagi kawasan luar bandar dan 65 meter bagi kawasan bandar. (*f64*)

Lebuh Raya Hijau : *Green Highway*
Merupakan lebuh raya yang mesra alam sekitar di mana dari segi reka bentuk, perancangan, pembinaan dan penyelenggaraan bertujuan untuk memulihara kemampanan ekologi dan pengangkutan. (*f65*)

Pemisah Jalan : *Road Divider*
Pemisah atau sekatan tengah rizab jalan bertujuan membezakan arah perjalanan kenderaan yang berlainan. (*f66*)

Rizab Jalan : *Road Reserve*
Kawasan yang telah ditentukan kelebarannya mengikut perundangan di mana ianya termasuk laluan jalan berturap, bahu jalan, laluan pejalan kaki, ruang udara di atasnya dan semua kawasan yang berada dalam lingkungan sempadannya yang diwartakan di bawah seksyen 62, Kanun Tanah Negara [*Akta 828*]. (*f67*)

Kampung : *Village*
Sebuah petempatan tradisi di kawasan desa yang mempunyai ciri-ciri tradisional yang tinggi dari segi sosio budaya dan fizikal. (*f68*)

Kampung Atas Air : *Water Village*
Petempatan kampung yang terletak di atas air sama ada di sungai, tasik atau laut dan rumah-rumah dibina secara bertiang di atas air.
i. Dihubung oleh jeti atau jambatan kayu.
ii. Pelbagai densiti mengikut lokasi.
iii. Pekerjaan adalah menangkap ikan, membuat perahu dan menjalankan aktiviti berasaskan hasil laut dan sungai.
iv. Di Negeri Selangor ianya juga dikenali sebagai Kampung Bagan. (*f69*)

F34
Kampung Sim Sim di Sandakan, Sabah

F33

Rizab Jalan



Kampung Baru : *New Village*
Petempatan kampung yang wujud pada masa darurat (1948-1960) bagi mengatasi masalah ancaman Komunis.
i. Majoriti penduduk kaum Cina.
ii. Terletak di ladang getah, kawasan perlombongan bijih timah dan di sekitar bandar sedia ada.
iii. Corak petempatan adalah berpusat dan berbentuk *grid iron*. (*f70*)

Kampung nelayan Pantai Angin Berbisik di Marang, Terengganu

Kampung Nelayan : *Fishing Village*
Petempatan kampung yang terletak di kuala atau sepanjang sungai, di tepian pantai dan di pulau-pulau.
i. Pekerjaan adalah menangkap ikan, membuat perahu dan menjalankan aktiviti berasaskan hasil laut dan sungai.
ii. Corak fizikal perkampungan nelayan dipengaruhi oleh faktor semula jadi seperti sungai, muara dan pantai.
iii. Keadaan kampung adalah padat. (*f71*)

Kampung Tersusun :
Planned Village

Kampung yang dirancang berasaskan beberapa sebab seperti penempatan semula kampung, pemberian tanah dan bencana alam.

i. Susun atur kampung yang tersusun.
ii. Densiti rendah dan sederhana.
iii. Penduduk terlibat dalam pelbagai aktiviti ekonomi. (*f2*)

Kampung tersusun di Kota Tinggi, Johor

Kampung Tradisional :
Traditional Village

Wujud secara tidak dirancang atau organik.

i. Kampung tradisional di bandar menampung bilangan penduduk yang tinggi dan majoriti terlibat dengan aktiviti perbandaran. Keadaan fizikal kampung kurang teratur dan sesak.
ii. Kampung tradisional di desa berdensiti rendah.
iii. Taburan petempatan dipengaruhi oleh aktiviti ekonomi setempat seperti pertanian, perlombongan dan sebagainya.
iv. Corak adalah berjajar atau berkelompok.
v. Kampung tradisional juga boleh terdapat di pulau-pulau. (*f3*)

F35

Kampung tradisional di Kampung Morten, Melaka

Kaki Lima di George Town, Pulau Pinang

Kaki Lima : *Five Foot Way*
Ruang lantai di antara depan (deretan) kedai atau rumah dengan tepi jalan ataupun ruang lantai yang beratap yang menghubungkan dua buah rumah. (*f74*)

Kawalan Akses : *Access Control*
Hak tuan punya atau penghuni harta terhadap laluannya yang dikawal penuh oleh pihak berkuasa awam. Syarat ini juga termasuk rizab bekalan air dan elektrik. (*f75*)

Kawalan Ketinggian Bangunan : *Building Height Control*
Pengawalan ketinggian sesebuah bangunan untuk tujuan penyeragaman, keselamatan dan sebagainya. (*f76*)

Kawasan Tepu Bina : *Built-up Area*
Kawasan pembangunan sedia ada yang terdiri daripada perumahan, perniagaan, perindustrian, institusi, kemudahan awam dan infrastruktur. (*f77*)

Kediaman : *Residential*
Tempat tinggal termasuklah sesebuah bangunan, rumah sewa yang digunakan kesemuanya atau sebahagian besarnya dibina atau dipadankan untuk digunakan sebagai kediaman manusia. (*f78*)

Kenderaan Mikromobiliti : *Micromobility Vehicle*
Kenderaan yang dipacu oleh
i. sumber elektrik, enjin pembakaran dalam atau kuasa manusia; atau
ii. gabungan sumber elektrik, enjin pembakaran dalam atau kuasa manusia; dan
iii. mempunyai kelajuan maksimum 50 kilometer/jam. (*f79*)

Contoh kenderaan mikromobiliti

Kerja Bangunan : *Building Operation*

Kerja yang melibatkan proses seperti mendirikan, meruntuhkan, mendirikan semula atau meluaskan sesuatu bangunan atau sebahagian daripadanya dan termasuklah:

i. Tambahan pada ketinggian atau luas lantai sesuatu bangunan;
ii. Membuat bumbung atau membuat semula bumbung suatu bangunan atau sebahagiannya;
iii. Tambahan atau pengubahan kepada suatu bangunan yang menjejaskan atau mungkin akan menjejaskan susunan saliran atau kebersihannya atau keteguhannya;
iv. Tambahan atau pengubahan kepada sesuatu bangunan, sama ada dibuat sebelum atau selepas bangunan itu siap, yang menyimpang dengan apa-apa cara daripada mana-mana pelan atau tentuan berkenaan dengan bangunan itu yang diluluskan pada bila-bila masa oleh pihak berkuasa yang diberi kuasa di bawah mana-mana undang-undang bertulis untuk meluluskan pelan atau tentuan itu;
v. Tambahan atau perubahan kepada sesuatu bangunan yang menyentuh secara material atau mungkin akan menjejaskan secara material bangunan itu dengan apa-apa cara;
vi. Kerja lain yang biasanya dilakukan oleh seseorang yang menjalankan urusan pembinaan bangunan. (*f80*)

Contoh kerja kejuruteraan

Kerja Kejuruteraan : *Engineering Operation*

Kerja yang berkaitan dengan kejuruteraan dalam membentuk atau menyediakan jalan masuk ke suatu jalan atau memasang kabel, sesalur atau menyediakan bekalan air atau saliran. (*f81*)

Kerja Perindustrian : *Industrial Operation*

Termasuk penggunaan mana-mana tanah atau bangunan untuk menjalankan apa-apa perkilangan, reka bentuk, pembaikan, pemasangan, proses pembungkusan, pemprosesan produk pertanian, mengadakan kawasan bagi penyimpanan bahan atau benda, atau apa-apa aktiviti perindustrian lain. (*f82*)

Contoh kerja perindustrian

Kerja Tanah : *Earthwork*

Kerja yang berkaitan dengan perbuatan mengorek, merata, menimbus dengan apa-apa bahan, atau menebang pokok atas mana-mana tanah atau perbuatan lain yang menyentuh dan mengganggu mana-mana tanah. (*f83*)

Contoh kerja tanah

Kolam Tadahan : *Detention Pond*

Sebuah kolam yang digunakan untuk menahan air, bagi beberapa jam supaya saliran perparitan dan sungai sempat mengalirkan air larian (*water surface run-off*) ke lautan. Ianya berfungsi untuk mengatasi masalah banjir dan juga sebagai kolam penapis kelodak dan juga tempat beriadah. Penyediaan kolam tadahan di kawasan pembangunan merupakan satu langkah mampan untuk mengatasi masalah banjir yang boleh mengakibatkan kerosakan harta benda dan bencana. (*f84*)

Kolam tadahan semasa kering

Kolam tadahan semasa menakung air

Kolam Takungan : *Retention Pond*

Kolam yang sentiasa menakung air yang terdiri daripada kolam semula jadi atau buatan manusia dengan tumbuh-tumbuhan di sekelilingnya. Ia berfungsi untuk menakung air hujan dalam kuantiti yang banyak serta menguruskan air larian daripada berlakunya banjir, kawalan hakisan dan juga meningkatkan kualiti air. (*f85*)

TAPS di Labu, Negeri Sembilan

Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) : *Off River Storage* (ORS)

Satu kaedah penyimpanan air mentah dengan cara mewujudkan kolam-kolam di kawasan hilir dan pinggir sungai serta yang berhampiran dengan loji. TAPS akan turut membantu mengawal situasi banjir dan tidak menelan belanja besar untuk dilaksanakan serta mampu menjana ekonomi setempat. (*f86*)

Kolam oksidasi, Pantai Dalam, Kuala Lumpur

Kolam Oksidasi : *Oxidation Pond*

Kolam pengumpulan atau pemprosesan air buangan juga dikenali sebagai kolam pengoksidaan atau penstabilan. (*f87*)

***On-Site Detention* (OSD)**

OSD merupakan infrastruktur kawalan banjir di dalam sesebuah kawasan tapak pembangunan. Ianya boleh dibina secara terbuka di atas permukaan tanah atau secara tertutup di bawah tanah ataupun kombinasi kedua-duanya.

Reka bentuk terbuka adalah seperti penyediaan tangki di atas permukaan tanah, atas bumbung, padang dan landskap yang terbuka, tempat letak kenderaan yang terbuka dan sebagainya. Manakala reka bentuk bagi OSD tertutup pula ialah penyediaan sistem tangki serta paip yang dibina dan ditanam di bawah tanah dan bagi OSD gabungan pula ialah tangki air dibina separa di atas tanah dan di bawah tanah. (*f88*)

Bandar Berdaya Tahan Bencana : *Disaster Resilient City*

Bandar yang mempunyai sistem dan komuniti yang berupaya menghadapi bencana supaya dapat mencegah, bersedia, bertindak dan membaik pulih kesan daripada bencana tersebut dalam tempoh waktu tertentu. (*f89*)

Bandar Hijau : *Green City*

Bandar yang dirancang dengan prinsip bandar mampan, mempunyai program dan inisiatif bagi memelihara alam sekitar dan sumber-sumber semula jadi dengan tujuan untuk mengurangkan kesan negatif aktiviti manusia ke atas alam sekitar. (*f90*)

Bandar Hijau Putrajaya

Bandar Padat : *Compact City*

Bandar yang mempunyai kepadatan yang tinggi, bersandarkan guna tanah pelbagai, berdimensikan sistem pengangkutan awam dan menggalakkan aktiviti berjalan kaki dan berbasikal. (*f91*)

Bandar Pintar : *Smart City*

Bandar yang menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi bagi menangani isu dan cabaran perbandaran untuk meningkatkan kualiti hidup, menggalakkan pertumbuhan ekonomi, membangunkan persekitaran yang mampan dan selamat serta memastikan pengurusan bandar yang lebih efisien. (*f92*)

F42

Bandar Rendah Karbon : *Low Carbon City*

Bandar yang melaksanakan strategi rendah karbon untuk mencapai keperluan alam sekitar, sosial dan ekonomi. Bandar tersebut mengukur, mengurus dan mengurangkan perlepasan gas rumah kaca (GHG) untuk mengurangkan sumbangannya terhadap perubahan cuaca. (*f93*)

Bandar Selamat : *Safe City*

Bandar yang bebas daripada semua ancaman fizikal, sosial dan mental. Persekitarannya sentiasa dalam keadaan terpelihara dan tidak menimbulkan suasana yang boleh menggalakkan kejadian menggangu kesejahteraan setempat dan penghuninya sentiasa berada dalam keadaan yang paling selamat, sejahtera, sihat dan ceria. (*f94*)

Bandar Sihat Mesra Pejalan Kaki : *Healthy Walkable City*

Bandar yang mempunyai persekitaran pejalan kaki dan basikal yang berkesinambungan, mesra pengguna, selesa, selamat dan mampan yang menggalakkan gaya hidup sihat dan aktif. (*f95*)

F43



Saiz Optimum Kejiranan Mesra Pejalan Kaki



Lebar Minima Laluan Pejalan Kaki dan Laluan Basikal

Bandar Taman : *Garden City*

Konsep perancangan yang menggabungkan ciri-ciri fizikal terbaik bagi membolehkan gaya kehidupan di bandar dan di desa diterapkan dalam suatu pembangunan baharu yang lengkap (*self-contained*). Komponen pembangunan terdiri daripada perumahan, industri dan kawasan pertanian yang dikelilingi oleh lingkaran hijau (*green belt* dan *green boulevard*). Idea *Garden City* diperkenalkan oleh Ebenezer Howard pada tahun 1898 di United Kingdom. Konsep ini telah diterapkan dalam perancangan Bandar Kuala Kubu Bharu, Selangor.

Ebenezer-Howard-Garden-City-model-1898



F44



F45

F46



Bandar Span : *Sponge City*

Merupakan konsep/pendekatan penyimpanan dan penggunaan air hujan berskala besar yang membantu mengurangkan risiko banjir kilat dan meningkatkan jumlah air yang boleh digunakan semula. Oleh itu, konsep ini merupakan langkah responsif yang perlu dimanfaatkan di kawasan perbandaran yang sering mengalami banjir kilat dan gangguan bekalan air.

Konsep ini mengintegrasikan elemen infrastruktur hijau seperti konsep taman hujan, turapan telap air, sistem saliran mesra alam dan mampan serta rawatan air tercemar. Aplikasi konsep *sponge city* adalah berbeza di setiap bandar bergantung kepada keperluan dan konteks setempat. (*f*[96])

Kejiranan Hijau : *Green Neighbourhood*

Suatu kawasan kejiranan yang dirancang secara bersepadu dengan memberi keutamaan kepada perlindungan dan penggunaan sumber semula jadi, aplikasi teknologi hijau, amalan hijau dan kitar semula yang bertujuan untuk memelihara alam sekitar, meningkatkan kesihatan awam, keselamatan dan kebajikan umum penduduk bandar.(*f97*)

F47

Konsep Kejiranan Hijau

Unit Kejiranan : *Neighbourhood Unit*

Model reka bentuk perumahan bagi 400 unit rumah atau 2,000 orang penduduk yang mengandungi kemudahan surau, dewan, tadika dan padang permainan. (*f98*)

F48



SUB KEJIRANAN
(15-20 ekar/ 150 unit/ 750 penduduk) – mempunyai kemudahan surau, dewan, tadika dan padang permainan.

UNIT KEJIRANAN
(50 ekar/ 400 unit/ 2,000 penduduk) – mempunyai kemudahan surau, dewan, tadika dan padang permainan.

PUSAT KEJIRANAN
(500 ekar/4,000 unit/ 20,000 penduduk) – mempunyai sekolah rendah dan menengah, padang kejiranan, tadika, masjid, poliklinik dan sebagainya.

New Urbanism

Konsep reka bentuk alam bina bagi meningkatkan kualiti dan taraf hidup penduduk dengan mewujudkan tempat-tempat yang sesuai dan mampan untuk didiami. Konsep ini menekankan kepada perubahan reka bentuk bandar yang mengutamakan pejalan kaki dan mengandungi pelbagai jenis rumah dan pekerjaan.

New Urbanism menggalakkan kepelbagaian, *walkable*, padat, *vibrant*, komuniti bercampur yang mengandungi komponen yang sama seperti pembangunan konvensional tetapi direka bentuk secara bersepadu dalam komuniti yang lengkap.

Ianya mengandungi perumahan, tempat kerja, kedai, hiburan, sekolah, taman, dan kemudahan sivik yang penting untuk kehidupan harian penduduk dan sediakan dalam jarak berjalan kaki antara satu sama lain. Konsep *New Urbanism* termasuklah *walkability, connectivity*, kegunaan bercampur, kepelbagaian, perumahan bercampur, seni bina dan reka bentuk bandar berkualiti, struktur kejiranan tradisional, tambahan kepadatan, pengangkutan pintar, kemampanan dan kualiti hidup. (*f99*)

F49



Konsep *New Urbanism*

Konurbasi : *Conurbation*
Kawasan pertumbuhan perbandaran ekonomik yang merangkumi bandar raya, bandar-bandar utama dan juga kawasan perbandaran yang bercantum secara fizikal, mempunyai hubungan ekonomi dan mengalami pertumbuhan penduduk bagi membentuk satu kawasan tepu bina yang membangun secara berterusan. (*f100*)

Pusat Konurbasi di Semenanjung Malaysia

Koridor dan hab pembangunan transit di Kuala Lumpur Sentral

Koridor dan Hab Pembangunan Transit : *Transit Development Hub and Corridor*
Koridor sepanjang jaringan cadangan rel nasional iaitu *High Speed Railway* (HSR), Keretapi Tanah Melayu (KTM) dan Electric Train Service (ETS) antara bandar Semenanjung Malaysia. Hab merujuk kepada bandar-bandar dengan stesen utama sepanjang jaringan rel tersebut di atas, di mana bandar-bandar ini berpotensi menjadi hab pembangunan berorientasikan transit. (*f101*)

Koridor Industri Utama : *Major Industrial Corridor*
Ekonomi industri penting (*key economy*) yang merupakan antara penyumbang utama kepada pembangunan ekonomi daerah. (*f102*)

Koridor Pembangunan : *Development Corridor*
Bentuk pembangunan berjajar di sepanjang jalan utama pada skala yang besar dalam jarak 5 kilometer dari kiri dan kanan jalan. Bentuk pembangunan ini terdapat di kawasan yang menghubungkan dua bandar utama di dalam satu wilayah. (*f103*)

Pembangunan Wilayah Ekonomi : *Regional Economic Development*
Proses pembangunan dalam sesuatu wilayah tertentu yang menekankan pertumbuhan ekonomi.



Kuari : *Quarry*
Kawasan untuk mendapatkan bahan batuan seperti granit, batu kapur dan sebagainya. (*f*[104])

Kuari Marmar

Kuari Batu

Laluan Rentis : *Transmission Line*
Talian penghantaran elektrik. (*f*[105])

Laluan Rentis

Laluan Kemudahan Utiliti : *Common Utility Trench*
Laluan/ruang/terowong khas yang disediakan untuk menempatkan kemudahan utiliti yang dikongsi bersama oleh agensi perkhidmatan utiliti. Ia boleh digunakan bagi menempatkan utiliti seperti kabel elektrik, paip air, kabel komunikasi, paip gas, paip pembentungan dan sebagainya. (*f*[106])

F53

Terowong Utiliti Bersepadu

F54



F55

Ladang Angin – Kincir Angin

Ladang Angin : *Wind Farm*

Rangkaian turbin angin yang berada di lokasi yang sama untuk menghasilkan tenaga elektrik daripada tenaga angin. (*f107*)

Ladang Solar : *Solar Farm*

Suatu tapak atau kawasan, sama ada di atas permukaan tanah atau di atas permukaan air (solar terapung), yang menempatkan sistem solar *photovoltaic* berskala besar bagi tujuan pembekalan tenaga elektrik berorientasikan komersial kepada rangkaian grid elektrik nasional dengan kapasiti penghasilan tenaga elektrik yang ditawarkan oleh Suruhanjaya Tenaga. (*f108*)

F56

Projek Ladang Solar di Sungai Petani, Kedah

Latar Langit : ***Skyline***

Pemandangan keseluruhan atau sebahagian bangunan tinggi dan struktur bandar terdiri daripada banyak pencakar langit di hadapan langit sebagai latar belakang. (*f109*)

F57



Lencongan Trafik : *Traffic Diversion*

Lencongan yang dibuat untuk memberi laluan sementara kepada pengguna jalan raya semasa pembinaan jalan raya sedang dilaksanakan. (*f110*)

F58



F59

Loji Janakuasa Elektrik (*Gas Plant*) Sultan Azlan Aziz Shah di Lumut, Perak.

Loji Janakuasa Gas / Fosil : *Gas / Fossil Power Plant*

Loji janakuasa menggunakan gas/fosil untuk penjanaan tenaga elektrik. (*f111*)

F60

Empangan hidrolik di Bakun, Sarawak.

Loji Janakuasa Hidro : *Hydro Power Plant*

Loji janakuasa menggunakan air daripada empangan sebagai penggerak utama untuk memusingkan turbin bagi penjanaan tenaga elektrik. (*f112*)

F61

Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Selangor Fasa 1,2,3 di Rantau Panjang, Selangor.

Loji Rawatan Air : *Water Treatment Plant*

Pusat merawat air melalui proses membuang bahan cemar daripada air mentah bagi menghasilkan air yang selamat. (*f113*)

Loji Rawatan Kumbahan : *Sewage Treatment Plant*

Loji rawatan kumbahan mekanikal yang membuang bahan buangan daripada air sisa terutamanya daripada rumah. (*f114*)

Lot
Mana-mana tanah yang telah diukur dan nombor lotnya telah diberi oleh Pengarah Ukur. (*f115*)

Lot Berdampingan / Bersempadan : *Contiguous / Adjoining Lot*
Satu lot tanah yang berkongsi sekurang-kurangnya satu sempadan lot yang sama dengan yang satu lagi. (*f116*)



Lot Hujung : *End Lot*
Lot yang terletak di tepi dalam pecahan lot yang diwujudkan bagi tujuan perkhidmatan. (*f117*)

Lot Kecil : *Small Lot*
Lot yang pelbagai bentuk dan tidak ekonomik berkeluasan di antara 0.07 ekar (3,200 kaki persegi) hingga 3 ekar (130,680 kaki persegi). Bagi lot yang berbentuk segi empat mempunyai nisbah bukaan sisi yang kurang daripada nisbah 1:5. (*f118*)

Lot Lidi
Lot yang berkeluasan 5 ekar dan ke bawah, berbentuk segi empat dengan nisbah 1:5 atau lebih dan panjang maksimum salah satu sisi adalah 80 kaki. (*f119*)

Lot Tepi : *Corner Lot*
Lot paling tepi dalam barisan pecahan lot yang bersempadankan jalan tempatan yang lebarnya antara 40 kaki atau 50 kaki. Lot ini lazimnya lebih besar daripada saiz lot tengah. (*f120*)

Metropolitan : *Metropolitan*
Kawasan bandar raya yang merangkumi beberapa bandar di sekitarnya. (*f121*)

Tugu Negara di Kuala Lumpur

Monumen Alaf Baru di Putrajaya

Monumen : *Monument*
Kerja seni bina, kerja membuat arca dan mengecat monumen, elemen atau struktur daripada jenis arkeologi, inskripsi, penghunian gua dan gabungan ciri yang mempunyai nilai sejagat yang menonjol daripada pandangan sejarah, seni atau sains. (*f122*)

Papan Iklan Luar : *Outdoor Billboard*
Paparan besar yang mengiklankan barangan, aktiviti atau perkhidmatan yang tidak semestinya dijual di mana pengiklanan itu ditempatkan. (*f123*)

Iklan Bumbung : *Roof Advertisement*
Paparan iklan yang dipasang pada bumbung bangunan. (*f124*)

F67

Iklan bumbung di bangunan Kianhon, Pulau Pinang

Iklan Bergerak : *Mobile Advertisement*
Iklan yang dilekatkan pada kenderaan yang bergerak. (*f125*)

F68

Iklan bergerak di bas Rapid

Iklan Dinding : *Wall Advertisement*
Panel untuk paparan iklan yang dipasang pada dinding atau pada satu jarak dari dinding atau iklan yang dilukis pada dinding di sebelah luar bangunan yang tidak mempunyai permukaan terbuka. (*f126*)

Iklan dinding di Stesen LRT KLCC

Iklan Elektronik : *Electronic Advertisement*
Dibangunkan dengan paparan digital. Kaedah ini berfungsi sebagai sebuah peti televisyen yang menyiarkan visual bergerak bagi tujuan pengiklanan. (*f127*)

F69

Iklan elektronik di Sungai Petani Kedah

Iklan Jejambat : *Flyover Advertisement*
Paparan iklan yang dipasang pada jejambat laluan kenderaan atau jambatan. (*f128*)

Iklan jejambat di Melaka

Iklan Kain Rentang : *Banner Advertisement*
Paparan di atas kain rentang di dalam pelbagai saiz yang dipasang pada sesuatu bangunan atau di atas sesuatu kerangka/bingkai (*frame*). (*f129*)

Iklan kain rentang di bangunan Jakel Shah Alam, Selangor

F70

Iklan Mekanikal *Scrolling* : *Mechanical Scrolling Advertisement*
Berasaskan kaedah mekanikal untuk memaparkan beberapa pengiklanan secara berturut yang disusun dalam bentuk bergulung. (*f130*)

Iklan Mekanikal *Trivision* : *Trivision Mechanical Advertisement*
Berasaskan kaedah mekanikal untuk memaparkan tiga pengiklanan berasingan secara bergilir menggunakan siri *triangular prism.* (*f131*)

F71
Iklan Pagar

Iklan Pagar : *Fence Advertisement*
Pengiklanan yang dipasang pada pagar sementara untuk tujuan keselamatan semasa pelaksanaan sesuatu projek binaan atau iklan pada pagar yang dipasang bagi menutup sesuatu visual yang kurang menarik. (*f132*)

F72
Iklan Perabot Jalan

Iklan Perabot Jalan : *Street Furniture Advertisement*
Pengiklanan pada objek atau peralatan yang bina di atas atau berdekatan jalan awam. Elemen perabot jalan ialah tong sampah, lampu, turapan laluan pejalan kaki, perhentian bas, pondok telefon dan lain-lain. (*f133*)

Free-Standing Billboard
Paparan iklan bagi barangan, aktiviti atau perkhidmatan yang disokong oleh tiang. Kategori ini boleh dipecahkan lagi mengikut saiz iaitu besar, sederhana dan kecil. *Billboard* bersaiz besar kebanyakannya di dalam bentuk menara iklan setiang atau *unipole* yang ditempatkan di atas satu tiang keluli yang tinggi. (*f134*)

F73
Free-Standing Billboard

Projecting Sign
Pengiklanan kebiasaannya bersaiz besar yang dipasang pada permukaan struktur yang diunjurkan dari dinding sesebuah bangunan. (*f135*)

Projecting Sign

Pekan : *Small Town*

Sebuah petempatan kecil bercirikan bandar yang terletak di kawasan luar bandar dengan jumlah penduduk kurang daripada 10,000 orang dan menempatkan aktiviti perdagangan berskala kecil, kemudahan awam dan mempunyai aktiviti mingguan (pasar pagi, pasar tani, pasar sehari atau pasar malam). (*f*[136])

F74

Pekan Kuah, Langkawi, Kedah

Pelabuhan Darat : *Inland Port*

Kawasan atau premis yang dilengkapi dengan kemudahan untuk memuatkan dan memunggah kargo. (*f*[137])

F75

Terminal Kargo Ipoh, Perak

Pelabuhan Laut : *Seaport*

Tempat kapal berlabuh, persinggahan kapal dan pangkalan kapal. (*f*[138])

F76

Pelabuhan Tanjung Pelepas, Johor

F77

Pelabuhan Klang, Selangor

Pembangunan Berhampiran Transit : *Transit Adjacent Development* (TAD)

Pembangunan berhampiran kawasan transit yang tidak tertakluk kepada zon pengaruh transit dan keperluan pengaplikasian prinsip-prinsip TOD seperti pembangunan bercampur, inklusif dan berintensiti tinggi. Diaplikasikan jika stesen transit tidak memenuhi kriteria pembangunan TOD berdasarkan kawalan guna tanah dan halangan-halangan fizikal tertentu. (*f139*)

F78

Characteristics of Station Precinct:

TAD	TOD
• Suburban street pattern • Low densities • Dominance of surface parking • Limited or no pedestrian access • Limited or no bicycle access/parking • Single-family homes • Industrial land uses • Segregated land uses • Gas stations, car dealerships, drive-thru stores and other auto-focused land uses	• Grid street pattern • High densities • Mostly underground or structured parking • Pedestrian-focused design • Bicycle access/parking • Multi-family homes • Office and retail land uses, especially along main streets • Vertically and horizontally mixed land uses

Pembangunan Berorientasikan Transit : *Transit Oriented Development* (TOD)

TOD merupakan satu konsep pemajuan yang berpusatkan stesen pengangkutan awam rel atau bas. Pemajuan ini menggalakkan persekitaran yang mempunyai ketersambungan (*connectivity*) yang tinggi, mesra pengangkutan awam, pejalan kaki dan sikal untuk mengurangkan pergantungan kepada kenderaan bermotor.

TOD menggalakkan pembangunan bercampur dan berintensiti tinggi dalam jarak berjalan kaki dari stesen untuk menjana penumpang melalui guna tanah kediaman, pekerjaan, ekonomi serta sosiokebudayaan yang diletak berhampiran. TOD juga menggalakkan penggunaan sumber tanah dan reruang secara optimum dan inklusif bagi memenuhi kehendak semua golongan masyarakat. (*f140*)

F79



F80



Pembangunan *Brownfield* : *Brownfield Development*
Kawasan yang telah dibangunkan tetapi ditinggalkan atau terbiar atau mempunyai struktur bangunan yang usang atau kawasan pembangunan yang tidak siap sepenuhnya dan terbengkalai. Kawasan ini mungkin tercemar atau tidak tercemar. Tanah kawasan *brownfield* ini juga termasuk tanah kerajaan atau tanah persendirian. Istilah *brownfield* juga meliputi bangunan yang telah lama terbengkalai atau bangunan yang telah siap tetapi tidak terjual.

Tafsiran ini juga merujuk kepada projek-projek terbengkalai yang tidak siap dalam tempoh pelaksanaan pembangunan melebihi 10 tahun. (*f*[141])

F81

Pembangunan *brownfield* Queensbay Mall di Pulau Pinang

Pembangunan *Greenfield* : *Greenfield Development*
Kawasan/tanah yang merangkumi habitat/kawasan hutan dan tanah pertanian produktif yang tidak dibangunkan. Ini termasuklah lingkaran hijau di kawasan bandar. (*f*[142])

F82



Pembangunan Greyfield : *Greyfield Development*
Bangunan yang kurang dimanfaatkan dan tidak berdaya maju. Ia juga merupakan kawasan yang mempunyai nilai tanah lebih tinggi daripada asset / bangunan / struktur / aktiviti yang kekal di atasnya dan tiada prospek untuk dimajukan serta tidak selamat untuk diduduki. (*f*[143])

Bangunan yang telah diubah suai dan menjadi Kafe Kleptokrat di Kuala Lumpur.

F83



F84



Pembangunan Infill : *Infill Development*
Pembangunan atau pembangunan semula yang dijalankan ke atas tanah kosong atau tapak yang telah dibangunkan yang terletak di dalam kawasan tepu bina dan kawasan yang sedang dibangunkan. (*f*[144])

F85

Pembangunan Bercampur : *Mixed Development*

Pembangunan yang membenarkan lebih daripada satu kegunaan/aktiviti bagi sesuatu bangunan atau sekelompok bangunan dalam satu plot atau lot tanah yang dibangunkan. Aktiviti atau kegunaan yang dibenarkan mestilah bersesuaian (*compatible*) antara satu sama lain. (*f145*)

F86

Pembangunan Penggunaan Bercampur : *Mixed Use Development*

Pembangunan yang membenarkan lebih daripada satu penggunaan di dalam sebuah bangunan atau bangunan-bangunan yang kesemuanya didirikan di atas satu lot tanah yang lazimnya merupakan pembangunan berstrata. Jenis penggunaan bercampur hendaklah saling menyokong di antara satu sama lain dan terdiri daripada penggunaan bercampur kediaman, komersial dan kemudahan awam. (*f146*)

Pembangunan Penggunaan Bercampur Menegak : *Vertical Mixed Use Development*

Merangkumi fungsi kediaman, komersial, institusi kemudahan masyarakat dan lain-lain dalam satu struktur bangunan di atas lot tanah yang sama. (*f147*)

F87

Pembangunan Mampan : *Sustainable Development*

Pembangunan yang memenuhi keperluan generasi semasa tanpa menjejaskan keupayaan generasi akan datang untuk memenuhi keperluannya. (*f148*)

Pembangunan Tanah Bersepakat (PTB) : *Land Readjustment*

Satu kaedah pembangunan di mana sekumpulan lot tanah yang berjiran disusun semula melalui persetujuan pemilik-pemilik tanah dan diagihkan semula mengikut pelan susun atur terancang yang diluluskan. (*f149*)

F88

Pembaharuan Semula Bandar : *Urban Renewal*
Suatu program pembaharuan semula bandar (PSB) secara komprehensif dan bersepadu untuk tempoh jangka panjang bagi menangani isu kemelesetan ekonomi, keusangan fizikal, persekitaran dan sosial bandar yang diselaraskan dengan visi dan dasar pembangunan kerajaan. (*f150*)

Pembangunan Semula Bandar : *Urban Redevelopment*
Pembangunan yang dibuat secara holistik dengan mengubah struktur fizikal sedia ada. Pembangunan ini akan melibatkan kerja-kerja pembersihan tapak, perobohan bangunan dan perubahan guna tanah yang menjurus kepada pembangunan yang bersepadu dan mengoptimakan kegunaan tanah. Pendekatan ini akan memberikan satu nilai baharu kepada penduduk dari segi peningkatan ekonomi, keadaan fizikal, infrastruktur dan utiliti, sosial serta kehidupan bandar yang lebih berdaya huni. (*f151*)

F89

Contoh pembangunan semula Razak Mansion

Pemuliharaan Semula Bandar : *Urban Conservation*
Pembangunan semula kawasan terpelihara termasuk tapak/ bangunan warisan dan bersejarah dengan identiti dan estetik yang perlu dipulihara. Pelaksanaan pendekatan ini memfokuskan kepada perubahan fizikal yang melibatkan kerja pemuliharaan / pemeliharaan fizikal tapak/bangunan, perubahan aktiviti bangunan/tapak yang lebih menarik dan mengekalkan nilai-nilai warisan serta sejarah tapak/ bangunan. (*f152*)

Penjanaan Semula Bandar : *Urban Regeneration*
Penjanaan semula bandar memfokuskan kepada pemulihan sesuatu tapak yang lama, usang dan terbengkalai melalui pembinaan bangunan baharu atau penyediaan kemudahan dan infrastruktur tanpa memusnahkan keseluruhan reka bentuk, susun atur atau fungsi kawasan tersebut. Pembangunan ini akan menjana semula aktiviti di kawasan tersebut sama ada dari segi ekonomi, sosial atau persekitaran. (*f153*)

F90

F91

Projek terbengkalai Kemayan City di Johor Bahru telah dibaik pulih dan dibangunkan sebagai Paradigm Mall.

Penyegaran Semula Bandar : *Urban Revitalisation*
Penyegaran semula bandar bertujuan menyegarkan semula kawasan atau bangunan yang telah menunjukkan ciri-ciri keusangan dan berlaku kemerosotan aktiviti sosio-ekonomi. Pelaksanaan pendekatan ini memfokuskan kepada pemulihan sesuatu kawasan atau bangunan yang tidak melibatkan perubahan fizikal secara menyeluruh. Ia merangkumi kerja-kerja seperti membaik pulih, menaik taraf, pengindahan dan penyediaan landskap sesuatu kawasan atau bangunan. (f154)

F92

Pangsapuri Seroja, Selayang

F93

Pemecah Ombak : *Breakwater*

Struktur binaan yang dibina untuk mengurangkan tindakan ombak di kawasan pantai bagi menstabilkan bahagian pantai semula jadi atau buatan daripada hakisan. (*f155*)

F94

Pemecah ombak jenis *Tetrapod* di Marang, Terengganu.

F95

Pemecah ombak jenis Tetrapod di Dungun, Terengganu.

Pemecah ombak jenis *Armour Rock* di Pantai Kundur, Kelantan.

Pemeliharaan Bangunan : *Building Conservation*

Segala proses yang terlibat untuk menjaga sesuatu bangunan bagi memelihara kepentingan sejarah dan budaya. Tindakan ini termasuklah perawatan, pengekalan, pemuliharaan, pembangunan semula dan penyesuai gunaan. Lazimnya kaedah yang digunakan akan merangkumi lebih daripada mana-mana satu tindakan di atas. Pemeliharaan bangunan ini menggariskan pengekalan bangunan atau monumen sejarah sebagai salah satu pendekatan yang terkandung dalam proses pemeliharaan bangunan. (*f156*)

F96

Penang City Hall di George Town, Pulau Pinang merupakan salah satu bangunan bersejarah/warisan di Malaysia

Penderia : *Sensor*

Suatu alat modular untuk mengumpul, mengesan dan memantau data masa sebenar bagi persekitaran bandar, infrastruktur dan lain-lain. (*f157*)

F97



Pengangkutan Air : *Water Transport*

Pengangkutan penumpang atau muatan merentasi air, sama ada berjadual atau tidak. Turut meliputi operasi tunda atau tolak bot, rombongan, *cruise* atau bot persiaran, feri, teksi air dan lain-lain. (*f*[158])

F98

Pengangkutan air seperti feri.

Pengangkutan Udara : *Air Transport*

Pengangkutan penumpang atau muatan melalui udara atau ruang angkasa. (*f*[160])

F99

Pengangkutan udara seperti kapal terbang.

Pengangkutan Darat : *Land Transport*

Pengangkutan penumpang dan muatan melalui jalan raya atau rel. (*f*[159])

F100

F101

Pengangkutan darat seperti bas dan keretapi.

Pengekalan Bangunan : *Building Preservation*
Memastikan struktur sesuatu tempat berada dalam keadaan asalnya dan dicegah daripada berlaku sebarang keusangan. Pemeliharaan ini melibatkan struktur bangunan yang mempunyai nilai sejarah agar berada dalam keadaan yang baik dan berkekalan melalui penjagaan yang berterusan untuk mengelakkan bangunan daripada terus usang. (*f*[161])

F102

Mahkamah Tinggi Pulau Pinang

F103

Ipoh Town Hall

Penghuni : *Occupier*
Berhubung dengan mana-mana tanah atau bangunan, termasuklah:

i. Seseorang penyewa tanah atau bangunan.
ii. Seseorang pemunya tanah atau bangunan itu yang menghuni atau selainnya menggunakan tanah atau bangunan itu.
iii. Seseorang yang sebenarnya menghuni tanah atau bangunan itu atau yang memegang tanggungjawab, mengurus, atau mengawalnya, sama ada bagi pihaknya sendiri atau sebagai ejen, tidak termasuk orang yang menumpang. (*f*[162])

Penginapan Pekerja : *Worker Accommodation*
Kemudahan tempat tinggal yang dibangunkan khusus kepada pekerja yang digajikan oleh majikan yang sama dan diuruskan oleh majikan itu sendiri atau diserahkan kepada pihak pengurusan berdaftar. (*f*[163])

F104

Penginapan pekerja sementara di Loji Janakuasa Tanjung Bin, Pontian, Johor

F105

Penginapan pekerja ladang Sungai Palas, Cameron Highlands, Pahang

Penginapan Pekerja Sementara : *Temporary Labour Quarters* (TLQ)
Satu kemudahan tempat tinggal pekerja berbentuk penginapan atau asrama (sama ada pekerja asing dan tempatan) di sesuatu kawasan atau bangunan khas (kekal/separa kekal) yang dilengkapi pelbagai kemudahan asas dan sokongan yang lebih teratur dan terancang dalam jangka masa pendek. (*f*[164])

F106

Technology Park, Senai, Johor

Penginapan Pekerja Berpusat : *Centralised Labour Quarters* (CLQ)
Satu kemudahan tempat tinggal pekerja secara berpusat atau berkelompok (sama ada pekerja asing dan tempatan) di sesuatu kawasan atau bangunan khas (kekal/separa kekal) yang dilengkapi pelbagai kemudahan asas dan sokongan yang lebih teratur dan terancang untuk keselesaan penghuni dalam persekitaran yang kondusif. (*f*[165])

Penginapan Kediaman Jangka Pendek : *Short-Term Residential Accommodation* (STRA)
Aktiviti di mana pemilik rumah mengendalikan sewa jangka pendek dan menyenaraikan penginapan kediaman mereka pada platform digital seperti Airbnb, Agoda, HostAStay, MyCribBooking.com. (*f*[166])

F107

Limastiga Homestay, Melaka

F108

Atlantis Pool Villa, Tambun Ipoh, Perak

Penyesuaian Gunaan Semula : *Adaptive Reuse*
Merujuk kepada bangunan warisan yang menukar baru kegunaan bangunan daripada bangunan gudang kepada hotel.

i. Jika ia melibatkan bangunan status Warisan Kebangsaan atau Gred 1, maka ia perlu dipelihara keseluruhan bangunan luar dan dalam. Kegunaan baru tidak dibenarkan meroboh struktur sedia ada. Contoh, jika *adaptive reuse* bangunan rumah kediaman kepada restoran, bilik-bilik di dalam rumah tidak dibenar dibuang untuk dijadikan dewan makan yang luas. Restoran boleh mengekalkan bilik-bilik menjadi *private dining* sahaja.

ii. Jika melibatkan bangunan Gred 2, ubah suai dalaman adalah dibenarkan. Contoh, rumah kediaman kepada hotel seperti Cheong Fatt Tze Mansion,rumah kedai/*townhouse* kepada hotel seperti The Spices, Jalan Lumut dan pasar basah kepada pasar seni seperti KL Central *Market*. (*f*[167])

F109

Penyesuaian gunaan semula di ***Boutique*** **Hotel Noordin Mews, Pulau Pinang**

Perairan Daratan : *Inland Water*

Apa-apa takungan, kolam, tasik, sungai, anak sungai, tali air, parit, mata air atau telaga, atau mana-mana bahagian laut di atas tikas air rendah di sepanjang pantai, atau mana-mana badan dengan permukaan semulajadi atau buatan yang lain atau sub permukaan air. (*f*[168])

Perairan Wilayah: *Territorial Waters*

Perairan wilayah seperti yang ditakrifkan di bawah Konvensyen Bangsa Bangsa Bersatu tentang Undang-Undang Laut (UNCLOS) tahun 1982 ialah suatu *belt* perairan pantai yang menjangkau sejauh 12 batu nautika (22.2 kilometer) dari garis pangkal (biasanya aras surut air purata) sesebuah negara yang mempunyai pantai. Perairan ini dianggap sebagai suatu kawasan berdaulat sesebuah negara di mana ia turut merangkumi ruang udara di atasnya serta dasar lautnya.



Ilustrasi kawasan perairan wilayah.

Perancangan Reruang : *Spatial Planning*

Perancangan aktiviti dalam sesuatu reruang termasuk di atas tanah, di sebelah atas tanah (ruang udara), bawah tanah dan kawasan perairan wilayah. Ianya melibatkan penyelarasan dasar pelbagai sektor yang berkaitan melangkaui perancangan konvensional yang hanya melibatkan penentuan guna tanah atau bangunan sahaja. Ianya bertujuan merasionalisasikan penggunaan reruang untuk menyeimbangkan keperluan pembangunan optimum dan kepentingan memulihara alam sekitar untuk mencapai objektif sosial dan ekonomi serta pembangunan mampan.

Perancangan Bandar : *Urban Planning / Town Planning*

Suatu aktiviti yang melibatkan proses teknikal dan penyelarasan dasar kerajaan berkaitan dengan pengurusan penggunaan tanah dan reka bentuk persekitaran bandar, termasuk jaringan pengangkutan dan kawasan semula jadi bagi memandu dan memastikan pembangunan petempatan yang terancang dan mampan serta kesejahteraan masyarakat.

Ianya melibatkan proses penyediaan rancangan pemajuan bagi menetapkan pengezonan guna tanah masa hadapan, cadangan pemajuan yang berdasarkan permintaan dan penawaran semasa serta kawalan perancangan/permohonan kebenaran merancang yang melibatkan pertimbangan daripada pelbagai agensi teknikal. Kesemua proses ini melibatkan penyertaan awam dan rundingan dengan pihak yang berkepentingan. (*f*[169])

Perancangan Luar Jangka : *Contingency Planning*

Perancangan yang memberikan tumpuan untuk menghadapi sesuatu masalah dalam tempoh yang singkat dan kos yang minimum. (*f*[170])

Jalan Medan Pasar, Kuala Lumpur

Perbandaran : *Urbanisation*

Satu proses perubahan serta penerapan ciri-ciri bandar terhadap sesebuah kawasan dan proses ini akan melibatkan penghijrahan masuk penduduk luar bandar, perubahan aktiviti ekonomi, perkembangan kawasan bandar, pertambahan penyediaan kemudahan perbandaran, perubahan sosial, nilai dan sifat masyarakat tradisional kepada masyarakat moden serta perubahan guna tanah keseluruhannya yang memberi kesan kepada :

i. Perkembangan saiz sesebuah bandar.
ii. Peningkatan taraf petempatan daripada bukan bandar menjadi bandar. (*f*[171])

Perindustrian : *Industrial*
Termasuklah menjalankan sesuatu pengilangan, perekaan, pembaikan, pemasangan atau memproses keluaran pertanian atau proses pengemasan. (*f172*)

Managed Industrial Park
Taman perindustrian berpusat dan berpagar yang mengelilingi keseluruhan Kawasan dimana mempunyai akses keluar masuk yang terhad dan terkawal, serta mempunyai kemudahan harta bersama (*common property*) yang keseluruhan kawasannya akan diurus dan diselenggara sendiri oleh *Industrial Park Manager* (IPM). (*f173*)

F112

Industri Berat

Industri Berat : *Heavy Industry*
Industri yang menggunakan bahan mentah dan menghasilkan bahan buangan serta pencemaran sama ada dalam bentuk pepejal, cecair dan gas. Ia mempunyai risiko yang tinggi dari segi kebakaran, letupan, pencemaran biologi serta risiko-risiko lain kepada alam sekitar. (*f174*)

Industri Desa : *Rural / Cottage Industry*
Industri yang menghasilkan bahan pencemaran paling minimum yang menyumbang kepada pencemaran udara, bau, bunyi, gegaran, kebakaran dan letupan. Kebanyakan industri ini merupakan *home-based* industri yang dijalankan di kawasan perumahan atau dikaitkan dengan identiti masyarakat setempat. (*f175*)

F113

Hasil industri desa dapat menyumbang pendapatan penduduk kampung.

Industri Hiliran : *Downstream Industry*
Industri sokongan kepada satu industri induk. Contoh industri induk ialah industri pembinaan manakala industri hiliran pula seperti kilang simen, kilang kayu dan sebagainya. (*f176*)

Industri Ringan : *Light Industry*
Industri yang menghasilkan bahan pencemaran di samping penghasilan bunyi, gas serta asap yang paling minimum. Industri ini boleh ditempatkan berhampiran dengan kawasan kediaman atau kawasan pembangunan. (*f177*)

Industri Sederhana : *Medium Industry*
Industri yang menghasilkan bahan buangan, bunyi, bau serta gas di dalam proses pembuatan seharian. Di samping menghasilkan bahan cemar ia juga menggunakan bahan mentah yang dikategorikan sebahagian berbahaya. Ia perlulah ditempatkan agak jauh dari kawasan kediaman. (*f178*)

Kategori	Perusahaan Kecil	Perusahaan Sederhana
Pembuatan	Jualan tahunan daripada RM300,000 kepada kurang daripada RM15 juta **ATAU** bilangan pekerja sepenuh masa daripada 5 orang kepada kurang daripada 75 orang.	Jualan tahunan daripada RM15 juta kepada tidak melebihi RM50 juta **ATAU** bilangan pekerja sepenuh masa daripada 75 orang kepada tidak melebihi 200 orang.
Perkhidmatan dan sektor lain	Jualan tahunan daripada RM300,000 kepada kurang daripada RM3 juta **ATAU** bilangan pekerja sepenuh masa daripada 5 orang kepada kurang daripada 30 orang.	Jualan tahunan daripada RM3 juta kepada tidak melebihi RM20 juta **ATAU** bilangan pekerja sepenuh masa daripada 30 orang kepada tidak melebihi 75 orang.

Perkhidmatan Awam : *Public Services*

Angkatan tentera, perkhidmatan kehakiman dan perundangan, perkhidmatan awam am persekutuan, pasukan polis, perkhidmatan awam bersama (contoh Penasihat Undang-Undang Negeri), perkhidmatan awam setiap negeri dan perkhidmatan pendidikan. (*f*[179])

Perkuburan : *Cemetery*

Tempat bagi aktiviti pengebumian mayat dan aktiviti yang berkaitan mengikut kepercayaan dan agama masing-masing. (*f*[180])

F114

Perkuburan Islam di Raudhatul Sakinah Gombak, Selangor

F115

Perkuburan Cina

F116

Perkuburan Hindu

Perkuburan Bertingkat : *Multi-storey Cemetery*

Satu kaedah alternatif mengebumikan jenazah dengan menimbunkan tanah di atas tanah perkuburan sedia ada yang sudah padat ruang pengebumiannya secara berperingkat. (*f*[181])

F117

Perkuburan Bertingkat : Perkuburan Islam Masjid Al Jamiul Badawi, Kepala Batas



F118

Konsep Perkuburan Secara Berperingkat

Perkuburan Bersepadu : *Integrated Cemetery*

Tempat pengurusan dan pengebumian mayat serta penyimpanan abu mayat untuk dua agama atau lebih contohnya agama Buddha/Tao, Kristian dan Hindu mengikut keperluan penyediaan sekurang-kurangnya satu ekar tanah. (*f*[182])



F119

F120

F121

Tanah perkuburan antara kaum diasingkan dengan tanaman landskap.

Pertanian : *Agriculture*

Termasuklah hortikultur, perladangan, penanaman tanaman, pokok buah-buahan, sayur-sayuran atau pokok-pokok, penanaman tumbuh-tumbuhan untuk digunakan sebagai makanan binatang, perladangan tenusu, pembiakan dan pemeliharaan ternakan, ikan, atau lebah dan menggunakan tanah bagi maksud tambahan pada mana-mana kegiatan itu pada mana-mana kegiatan pertanian yang lain tetapi tidak termasuk menggunakan tanah sebagai sebuah taman untuk digunakan bersama dengan suatu bangunan yang bercantum pada tanah itu dan pertanian hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya. (*f*[183])

F122

F123

Contoh aktiviti pertanian dan penternakan

Perubahan Material Mengenai Penggunaan Tanah : *Material Change In The Use of Land*

Bagi mengelakkan keraguan dalam menentukan, bagi maksud Akta Perancangan Bandar dan Desa [*Akta 172*], apa yang menjadikan suatu perubahan material mengenai penggunaan tanah, maka ditetapkan bahawa:

i. Penggunaan tanah sebagai suatu tempat untuk melonggokkan sampah sarap atau bahan buangan yang adalah melibatkan suatu perubahan material mengenai penggunaan tanah itu, walaupun tanah itu mengandungi suatu tapak yang sudah pun digunakan bagi maksud itu, jika keluasan permukaan atau tingginya longgokan itu adalah dengan itu bertambah secara material.

ii. Apa-apa penggunaan tanah atau penggunaan sebahagian daripadanya yang berlanggaran atau tidak selaras atau bertentangan dengan mana-mana peruntukan rancangan pemajuan yang melibatkan suatu perubahan material mengenai penggunaan tanah itu. (*f*[184])

Perubahan Material Mengenai Penggunaan Bangunan : *Material Change in The Use of Building*

i. Apa-apa penambahan pada bilangan unit dalam suatu bangunan lebih daripada bilangan yang diluluskan pada asalnya oleh mana-mana pihak berkuasa yang diberi kuasa di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang memberikan kelulusan itu adalah melibatkan suatu perubahan material mengenai penggunaan bangunan itu.

ii. Penggunaan suatu rumah tempat tinggal yang bukan pada asalnya dibina untuk kediaman manusia melibatkan suatu perubahan material mengenai penggunaan bangunan itu. Penggunaan bagi maksud lain suatu bangunan atau sebahagian daripadanya yang pada asalnya dibina sebagai rumah tempat tinggal melibatkan suatu perubahan material mengenai penggunaan bangunan itu.

iii. Apa-apa pengubahan atau tambahan pada bahagian bangunan itu, sama ada di sebelah atau bercantum pada bahagian luar bangunan itu, yang bersempadanan dengan apa-apa garisan biasa jalan sebagaimana yang ditetapkan oleh atau ditakrifkan dalam mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan bangunan adalah melibatkan suatu perubahan material mengenai penggunaan bangunan itu.

iv. Apa-apa penggunaan suatu bangunan atau sebahagian daripadanya yang berlanggaran atau tidak selaras atau bertentangan dengan mana-mana peruntukan rancangan pemajuan adalah melibatkan suatu perubahan material mengenai penggunaan bangunan itu. (*f*[185])

Penggunaan bangunan kediaman ditukar kepada aktiviti perniagaan.

Pusat jagaan wanita berpantang di Sabah.

Perumahan : *Housing*
Kumpulan rumah atau rumah-rumah tempat tinggal. (*f186*)

Perumahan Mampu Milik : *Affordable Housing*
Perumahan mampu milik meliputi perumahan kos rendah dan kos sederhana dengan harga jualan yang mampu dimiliki yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan atau Pihak Berkuasa Negeri. (*f187*)

F126

Perumahan Mampu Milik

F127

Kondominium di Kuala Lumpur

F128

Perumahan Strata Bertingkat

Perumahan Strata : *Strata Housing*
Skim strata yang melibatkan suatu pembangunan hartanah yang membahagikan bangunan dan tanah kepada petak-petak, petak aksesori dan harta bersama serta telah ditetapkan sistem pengurusan bagi skim tersebut. Perumahan berhakmilik strata yang dibangunkan mengikut peruntukan subseksyen 6(1A), Akta Hakmilik Strata 1985 [*Akta 318*]. Contohnya rumah pangsa, pangsapuri, kondominium, rumah bandar (*townhouse)* dan rumah-rumah bertanah dalam skim komuniti berpagar. (*f188*)

F129

PPR Bandar UDA Utama, Johor

Program Perumahan Rakyat (PPR) : *People's Housing Programme*
Satu program Kerajaan untuk penempatan semula setinggan dan memenuhi keperluan tempat kediaman bagi golongan berpendapatan rendah. Jabatan Perumahan Negara di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan adalah agensi pelaksana utama bagi projek-projek PPR di seluruh Malaysia. PPR terdiri daripada dua (2) kategori iaitu PPR disewa dan PPR dimiliki. Semua rumah yang dibina di bawah kedua-dua program PPR dimiliki dan PPR disewa akan menggunakan spesifikasi perancangan dan reka bentuk perumahan kos rendah yang ditetapkan dalam Standard Perumahan Kebangsaan bagi Perumahan Kos Rendah Rumah Pangsa. (*f189*)

Podium
Binaan podium merujuk kepada jenis bangunan yang bercirikan pembahagian mendatar di antara menara atas dan menara podium di bawah. Kebiasaannya bangunan podium dibuat daripada besi atau konkrit yang tidak berdinding. (*f190*)

F130



Binaan podium dua (2) tingkat

Rumah Bandar : *Townhouse*
Bangunan kediaman di bandar yang tidak melebihi empat (4) tingkat dan setiap unitnya boleh mempunyai hak milik strata berasingan. (*f[191]*)

F131

Rumah bandar

Rumah Berkembar : *Semi Detached House*
Dua (2) buah rumah berasingan tetapi berkongsi dinding yang sama dan mempunyai pintu masuk berasingan. (*f[192]*)

F132

Rumah berkembar di Tangkak, Johor

F133

Pelan susun atur rumah berkembar

Rumah Kluster : *Cluster House*
Rumah Kluster merupakan tempat kediaman atau beberapa unit bangunan kediaman yang berkongsi dinding belakang dengan rumah lain. (*f[193]*)

F134

Pelan Tapak Rumah Cluster

Rumah Pangsapuri : *Apartment*
Sebuah bangunan bertingkat yang dibina berasingan, serba lengkap dengan kemudahan seperti surau, tempat letak kereta terbuka dan berbumbung, kawasan rekreasi, taman permainan, khidmat keselamatan dan dikelilingi kawasan berpagar bagi tujuan kediaman.(*f[194]*)

Rumah Mikro : *Microhouse*
Rumah mikro adalah seperti apartment studio, tetapi ia lebih kecil, di mana keluasan di antara 9 hingga 37 meter persegi. Konsep rumah mikro ini mempunyai empat (4) atau lima (5) unit dan setiap unit mempunyai tiga (3) hingga enam (6) buah katil serta almari. Penyewa juga akan berkongsi tandas dan tempat pembuangan sampah bersama orang lain. Selain itu, rumah mikro ini hanya khusus untuk orang bujang yang tergolong dalam kategori B40 dan penyewa boleh memilih sama ada untuk menandatangani sewaan selama 12 atau 18 bulan. (*f[195]*)

F135

Rumah Mikro di Jalan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur

Rumah Sesebuah : *Detached House / Bungalow*
Rumah berasingan tidak berkongsi dinding dengan rumah lain yang dibina. (*f[196]*)

Rumah Teres : *Terrace House*
Rumah berasingan dibina secara berbaris tetapi berkongsi dinding dengan rumah di sebelahnya. Ia mengandungi sekurang-kurangnya tiga (3) unit atau lebih. (*f197*)

F136

Rumah Teres 2 Tingkat

F137

Rumah Teres 3 Tingkat

Petempatan : ***Settlement***
Kawasan kediaman untuk masyarakat yang dilengkapi dengan segala kemudahan perkhidmatan. (*f196*)

Petempatan Estet : *Estate Settlement*
Rumah pekerja ladang yang disediakan oleh majikan pengurusan ladang.

i. Corak petempatan adalah berkelompok.
ii. Aktiviti utama sebagai peladang kelapa sawit dan getah. (*f197*)

F138



Petempatan Estet di Asahan, Melaka

Petempatan Tanah Rancangan (FELDA / FELCRA / RISDA) : ***Land Development Settlement***

i. Petempatan kampung terancang berikutan dari pembangunan tanah secara besar-besaran.
ii. Konsep asas adalah untuk mewujudkan suatu petempatan yang '*self-contained*' bertujuan membasmi kemiskinan dan memberi hak milik tanah di kalangan penduduk di kawasan desa. Corak petempatan berbentuk berpusat (*concentrated*) atau berkelompok.
iii. Kepadatan penduduk sederhana tinggi. (*f198*)

F139

Felda Sri Ledang, Johor

F140

Felda Air Tawar 4, Kota Tinggi, Johor

Pusat Agropolitan : *Agropolitan Centre*

Pusat petempatan desa yang berpotensi untuk memperkembangkan kegiatan pembangunan pertanian dengan rantaian nilai yang lebih tinggi. (*f201*)

F141

F142

Pusat Agropolitan Chemomoi, Pahang

Pusat Bandar : *Town / City Centre*

Kawasan yang menjadi tumpuan berbagai-bagai kegiatan atau tempat yang menjadi punca segala aktiviti atau tempat terdapatnya segala kemudahan untuk keperluan sesebuah bandar. (*f202*)

F143

Putrajaya Command Centre (PCC)

Pusat Kawalan : *Command Centre*

Pusat Kawalan yang mengintegrasi data yang berkaitan daripada sensor IoT (*Internet of Thing*) yang digunakan seperti kamera, imej satelit dan data *Geographic Information System* (GIS). Ia juga melibatkan perkongsian data dengan pihak berkuasa berkaitan untuk tindakan segera.(*f203*)

F144

Dataran Pahlawan, Melaka

Pusat Tumpuan Perniagaan Utama : *Central Business District (CBD)*

Pusat aktiviti perniagaan di bandar-bandar utama. (*f204*)

Pusat Pelupusan Sisa Pepejal : *Solid Waste Disposal Centre*
Kawasan atau bangunan yang menjadi tempat mengumpul sisa sampah untuk dilupuskan. (*f*[205])

F145

Tapak pelupusan sisa pepejal sanitari sejak tahun 2005 ini adalah yang terulung dan terbesar dibangunkan di Malaysia.

F146

Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari, Bukit Tagar, Selangor

Pusat Rawatan Sisa Pepejal : *Solid Waste Treatment Centre*
Mana-mana tanah yang digunakan bagi mengendalikan, menstor, mengasingkan, mengangkut, memindahkan, memproses, mengitar semula, mengolah dan melupuskan sisa pepejal terkawal dan termasuklah stesen pemindahan, tapak pelupusan, tambak tanah kebersihan, loji penunu dan loji pengolahan haba lain, loji pengitar semula dan loji pengkomposan. (*f*[206])

Pusat Pemindahan Sisa Pepejal : *Solid Waste Transfer Centre*
Tempat atau kemudahan di mana sisa pepejal terkawal dipunggah dari kenderaan pungutan sisa, dan dimuatkan semula ke dalam kenderaan angkut jauh berkapasiti besar, baj atau pengangkutan rel bagi penghantaran laluan darat atau air ke kemudahan pengolahan dan pelupusan. (*f*[207])

F147

Stesen pemindahan sampah di Batu Maung, Pulau Pinang

F148

Stesen pengurusan sisa pepejal Batu Maung menggunakan teknologi *vertical compression.*

Pusat Kitar Semula : *Recycling Centre*
Tempat untuk meletak atau menjual sisa pepejal yang boleh dikitar semula. (*f*[208])

F149

Pusat Kitar Semula Komuniti Presint 9, Putrajaya

Buangan : *Waste*
Sebarang bahan buangan terjadual atau tidak terjadual dalam sebarang bentuk pepejal, separuh pepejal, cecair, gas yang boleh menyebabkan pencemaran.

F150
Buangan sisa isi rumah

F151
Buangan sisa perindustrian dan perdagangan

Pusat *Fulfillment* : *Fulfillment Centre*
Sebuah pusat yang menawarkan perkhidmatan pergudangan, pemprosesan pesanan dan penghantaran serta menyediakan platform bagi penyumberan luar perkhidmatan kepada peruncit dalam talian. (*f*[209])

F152
Gudang shoppe express di kawasan Lembah Klang

F153
Pusat *Fulfilment* J&T Puchong

Pusat Jagaan Harian : *Day Care Centre*

Pusat jagaan harian di dalam Akta Pusat Jagaan 1993 [*Akta 506*] merujuk kepada "mana-mana premis di mana empat (4) orang atau lebih diterima untuk jagaan selama suatu tempoh berterusan yang melebihi tiga (3) jam sehari antara matahari terbit hingga terbenam dan selama sekurang-kurangnya tiga (3) hari seminggu, sama ada untuk upah atau selainnya tetapi dalam hal premis yang dikendalikan atau diuruskan oleh orang sebenar, seseorang yang merupakan saudara kepada orang itu tidak boleh dikira dalam menentukan bilangan orang yang diterima di premis itu". (*f*[210])

F154

Pusat Jagaan Orang Tua di Kepong, Kuala Lumpur

Pusat Jagaan Berkediaman : *Residential Care Centre*

Pusat jagaan berkediaman mengikut Akta Pusat Jagaan 1993 [*Akta 506*] pula merupakan premis di mana empat (4) orang atau lebih diterima untuk jagaan sebagai penghuni di dalamnya, sama ada untuk upah atau selainnya tetapi dalam hal premis yang dikendalikan atau diuruskan oleh orang sebenar, seseorang yang merupakan saudara kepada orang itu tidak boleh dikira dalam menentukan bilangan orang yang diterima di premis tersebut. (*f*[211])

F155

Pusat Jagaan Berkediaman di Alor Gajah, Melaka

F156

Antara kemudahan yang disediakan di pusat jagaan berkediaman.

F157

Perjumpaan bersama penghuni di pusat jagaan berkediaman.

Pusat Katalis : *Catalyst Centre*

Pusat katalis adalah terdiri daripada bandar sederhana dan kecil yang mempunyai lokasi yang strategik bagi memandu pertumbuhan perbandaran kawasan sekitarnya dan berpotensi menjadi hab yang mempunyai fungsi yang khusus. (*f*[212])

Pusat Tranformasi Bandar : *Urban Transformation Centre (UTC)*

Pusat Transformasi Bandar (UTC) menyediakan pelbagai perkhidmatan utama kerajaan dan sektor swasta yang ditempatkan di dalam satu pusat atau bangunan. UTC juga akan berperanan sebagai pusat setempat bagi aktiviti belia, *Non-governmental Organization* (NGO) serta komuniti usahawan. (*f*[213])

Pusat Tranformasi Luar Bandar: *Rural Transformation Centre (RTC)*

Satu pusat yang menjadi nukleas kepada pelaksanaan pelbagai inisiatif dan program oleh pelbagai Kementerian secara kerjasama bagi tujuan pembangunan penduduk luar bandar dalam lingkungan 100 kilometer dari RTC. (*f*[214])

F158

Pusat Tranformasi Luar Bandar di Terengganu.

F159

Pusat Tranformasi Luar Bandar Sarawak di Betong.

Rancangan Wilayah : *Regional Plan*
Pelan yang disediakan bagi mengurus dan menyelaras rangka kerja spatial suatu wilayah serta membentuk inisiatif projek pengurusan dan menyelaras projek pembangunan yang merentasi sempadan daerah dan negeri bagi menangani perubahan corak guna tanah dan pertumbuhan ekonomi. (*f*[215])



Rancangan Pemajuan : *Development Plan*
Berhubung dengan sesuatu kawasan iaitu :
i. Rancangan tempatan bagi kawasan itu; atau
ii. Jika tiada rancangan tempatan bagi kawasan itu, rancangan struktur bagi kawasan itu. (*f*[216])

Rancangan Kawasan Khas : *Special Area Plan*
Suatu pelan terperinci yang mengandungi cadangan cara untuk memaju, memajukan semula, memperelok, memulihara atau mengandungi amalan pengurusan atau sebahagiannya dengan satu kaedah dan sebahagian lagi dengan kaedah yang lain bagi seluruh atau sebahagian kawasan khas itu dan jenis pengolahan yang dicadangkan di bawah subseksyen 16B(1), Akta Perancangan Bandar dan Desa [*Akta 172*]. (*f*[217])

Rancangan Struktur / Rancangan Tempatan (Pengubahan) : *Structure Plan (Alteration)*
Pengubahan atau pindaan ke atas sebahagian kandungan rancangan struktur atau rancangan tempatan (RS / RT) yang berkuat kuasa, di mana secara umumnya kandungan lain masih terpakai. Bagi tujuan kawalan perancangan, RS / RT asal dan rancangan RS / RT pengubahan hendaklah dibaca secara bersama.

Pengubahan RS / RT boleh dibuat dalam beberapa keadaan termasuk:
i. Terdapat perubahan gambarajah utama/peta cadangan; atau
ii. Terdapat perubahan berkenaan pernyataan bertulis, laporan-laporan sokongan atau mana-mana kandungan RS/RT. (*f*[218])

Rancangan Struktur (Kajian Semula) : *Structure Plan (Review)*
RS (Kajian Semula) dibuat berdasarkan peruntukan subseksyen 11, Akta Perancangan Bandar dan Desa [*Akta 172*]. Sesuatu RS hendaklah dikaji semula setiap lima (5) tahun seiring dengan penyediaan rancangan pembangunan lima (5) tahun negeri. Kajian semula kajian RS juga boleh dibuat jika terdapat arahan daripada Kerajaan Negeri dan terdapat perubahan dasar dan corak pembangunan negeri. (*f*[219])

Rancangan Tempatan : *Local Plan*
Rancangan pembangunan yang mengandungi suatu peta dan pernyataan bertulis yang menerangkan dengan lebih terperinci segala cadangan yang disediakan oleh pihak berkuasa perancang tempatan untuk pemajuan dan penggunaan tanah, berdasarkan rancangan struktur yang telah disediakan mengikut peruntukan subseksyen 12(8), Akta Perancangan Bandar dan Desa [*Akta 172*]. (*f*[220])

Rancangan Tempatan (Penggantian) : *Replacement Local Plan*
Merujuk kepada RT Penggantian yang melibatkan keseluruhan kawasan dan kandungannya, di mana RT asal tidak lagi terpakai bagi tujuan kawalan perancangan dan proses RT Penggantian adalah tertakluk kepada subseksyen 16(3), Akta Perancangan Bandar dan Desa [*Akta 172*]. (*f*[221])

Rangkaian Sistem Perparitan :
Drainage System Network
Parit atau longkang yang berfungsi sebagai sistem saliran sekunder dan tributri. (*f*[222])

Rebakan Bandar : *Urban Sprawl*
Penyerakan bandar secara mendatar, tidak terkawal dan melepasi had pembangunan perbandaran yang telah ditetapkan. (*f*[223])

Kemudahan *Ramp* di Universiti Putra Malaysia, Selangor

Reka Bentuk Sejagat : *Universal Design*
Reka bentuk persekitaran dan produk yang boleh digunakan secara meluas oleh semua golongan individu tanpa memerlukan sebarang adaptasi atau rekaan khas. Ia merupakan satu konsep di mana setiap individu mempunyai akses kepada semua tempat dan kemudahan pada setiap masa. (*f*[224])

Mendapan Arkeologi di Sungai Batu, Kuala Muda, Kedah

Relik Arkeologi :
Archaeological Relic
Mana-mana mendapan arkeologi (*archeological deposit*), mana-mana artifak peninggalan atau keterangan matan yang dikaitkan dengan mendapan arkeologi. (*f*[225])

Sempadan fizikal antara Selangor dan Kuala Lumpur.

Batu Tanda Sempadan 'Malaya-Thailand Border' Bersempadan Dengan Wilayah Betong.

Sempadan Fizikal : *Physical Border*
Sesuatu objek atau benda yang membahagikan atau menjadi sempadan sesuatu kawasan. (*f*[226])

Sistem Pengolahan Kumbahan : *Sewage Treatment System*
Apa-apa kemudahan yang direka bentuk dan dibina bertujuan untuk mengurangkan potensi kumbahan yang menyebabkan pencemaran. (*f*[227])

***Small Office Flexible Office* (SOFO) / *Small Office Versatile Office* (SOVO)**

Konsep pembangunan pejabat butik ini adalah merupakan pejabat yang bersaiz kecil. Unit SOFO dan SOVO adalah perniagaan dan tidak dikawal di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1966 [*Akta 118*]. Pembangunan SOFO / SOVO hanya dibenarkan dalam guna tanah perniagaan dalam pusat bandar dan *Central Bussiness District* (CBD) ataupun dalam kawasan yang dibenarkan mengikut Rancangan Tempatan. Ruang lantai minimum bagi unit SOFO / SOVO adalah 41.8 meter persegi (450 kaki persegi) hingga maksimum 51.1 meter persegi (550 kaki persegi).(*f*[228])

***Small Office Home Office* (SOHO)**

Konsep pembangunan ini adalah merupakan perkongsian ruang pejabat dan perumahan pada masa yang sama pada satu unit yang bersaiz kecil. Konsep pembangunan SOHO adalah untuk penempatan golongan pekerja bukan berkeluarga. Ini kerana ruang tempat tinggal yang disediakan adalah terhad (tiada bilik tidur yang khusus), penyediaan tandas dan tidak dibenarkan menyediakan kemudahan ruang seperti ruang dapur dan ruang basuh/jemuran seperti mana unit kediaman berkeluarga.(*f*[229])

F164

F165

Contoh SOFO di Selangor

F166

Contoh SOHO di Jalan Klang Lama di Kuala Lumpur

F167

Contoh SOVO di Kuala Lumpur Eco City

Taman Atas Bumbung : *Rooftop Garden*
Taman yang terletak di atas bumbung termasuk di bawah, di aras atau tingkat tengah (*intermediate floor level*) dan podium *deck* sesebuah bangunan. (*f*[230])

F168

Taman atas bumbung di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya

Taman Eko Rimba : *Forest Eco Park*
Sebuah kawasan hutan simpan yang dibuka untuk kegunaan orang ramai sebagai tempat riadah, perkelahan dan lain-lain. (*f*[231])

F169

Taman Eko Rimba Selangor

Taman Menegak : *Vertical Garden*
Satu bentuk penanaman alternatif yang terbentang dari bawah ke atas dengan keupayaan untuk dibina di kawasan yang mempunyai ruang tanah yang terhad untuk menanam tanaman. Bentuk dalaman taman menegak menggunakan kurang air, kurang tenaga kerja dan tidak memerlukan cahaya matahari kerana menggunakan lampu LED. (*f*[232])

F170

Bandar Gamuda Gardens @ Kuang, Selangor

Tanah Bandar : *Town Land*
Tanah dalam mana-mana kawasan dalam negeri yang diisytiharkan menurut peruntukan seksyen 11 di bawah Kanun Tanah Negara [*Akta 828*] sebagai bandar. (*f*[233])

F171

Tanah bandar di Kuala Lumpur

F172

Tanah bandar di Kuala Lumpur yang semakin padat dengan pembangunan telah menyebabkan kenaikan harga tanah yang tinggi.

Tanah Desa : *Country Land*
Semua tanah yang lebih tinggi daripada pinggir laut selain dari tanah bandar atau tanah pekan, di bawah perenggan 51(2)(c) di bawah Kanun Tanah Negara [Akta 828]. (*f*[234])

F173

Tanah desa di Melaka

Tanah Kosong : *Vacant Land*
Kawasan tanah terbiar, tidak diusahakan, tiada pembangunan dan tidak didiami. Tanah ini tidak termasuk tanah yang dirizabkan sebagai padang atau lot permainan. (*f237*)

F174
Tanah kosong di Gombak, Selangor

Tanah Lapang : *Open Space*
Mana-mana tanah sama ada dikepung atau tidak yang disusun atur atau dirizabkan untuk disusun atur keseluruhannya atau sebahagiannya sebagai suatu taman bunga awam, taman awam, padang sukan dan rekreasi awam, tempat makan angin awam, tempat jalan kaki awam atau sebagai suatu tempat awam. (*f238*)

Tanah Lombong : *Mining Land*
Tanah yang telah diberi atau dikeluarkan pajakan lombong atau sijil lombong di bawah mana-mana undang-undang bertulis mengenai perlombongan yang pada masa itu berkuasa. (*f239*)

F175
Aktiviti lombong pasir di Shah Alam, Selangor

F176
Tanah pekan di Melaka

Tanah Pekan : *Village Land*
Tanah dalam mana-mana kawasan dalam negeri yang diisytiharkan menurut peruntukan seksyen 11, Kanun Tanah Negara [*Akta 828*] sebagai pekan atau mengikut seksyen 442, Kanun Tanah Negara [*Akta 828*] disifatkan sebagai pekan. (*f236*)

Tanah Tanih : *Soil*
Mineral tak kukuh atau bahan organik pada permukaan bumi yang bertindak sebagai satu medium semula jadi untuk pertumbuhan tumbuhan darat (*f233*)

Tanda Aras : *Spot Level*
Titik atau tanda yang mempunyai nilai ketinggian di atas permukaan bumi yang relatif kepada sesuatu datum rujukan ketinggian. Di semenanjung malaysia, nilai-nilai ketinggian aras adalah merujuk kepada Datum Tegak Geodesi Semenanjung Malaysia (DTGSM). Di Sabah, nilai ketinggian tanda aras merujuk kepada Datum Kota Kinabalu manakala di Sarawak, nilai ketinggian aras merujuk kepada tiga (3) datum rujukan iaitu Datum Pulau Lakei, Datum Bintulu dan Datum Original. Nilai-nilai ketinggian ini ditentukan dari pengukuran aras di lapangan.(*f240*)

Tanda Langit : *Sky-Sign*
Apa-apa binaan yang terdiri daripada suatu bingkai, papan dinding, papan, bar, pilar, tiang, dawai atau sesuatu gabungan daripada benda-benda itu, atau apa-apa binaan yang serupa itu, atau apa-apa benda boleh dilihat yang terapung atau yang ditetapkan kedudukannya dengan ikatan dawai atau dengan alat lain yang boleh dilentur, yang ditunjukkan bagi maksud iklan perdagangan atau profesion dalam sesuatu kedudukan supaya boleh mudah dilihat berlatarkan langit dari mana-mana lebuh atau tempat awam. (*f241*)

Taman Perindustrian : *Industrial Park*
Kawasan yang telah dizonkan sebagai kawasan industri dengan infrastruktur bersepadu dan terancang. (*f[242]*)

Telaga Tiub : *Tube Wells*
Telaga tiub bermaksud apa-apa lubang yang menembusi lapisan bawah permukaan dan dipasang komponen telaga mengikut reka bentuk yang sesuai. (*f[243]*)

F177

Telaga tiub di Masjid Al-Hasanah, Bandar Baru Bangi, Selangor

Tempat Awam : *Public Place*
Mana-mana lapangan terbuka, tempat letak kereta, kebun bunga, taman rekreasi dan riadah atau medan sama ada terkepung atau tidak yang dikhaskan atau diuntukkan bagi kegunaan orang ramai atau yang terbuka kepada orang ramai pada bila-bila masa di bawah seksyen 2, Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*]. (*f[244]*)

F178

Taman rekreasi di Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur

Tempat Rawatan Kumbahan : *Sewage Treatment Center*
Kemudahan yang direka bentuk untuk menerima dan memproses kumbahan atau enap cemar kumbahan sebelum dilupuskan ke suatu bahantara penerima tetapi tidak termasuk tangki septik. (*f[245]*)

F179

Contoh tempat rawatan kumbahan di Pantai Dalam, Kuala Lumpur

Tempat Letak Kenderaan : *Parking Lot*
Kawasan atau bangunan tempat letak kenderaan yang disediakan sama ada di kawasan terbuka atau tertutup. (*f*[246])

F180
Tempat letak kereta di Kuala Lumpur

Tempat Letak Kenderaan Bertingkat : *Multi-storey Parking*
Bangunan khas yang disediakan untuk orang ramai meletakkan kenderaan. Tempat ini terdiri daripada beberapa tingkat serta mempunyai banyak ruang yang menyediakan lot-lot bagi meletakkan kenderaan. (*f*[247])

F181
Tempat letak kenderaan bertingkat di Hospital Kuala Lumpur

Tempat Letak Kenderaan Pintar : *Smart Parking*
Sistem parkir pintar melibatkan pemasangan sistem berasaskan *Internet of Things* (IoT) untuk penyatuan ketersediaan tempat letak kenderaan di pelbagai lokasi, pemakluman status secara langsung ruang individu, dan penyediaan tempahan tempat letak kenderaan boleh diperkenalkan. Sistem letak kenderaan pintar yang dinamik juga boleh diintegrasikan dengan sistem pembayaran. Aplikasi bagi membolehkan carian petak tempat letak kenderaan dan bayaran melalui telefon pintar terutama *street parking*. Berdasarkan data masa sebenar pengurusan, *trend* dan analisis penambahbaikan tempat letak kenderaan. (*f*[248])

F182
Tempat letak kenderaan di IOI City Mall, Putrajaya

Tempat Letak Kenderaan Mekanikal : *Mechanical Parking*
Suatu sistem tempat letak kenderaan mekanikal bagi mengatasi masalah kekurangan tempat letak kereta di kawasan bandar. Sistem ini menjimatkan ruang, menjamin keselamatan, dan menggunakan teknologi merangkumi pelantar pengangkat *(turntable)* yang menyusun kereta secara berlapis. (*f*[249])

Tempat Letak Kereta Tandem : *Tandem Parking*
Dua (2) ruang lot tempat letak kereta yang disusun secara seiring dan berkongsi satu laluan keluar masuk, sesuai bagi mereka yang tinggal dalam rumah yang sama.


F183
Tandem parking di Palmville Resort Condominium di Bandar Sunway, Selangor


F184
Ilustrasi tandem parking

Terminal
Stesen tunggal atau pelbagai mod dan pusat pengangkutan yang dikhususkan untuk pengangkutan awam atau bahagian atau pecahannya yang berhubungan dengan pengangkutan awam. (*f*[250])

Terminal Feri / Bot : *Ferry / Boat Terminal*
Tempat bermula atau berakhir perkhidmatan feri dan bot di mana pengguna feri dan bot boleh mendapatkan perkhidmatan asas tempat pembelian dan penempahan tiket, jadual ketibaan dan berlepas dan sebagainya. (*f*[251])

F185

Terminal Feri di Kuala Kedah, Kedah

Terminal Kargo : *Cargo Terminal*
Suatu kemudahan pengangkutan yang disediakan di mana kontena kargo disimpan untuk dipindahkan ke kapal lain atau disimpan di luar sebelum diangkut ke lokasi lain. Terminal kargo boleh merangkumi kemudahan aksesori seperti gudang, limbungan kereta api, stor penyimpanan dan pejabat. (*f*[252])

F186

Terminal Kargo di Pelabuhan Utara, Pulau Pinang

Terminal Pengangkutan Awam : *Public Transport Terminal*
Sebuah kompleks bersepadu yang menjadi tempat perhentian atau pengumpulan semua mod pengangkutan awam. (*f*[253])

Terminal Pengangkutan Bersepadu : *Integrated Transport Terminal*
Kawasan atau premis bagi perkhidmatan pelbagai mod pengangkutan awam iaitu bas, teksi dan kereta api. Menawarkan perkhidmatan tempat pembelian dan tempahan tiket, jadual ketibaan dan berlepas serta lain-lain perkhidmatan pengangkutan awam. (*f*[254])

F187

Terminal Bersepadu Selatan (TBS), Kuala Lumpur

F188



Tiang Pintar di Bandar Utama, Selangor

F189



Tiang Pintar : *Smart Pole*

Platform yang dibina di jalan yang boleh digunakan dalam pelbagai fungsi, termasuk meletakkan panggilan kecemasan, membuat pengumuman, pencahayaan jalan dan menjana tenaga solar. *Smart pole* boleh meningkatkan kecekapan bandar, sementara pada masa yang sama boleh meminimumkan perabot jalanan. (*f*[255])

Tonggak Jalan : *Bollard*

Tonggak jalan berfungsi sebagai pembahagi atau pemisah laluan pejalan kaki dari laluan bermotor. (*f*[256])

F190

PICC, Putrajaya

F191



Rajah 4 : Anjakan tonggak jalan dari kerb jalan
Sumber : *Draf Garis Panduan Reka Bentuk Perabot Jalan, 2003, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia*

Jarak tonggak jalan yang dipasang membolehkan Orang Kelainan Upaya menggunakan kerusi roda dengan selesa dan selamat.

Transit Aliran Ringan : *Light Rail Transit* (LRT)

Fenomena yang berlaku secara semula jadi akibat balasan garis pantai kepada proses garis pantai semula jadi yang dijana oleh keadaan kaji cuaca dan oseanografi yang terdiri daripada tiupan angin, ombak dan air pasang surut. (*a*[22])

Hakisan pantai yang berlaku di Terengganu.

Kenaikan Aras Laut : *Sea Level Rise*
Kenaikan aras laut sama ada secara eustatik atau isostatik. Eustatik bermaksud kenaikan atau penurunan aras laut tanpa melibatkan perubahan aras daratan, namun aras daratan kelihatan seolah-olah mengalami perubahan. Manakala isostatik bermaksud kenaikan atau penurunan daratan tanpa melibatkan perubahan aras laut, namun aras laut kelihatan seolah-olah mengalami perubahan. (*a*[23])

Bencana Semula Jadi : *Natural Disaster*
Proses semula jadi bumi/fenomena yang boleh menyebabkan pengorbanan nyawa, kerosakan harta benda, gangguan sosial dan ekonomi atau kemerosotan alam sekitar. (*a*[24])

Tanah Runtuh : *Landslide*
Merupakan satu kejadian geologi yang melibatkan gelongsoran tanah atau pergerakan tanah dari satu kedudukan yang tidak stabil dan ia berlaku secara pantas atau perlahan oleh tarikan graviti. (*a*[25])

Kejadian tanah runtuh di Cameron Highlands, Pahang.

Tsunami : *Tsunami*
Suatu siri ombak besar yang mempunyai jarak gelombang dan jangka masa yang agak panjang disebabkan oleh gangguan atau perubahan pada dasar laut akibat daripada beberapa fenomena seperti gempa bumi, tanah runtuh di dasar laut, hentaman meteor dan juga ledakan gunung berapi. (*a*[26])

Lubang Benam : *Sink Hole*
Lubang yang terbentuk di permukaan tanah akibat batuan dasarnya dilarutkan oleh air. Saiz dan kedalamannya pelbagai dari satu (1) meter hingga beberapa puluh meter. Ia terbentuk bermula dari pembentukan lohong atau gua di bawah tanah di kawasan yang lazimnya didasari oleh batu kapur. (*a*[27])

Lubang benam yang berlaku di Jalan Teluk Likas, Sabah.

Risiko Bencana : *Disaster Risk*
Bencana berpotensi mengakibatkan kerugian besar, seperti kehilangan nyawa, taraf kesihatan menurun, hilang punca pendapatan, aset dan perkhidmatan. Ia boleh berlaku kepada mana-mana masyarakat atau komuniti dalam tempoh masa akan datang. (*a*[28])

Beting : *Shoals*
Timbunan pasir yang besar dan panjang di muara (di laut dan lain-lain) biasanya terdiri daripada pasir, mendakan atau anak batu yang boleh menghalang pelayaran dan aliran arus air. (*a*[29])

A20

Beting pasir di Pulau Redang, Terengganu.

Biodiversiti : *Biodiversity*
Kepelbagaian organisma hidup daripada pelbagai sumber yang meliputi antaranya ekosistem darat, laut dan akuatik serta kompleks ekologi yang menjadi sebahagian daripadanya termasuk kepelbagaian spesies, antara spesies dan ekosistem. (*a*[30])

Bioprospeksi : *Bioprospecting*
Sebarang aktiviti atau usaha untuk mencari sebatian yang berguna kepada manusia seperti bahan dadah baharu dan bahan agrokimia daripada sumber biologi. (*a*[31])

Biosfera : *Biosphere*
Bahagian permukaan bumi dan atmosferanya yang boleh dihuni oleh benda hidup. (*a*[32])

Dataran Banjir : *Flood Plains*
Tanah dampingan (*adjoining*) yang hampir rata terletak di bahagian lembah sungai dan hanya dibanjiri air apabila aliran sungai melebihi daya tampungan (*carrying capacity*) alur biasa. (*a*[33])

A21



Keadaan Normal **Keadaan Banjir**

A22

Dataran banjir

Daya Tampungan : *Carrying Capacity*
Sesebuah kawasan yang boleh menerima daya tampungan yang mempunyai limitasi tampungan yang bersesuaian dengan sesuatu keadaan/situasi.

Pelan pengurusan daya tampungan perlu disediakan bagi mengurus dan menjaga ekosistem kawasan semula jadi (terutamanya di tapak ekopelancongan dan tapak warisan).

Ekologi : *Ecology*
Hubungan antara tumbuhan, binatang dan manusia dengan persekitaran yang membentuk keseimbangan ekosistem. (*a*[34])

Ekosistem : *Ecosystem*
Sistem lingkungan hidup semula jadi yang terbentuk sebagai hasil daripada tindakan yang menyaling antara benda-benda hidup dengan persekitarannya. (*a*[35])

Ruang lingkup ekosistem antara hidupan dan alam sekeliling.

***Central Forest Spine* (CFS)**
Gabungan kompleks hutan yang terdiri daripada kawasan hutan simpanan kekal, hutan tanah kerajaan, taman negara, taman negeri dan rizab hidupan liar serta tanah pertanian yang menjadi tulang belakang bagi kawasan sensitif alam sekitar. (*a*[36])

Rangkaian Ekologi :
Ecological Linkages
Habitat hutan yang menyambung atau membolehkan pergerakan hidupan liar antara pulau hutan di dalam kawasan *Central Forest Spine* (CFS) sama ada melalui rangkaian semula jadi sedia ada yang masih berhutan atau laluan pergerakan seperti sungai, lembah dan permatang. Rangkaian ekologi berbentuk fizikal, mempunyai ruang geografi yang jelas dan diurus tadbir dalam jangka masa panjang untuk mengekalkan atau memulihkan hubungan ekologi yang berkesan. (*a*[37])

Konsep rangkaian ekologi *Central Forest Spine*



Rangkaian Ekologi Terancam : *Endangered Ecological Linkages*
Rangkaian ekologi yang mengalami ancaman kritikal atau sehingga menjejaskan fungsi sebagai laluan hidupan liar kerana mempunyai isu fragmentasi hutan dan menyebabkan kawasan hutan terputus, menjadi pulau hutan, majoriti kegunaan tanah adalah pertanian, mempunyai halangan fizikal seperti jalan, laluan rel dan infrastruktur lain. (*a*[38])

Fragmentasi hutan menyebabkan rangkaian ekologi terancam.

Gas Rumah Kaca : *Green House Gas* (GHG)
Apa-apa gas yang menyerap sinaran inframerah. Gas rumah kaca termasuk, tetapi tidak terhad kepada, wap air, karbon dioksida (CO_2), metana (CH_4), nitrus oksida (N_2O), berhalogen fluorocarbons (HCFCs), ozon (O_3), karbon perfluorinated (PFCs), hydrofluorocarbons (HFCs) dan hexafluoride sulfur (SF6) (*a*[39]). Gas rumah kaca juga dikenali sebagai gas rumah hijau.

A27



Aktiviti-aktiviti atau sumber yang menyumbang kepada penghasilan gas rumah kaca.

Jejak Karbon : *Carbon Footprint*
Jumlah pelepasan gas karbon daripada aktiviti individu, kumpulan, organisasi atau produk. (*a*[40])

Kesan Pulau Haba : *Heat Island Effect*
Suatu fenomena perbezaan suhu yang ketara berlaku antara kawasan bandar dan luar bandar akibat daripada aktiviti manusia. (*a*[41])

A28

Pembangunan dan pertambahan penduduk yang pesat menyebabkan kejadian pulau haba.

Pengasingan Karbon : ***Carbon Sequestration***
Proses penyerapan dan penyimpanan karbon dioksida daripada atmosfera. (*a*[42])

Pemanasan Global : *Global Warming*

Peningkatan purata suhu atmosfera berhampiran permukaan bumi dan di troposfera, yang boleh menyumbang kepada perubahan dalam corak iklim global. Pemanasan global boleh berlaku secara semula jadi atau akibat daripada aktiviti manusia. Dalam penggunaan biasa, pemanasan global sering merujuk kepada pemanasan yang berlaku akibat pelepasan dan peningkatan gas rumah kaca daripada aktiviti manusia. (*a*[43])

A29

Loji tenaga menyebabkan berlakunya pemanasan global.

Prinsip Pencemar Membayar : ***Polluter Pays Principle***
Prinsip ke arah penjagaan alam sekitar yang mana pihak yang menghasilkan pencemaran perlu bertanggungjawab dan menanggung kos kerosakan atau pencemaran yang telah dilakukan. (*a*[44])

Hutan : *Forest*
Sesuatu kawasan merangkumi keluasan melebihi 0.5 hektar termasuk hutan semula jadi/asli dan ladang hutan tetapi tidak termasuk pokok-pokok yang ditanam bagi tujuan pertanian atau penggunaan tanah bandar (*urban land use*). Pokok-pokok yang terdapat di kawasan tersebut juga hendaklah mampu mencapai ketinggian sekurang-kurangnya lima (5) meter dan dilitupi oleh silara pokok melebihi 10%. (*a*[45])

Hutan Darat : *Land Forest*
Kawasan hutan yang bentuk muka buminya berbukit dan beralun-alun serta berketinggian sehingga 1,000 meter dari paras laut. (*a*[46])

Hutan Simpan Kenderong, Gerik, Perak

Hutan Miskin : *Poor Forest*
Hutan simpanan kekal (HSK) yang telah diusahasil dan hasil keputusan bancian selepas tebangan menunjukkan kawasan tersebut tidak mempunyai bilangan anak benih daripada jenis pilihan (RS) yang mencukupi tetapi mengalami gangguan (bertam, resam, halia, pisang dan buluh) yang tidak boleh diatasi. (*a*[47])

Hutan Paya Gambut : *Peat Swamp Forest*
Hutan yang terbentuk di atas tanah gambut yang mempunyai kedalaman lebih kurang enam (6) meter yang mengandungi air dan berasid. Hutan ini terletak di belakang garisan pantai. (*a*[48])

Hutan Simpan Kuala Langat Utara, Selangor merupakan hutan paya gambut yang menjadi habitat kepada pelbagai spesies hidupan.

Hutan Perlindungan : *Protection Forest*
Hutan yang dipelihara dan dilindungi dengan mengekalkan habitat semula jadi sebagaimana diperuntukkan di bawah perenggan 10(1)(b) hingga 10(1)(k), Akta Perhutanan Negara 1984 [*Akta 313*].(*a*[49])

Taman Negara Pahang, Kuala Tahan yang terletak di Jerantut, Pahang merupakan salah satu hutan perlindungan hidupan liar.

Hutan Paya Laut : *Marine Swamp Forest*
Satu (1) ekosistem hutan yang bercampur dengan air masin di kawasan air pasang surut di sepanjang pantai. (*a*[50])

Taman Negara Pulau Kukup, Pontian, Johor merupakan hutan paya laut/bakau yang menyimpan pelbagai khazanah berharga alam semulajadi.

Hutan Pengeluaran : *Production Forests*
Merupakan hutan pengeluaran kayu di bawah perolehan berkekalan yang membolehkan kawasan hutan tersebut dikeluarkan hasil kayunya sebagaimana dinyatakan di bawah perenggan 10(1)(a), Akta Perhutanan Negara 1984 [*Akta 313*]. (*a*[51])

Hutan yang dikategorikan sebagai hutan pengeluaran membolehkan kawasan hutan tersebut dikeluarkan hasil kayunya.

Hutan Simpanan Kekal : *Permanent Reserved Forest*

Mana-mana tanah (tanah berhutan dan tidak berhutan) yang diwartakan atau disifatkan telah dijadikan sebagai hutan simpanan kekal untuk tujuan perhutanan di bawah seksyen 7, 8 dan 9, Akta Perhutanan Negara 1984 [*Akta 313*]. Takrifan hutan simpanan kekal (HSK) dalam seksyen 2, Akta 313 adalah "mana-mana tanah yang dijadikan atau disifatkan telah dijadikan suatu hutan simpanan kekal di bawah Akta ini." (*a*[52])

Hutan Simpan Kekal Johol, Negeri Sembilan

Hutan Tadahan Air : *Water Catchment Forest*

Hutan yang berfungsi sebagai kawasan tadahan air hujan dengan menyerap air hujan dan mengalirkan ke dalam anak sungai. Ia juga bertindak sebagai penuras yang menapis air hujan bagi memastikan air bersih dan jernih mengalir ke kawasan tadahan. (*a*[53])

Hutan Simpan Ulu Muda, Sungai Petani, Kedah

Hutan Taman Negeri : *State Forest Park*

Kawasan hutan yang ditubuhkan bertujuan untuk tujuan perlindungan, pemeliharaan dan pemuliharaan kepelbagaian biologi hutan serta menjalankan aktiviti seperti pendidikan dan rekreasi (ekopelancongan). (*a*[54])

Hutan Taman Negeri Royal Belum, Gerik, Perak

Hutan Tanah Kerajaan (Negeri) : *State Land Forest*

Kawasan hutan yang tidak diwartakan sebagai hutan simpanan kekal (HSK) dan hak pemilikan hutan adalah milik kerajaan negeri. (*a*[55])

Hutan Terosot : *Deforested Forest*

Kawasan hutan simpanan kekal (HSK) yang telah mengalami gangguan oleh faktor alam semula jadi (kebakaran, banjir, tanah runtuh dan lain-lain) atau manusia (pencerobohan, tanaman pindah dan kawasan usahahasil) dan tidak mampu untuk diusahasil bagi pengeluaran kayu kayan dalam masa dua kitaran atau pusingan tebangan tanpa rawatan silvikultur.Contoh seperti bekas kawasan yang telah diteroka, pembalakan haram dan bekas tapak kongsi pekerja.(*a*[56])

Ladang Hutan : *Forest Plantation*

Kawasan yang ditanam dengan pokok atau tumbuh-tumbuhan hutan sama ada dari spesies tempatan atau eksotik dengan kaedah tanaman secara terbuka yang luasnya tidak kurang daripada 50 hektar. (*a*[57])

Penanaman pokok hutan *Timber Latex Clone* (TLC) sebagai ladang hutan.

Litupan Hutan : *Forest Cover*

Tanah yang meliputi kawasan melebihi 0.5 hektar dengan mempunyai pokok-pokok berketinggian melebihi lima (5) meter dan litupan kanopi melebihi 10% yang dapat dilihat di permukaan bumi. (*a*[58])

Jenut : *Salt Lick*

Juga dikenali sebagai sira (*salt lick*) yang merupakan tempat di permukaan bumi yang mendapan garamnya atau luahan mata air garamnya dapat dijilat oleh hidupan liar bertujuan mendapatkan zat galian. (*a*[59])

Menjenut merupakan aktiviti yang dilakukan oleh hidupan liar untuk mendapatkan zat galian.

Kawasan Pengurusan Khas : *Special Management Area*

Kawasan-kawasan di banjaran utama di mana pembangunan aktiviti pertanian dan bandar yang berkaitan berkemungkinan dibenarkan. Merupakan kawasan yang wujudnya tumpuan petempatan manusia dan mempunyai perkhidmatan infrastruktur dan kemudahan asas. (*a*[60])

Genting Highlands merupakan kawasan pengurusan khas bagi pembangunan komersial di kawasan tanah tinggi.

Pembangunan pertanian di kawasan tanah tinggi Cameron Highlands sebagai salah satu kawasan pengurusan khas.

Kawasan Hijau : *Green Area*

Kawasan yang diliputi dengan tumbuh-tumbuhan semulajadi atau tanaman. Ia terdiri daripada kawasan lapang, kawasan rekreasi, koridor infrastruktur dan utiliti, zon penampan, rizab hutan, kawasan belukar, *perimeter planting* dan kawasan halaman kediaman. Kawasan hijau berfungsi untuk meningkatkan kualiti alam sekitar serta nilai estetik bandar, meningkatkan peluang rekreasi dan meningkatkan potensi tarikan pelancongan. (*a*[61])

Kawasan Lapang : *Open Space*

Tanah atau suatu reruang khas yang telah dirizabkan atau tidak dirizabkan meliputi sebarang bentuk aktiviti rekreasi sama ada aktif atau pasif bagi mewujudkan persekitaran yang berkualiti, rendah karbon, mampan dan memberikan keselesaan serta selamat untuk dinikmati.

Taman Saujana Hijau, Presint 11, Putrajaya

Taman Negara : *National Park*

Taman ini berfungsi sebagai kawasan perlindungan alam semula jadi flora dan fauna serta bahan sejarah yang mempunyai keunikan tersendiri melibatkan aktiviti rekreasi aktif berbentuk pembelajaran, penyelidikan dan pengekalan alam semula jadi serta warisan yang berkepentingan nasional serta keluasannya tiada had (mengikut keperluan). (*a*[62])

Taman Negara Endau Rompin, Johor

Taman Persekutuan/Taman Wilayah/ Taman Negeri : *Federal Park/Regional Park/State Park*

Taman ini berfungsi untuk memenuhi keperluan penduduk sesebuah wilayah/negeri untuk tujuan aktiviti rekreasi, riadah, sukan, interaksi sosial dan menikmati keindahan alam semula jadi. Taman ini berkeluasan minimum 10 hektar (24.7 ekar). (*a*[63])

Taman Persekutuan Bukit Kiara, Kuala Lumpur

Taman Bandaran/Taman Tempatan : *Town Park/Local Park*

Taman ini berfungsi untuk memenuhi keperluan penduduk sesebuah bandar/daerah bagi tujuan aktiviti rekreasi, riadah, sukan, interaksi sosial dan menikmati keindahan alam semula jadi. Taman ini berkeluasan minimum lima (5) hektar (12.36 ekar). (*a*[64])

Taman Bandaran Kelana Jaya, Selangor

Tangga Putrajaya STEPS

Taman Kejiranan : *Neighbourhood Park*

Taman ini berfungsi sebagai kawasan rekreasi dalam sesebuah kawasan kejiranan bagi keperluan penganjuran aktiviti rekreasi, riadah, sukan dan interaksi sosial penduduk. Taman ini berkeluasan minimum satu (1) hektar (2.47 ekar). (*a*[65])

Taman Rekreasi Taman Bukit Indah, Johor

Taman Bandar Senawang Park City, Negeri Sembilan

Taman Permainan/Laman Permainan : *Playground*

Taman ini berfungsi sebagai kawasan rekreasi dalam lingkungan jarak berjalan kaki yang dapat menampung keperluan aktiviti rekreasi, riadah, sukan dan juga keperluan interaksi sosial penduduk. Taman ini berkeluasan minimum 0.1 hektar (0.25 ekar). (*a*[66])

Taman permainan di Bukit Antarabangsa, Kuala Lumpur.

Taman permainan kanan-kanak di kawasan taman perumahan.

Rangkaian Hijau : *Green Lung*

Taman, kawasan hijau, kawasan lapang atau hutan yang terletak di dalam kawasan bandar yang berperanan untuk mengekalkan persekitaran bandar yang bersih dan indah. (*a*[67])

Taman Botani Perdana, Kuala Lumpur

Lingkaran Hijau: *Green Belt*

Satu kawasan yang mengelilingi sesebuah bandar yang telah diwartakan dengan tujuan mengehadkan perkembangan bandar tersebut. (*a*[68])

Infrastruktur Hijau : *Green Infrastructure*

Rangkaian yang dirancang dan diuruskan secara strategik yang terdiri daripada kawasan lapang, tanah semula jadi, habitat hidupan liar, taman, dan aset lain yang menyediakan perkhidmatan penting untuk masyarakat dengan memperkaya dan mengekalkan kualiti hidup mereka. Perancangan infrastruktur hijau mampu mengeksploitasi corak alam sekitar semula jadi bagi pembangunan tanah yang lebih baik. (*a*[69])

Perimeter Planting

Tanaman yang disediakan di sekeliling kawasan pembangunan dan termasuk anjakan bangunan bagi mewujudkan keseimbangan di antara struktur bangunan yang kejur dengan alam. (*a*[70])

Keratan rentas penyediaan *perimeter planting* minimum 3 meter di hadapan dan 1 meter di belakang/tepi serta berada di luar akses Bomba.

Kawasan Perlindungan : *Protected Area*
Kawasan tanah dan laut yang didedikasikan untuk perlindungan dan pemeliharaan kepelbagaian sumber semula jadi dan kebudayaan yang berkenaan, serta diuruskan secara menyeluruh. Istilah kawasan perlindungan dirujuk kepada kawasan tanah tinggi, kawasan air tawar dan kawasan laut. (*a*[71])

Tasik Cermin, Ipoh, Perak

Kawasan pendaratan penyu merupakan kawasan perlindungan bagi habitat-habitat terancam.

Pemindahan Fiskal Ekologi: ***Ecological Fiscal Transfer* (EFT)**
Insentif bagi mewartakan kawasan perlindungan (*protected areas*) yang merupakan kawasan penting bagi perkhidmatan ekosistem termasuk sebagai kawasan tadahan air dan perlindungan hidupan liar. (*a*[72])

Geopark
Sesuatu kawasan yang terdapat tapak warisan geologi yang digunakan oleh semua pihak bagi tujuan pemeliharaan, pendidikan dan pembangunan secara lestari/mampan. Ia juga mempunyai unsur-unsur ekologi, arkeologi, sejarah dan budaya. (*a*[73])

Tapak *Geopark* : *Geopark Site*
Merujuk kepada tapak, kawasan atau landskap yang mempunyai nilai warisan geologi yang tinggi dengan mempunyai ciri-ciri yang unik (*rare*) selain mempunayi sejarah geologi, ekologi atau gabungan ciri-ciri tersebut dan perlu dipulihara sebagai khazanah negara atau global. (*a*[74])

Kilim Geoforest Park, Langkawi Geopark, Kedah

Lembah Kinta Geopark, Perak

Kawasan Tadahan Air : *Water Catchment Area*
Kawasan di mana air hujan mengalir ke dalam satu kawasan badan air seperti sungai, empangan, tanah lembap atau laut Terdiri daripada dua (2) jenis iaitu kawasan tadahan empangan dan kawasan takat pengambilan air yang berkemungkinan terletak di sepanjang sungai jauh ke hilir empangan. (*a*[75])

Empangan : *Dam*
Kawasan yang dibina dengan struktur berkaitan untuk tujuan penyimpanan, kawalan dan lencongan air. (*a*[76])

Empangan Klang Gate, Gombak, Selangor

Empangan Timah Tasoh, Perlis

Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) : *Environmentally Sensitive Area*

Suatu kawasan khas yang sangat sensitif kepada sebarang bentuk perubahan kepada ekosistemnya akibat proses alam semula jadi atau aktiviti di dalam atau di sekitarnya, sama ada secara langsung atau tidak langsung, di mana tahap kesensitifannya ditentukan berasaskan pengintegrasian cirian unsur-unsur fungsi risiko bencana, nilai sokongan hidup serta nilai khazanah dan warisan kawasan tersebut. (*a*[77])

Kawasan Khas Sensitif kepada Pembangunan atau Aktiviti Khas

KSAS lazimnya sensitif kepada pembangunan dan pencobohan akibat aktiviti manusia. Kesensitifan ini boleh membawa kesan buruk kepada KSAS dan juga manusia serta hidupan lain.

A59

Gunung Senyum, Temerloh, Pahang

Nilai Warisan Khas :

KSAS nilai warisan ditakrifkan sebagai kawasan yang mempunyai nilai-nilai tinggi daripada perspektif sejarah, kepelbagaian biologi, kebudayaan dan saintifik.

A60

Bangunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur

A61

Bandar George Town, Pulau Pinang

Nilai Sokongan Hidup Khas :

KSAS nilai sokongan hidup ditakrifkan sebagai kawasan yang mempunyai ciri-ciri yang penting untuk menyokong keperluan asas manusia dan hidupan lain.

A62

Jelapang padi di Sekinchan, Selangor.

Risiko Bencana Khas:

KSAS risiko bencana ditakrifkan sebagai kawasan yang berisiko tinggi terhadap bencana alam atau kehilangan nyawa sekiranya dibangunkan atau dicerobohi untuk aktiviti manusia.

Kitar Semula : *Recycle*
Merujuk kepada meletakkan sesuatu dalam kitaran. Aktiviti mengitar semula dengan mengasingkan sisa dan kemudian menyalurkannya kepada organisasi atau kilang-kilang yang berkaitan.
Ia juga termasuk *upcycling* mewakili pelbagai proses yang mana produk "lama" boleh diubah suai dan menjadi produk "baharu" dengan nilai lebih daripada nilai asal jumlah semua komponennya. (*a*[78])

Guna Semula : *Reuse*
Ia merujuk kepada penggunaan semula barangan berulang kali dan dengan berbuat demikian penjanaan sisa dan pembuangannya dapat dikurangkan. (*a*[79])

Mengurangkan : *Reduce*
Merujuk kepada pengurangan kuantiti sisa yang dijana di punca, dengan mengurangkan jumlah produk dan jenis produk yang digunakan. Ia juga merujuk kepada pengurangan penggunaan sumber semula jadi. Ini bermakna kita perlu memberi perhatian kepada barang-barang yang dibeli, dihasilkan dan dibuang. (*a*[80])

A63

Ekonomi Kitaran : *Circular Economy*
Model pengeluaran dan penggunaan, yang melibatkan perkongisan, pemajakan, penggunaan semula, pembaikan, membaik pulih dan mengitar semula bahan dan produk sedia ada selama mungkin. Dengan cara ini, kitaran hayat produk dilanjutkan. (*a*[81])

A64

Tempat pengumpulan hasil kitar semula.

A65

Pusat kitar semula yang terletak di Cyberjaya, Selangor.

A66

Ekonomi Kitaran

Proses Kompos : ***Composting***
Sisa organik yang telah terurai dan dikitar semula. (*a*[82])

A67

A68

A69

Kumbahan : *Sewage*
Apa-apa lepasan cecair yang mengandungi kumuhan manusia, haiwan atau bahan nabati dalam bentuk terampai atau larutan yang diperoleh daripada aktiviti domestik dan terhasil dari premis rumah, komersial, institusi dan industri termasuk lepasan cecair dari tandas, besen, singki, bilik air dan apa-apa perkakas kebersihan lain tetapi tidak termasuk air hujan dan efluen terlarang. (*a*[83])

Kumbahan Domestik *: Domestik Sewage*
Air sisa yang dibuang dari tempat kediaman, dari tandas awam, dari mesin cuci, dari tandas, dapur dan kantin yang terletak di bangunan komersial, institusi dan perindustrian, dan dari hospital dan restoran. Air buangan daripada proses berkaitan dengan pembuatan yang sesuai diproses terlebih dahulu sehingga ciri pencemarnya serupa dengan kumbahan yang tidak dirawat juga boleh dipertimbangkan di dalam definisi ini. (*a*[84])

Sistem Kumbahan *: Sewage System*
Termasuk semua kemudahan fizikal yang melibatkan pengumpulan kumbahan di punca, pengangkutan ke kemudahan rawatan, rawatannya untuk mematuhi standard pelepasan efluen dan akhirnya samada pelupusan kepada alam sekitar, atau penggunaan semula sebagai air pengairan atau kegunaan lain yang diterima. (*a*[85])

Enap Cemar Kumbahan *: Sewage Sludge*
Campuran baki pepejal dan cecair yang terhasil semasa rawatan kumbahan secara separa atau sepenuhnya tetapi tidak termasuk efluen kumbahan terawat yang dilepaskan melalui paip pelupusan. (*a*[86])

A70

A71

A72

Enap Cemar : *Sludge*
Apa-apa enapan zarah daripada sesuatu cecair, termasuk enapan yang terhasil daripada pengolahan fizikal, kimia, biologi atau pengolahan
kumbahan yang lain. (*a*[87])

A73

Kemudahan Rawatan Enap Cemar : *Sludge Treatment Facility*
Kemudahan untuk rawatan enap cemar kumbahan melalui proses seperti penstabilan enap cemar, penebalan, pembersihan, dan pengeringan. (*a*[88])

Penebusgunaan Pinggir Laut : *Coastal Reclamation*
Proses mewujudkan daratan dengan mengisi kawasan berair dengan bahan yang biasanya diperolehi dari kawasan luar pantai. Ini termasuklah penebusgunaan kawasan pantai atau penambakan pesisir pantai, penambakan laut di pesisir pantai serta penambakan laut bagi tujuan mewujudkan pulau buatan. (*a*[89])


A74

Kebolehsuaian : *Adaptability*
Kapasiti untuk belajar dari pengalaman bencana yang lepas dan mampu membuat tindakan pembetulan kesan daripada bencana tersebut seperti memperketat lagi peraturan pembinaan bangunan, kelulusan perancangan mengambil kira situasi bencana seperti kawasan *plinth*, *plot ratio* dan sebagainya. (*a*[90])

A75

Terowong SMART yang membantu menyimpan air apabila berlaku peningkatan mendadak pada Sungai Klang dan Gombak, Selangor.

Kerapuhan : *Vulnerability*
Keadaan fizikal, sosial, ekonomi dan alam sekitar yang mudah rosak sekiranya terusik dan diganggu atau proses yang boleh meningkatkan tahap kerentanan (*susceptibility*) dan keterdedahan (*exposure*) masyarakat kepada kesan atau impak bencana yang tidak dijangkakan. (*a*[91])

A76

Menggantikan rumah kediaman yang usang daripada kayu dengan rumah kediaman bertingkat yang tahan gempa.

Kerentanan : *Susceptibility*
Merujuk kepada penilaian kualitatif dan kuantitatif dalam pengkelasan, kawasan dan pengagihan reruang tanah runtuh yang sedia ada atau berpotensi berlaku di kawasan yang dikenal pasti. (*a*[92])

A77

Contoh daya tahan sesuatu bandar di mana punca kerapuhan bandar adalah disebabkan oleh faktor pencemaran.

A78

Contoh kawasan petempatan yang rapuh gempa.

Lagun : *Lagoon*
Merupakan persekitaran laut cetek yang terletak di antara pesisir daratan dengan pulau penghalang atau beting *offshore* yang terdiri daripada pasir. Lagun banyak dijumpai di kawasan seperti paya di tepi pantai. Lagun biasanya selari dengan pulau penghalang. (*a*[93])

A79

Pulau Bohey Dulang, Semporna, Sabah

A80

Landskap : *Landscape*

Suatu pemandangan luaran atau permukaan bumi yang dihasilkan daripada keadaan semula jadi atau binaan. Landskap juga merupakan seni taman yang memaparkan ciri-ciri pemandangan alam dan satu bidang seni kreatif untuk mengolah pemandangan di atas muka bumi dengan menggunakan unsur-unsur asli dan binaan supaya ia lebih berfungsi dan menarik. Penyediaan unsur-unsur asli itu terdiri daripada landskap lembut seperti tumbuh-tumbuhan, air dan rupa bumi. Penyediaan unsur-unsur binaan pula merupakan landskap kejur yang meliputi struktur dan bangunan buatan manusia yang menjadi keperluan pengguna. (*a*[94])

Landskap Lembut : *Soft Landscape*

Seni taman atau landskap yang terdiri daripada tumbuh-tumbuhan, pokok hiasan, tasik atau kolam takungan air. Landskap lembut ini melibatkan sumber semula jadi yang boleh diolah untuk tujuan keindahan dan memenuhi keperluan manusia. (*a*[95])

Tanaman pokok sebagai landskap lembut.

Landskap Kejur : *Hard Landscape*

Seni taman atau landskap yang terdiri daripada unsur binaan ciptaan manusia seperti kerusi, lampu, tempat sampah, papan tanda, laluan pejalan kaki dan sebagainya untuk tujuan keindahan dan memenuhi keperluan pengguna. (*a*[96])

Landskap kejur di Sungai Segget, Johor Bahru, Johor.

Air pancut merupakan salah satu elemen landskap kejur.

Landskap Jalan : *Streetscape*

Ciri-ciri yang membezakan jalan tertentu yang berbeza dari segi kelebaran, darjah kelengkungan, membuka bahan-bahan, reka bentuk perabot jalan dan bentuk bangunan-bangunan sekitar. (*a*[97])

Penyediaan *bollard* sebagai landskap jalan.

Mineral : *Minerals*

Apa-apa bahan sama ada dalam bentuk pepejal, cecair atau bergas yang terjadi:

i. dengan cara semula jadi;
ii. hasil daripada perlombongan di dalam atau di atas tanah; atau
iii. hasil daripada perlombongan di dalam atau di bawah laut atau dasar laut, terbentuk oleh atau tertakluk kepada suatu proses geologi, tetapi tidaklah termasuk air, "bahan batu-batan" sebagaimana ditafsirkan dalam Kanun Tanah Negara [*Akta 828*] dan "petroleum" sebagaimana ditafsirkan dalam Akta Melombong Petroleum 1966 [*Akta 95*]. (*a*[98])

Kategori Sumber Mineral

MINERAL LOGAM

- Timah
- Aluminium / Bauksit
- Tembaga
- Emas
- Bijih Besi
- Nikel
- Mangan
- NR-REE

MINERAL BUKAN LOGAM

- Pasir Laut
- Pasir Sungai
- Pasir Silika
- Kuarza
- Kaolin
- Lempung Bebola/ Marin/Api
- Batu Kapur
- Dolomit
- Feldspar
- Mika
- Batu Dimensi

MINERAL TENAGA

- Arang Batu

Bahan Geologi : *Geological Substance*

Sebarang batuan (contoh: granit, marmar) atau hasil luluh hawa batuan (contoh: kaolin, lempung bebola, pasir) atau mineral (contoh: kuarza, mika, batu permata). (*a*[99])

A86

Granit

Kuarza

Kaolin

Mika

Marmar

Perlombongan : *Mining*

Aktiviti ekonomi yang mengeluarkan mineral atau bahan geologi berharga dari bumi. (*a*[100])

Kerja Perlombongan : *Mining Operation*

Termasuk apa-apa perbuatan mengeluarkan, memindahkan atau mengangkut:

i. bahan batuan sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Kanun Tanah Negara [*Akta 828*]; atau
ii. mineral sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Pembangunan Mineral 1994 [*Akta 525*] atau undang-undang negeri yang mengawal selia mineral, mengikut mana-mana yang berkenaan. (*a*[101])

A87

A88

Sebelum tahun 1820, perlombongan bijih timah diusahakan oleh orang Melayu secara tradisional menggunakan kaedah mendulang dan melampan.

A89

Kaedah perlombongan moden secara lombong dedah (*open pit mining*).

A90

Kaedah perlombongan moden menggunakan kapal korek.

Padang Ragut : *Grazing Field*
Kawasan tanah yang ditumbuhi rumput dan tumbuh-tumbuhan serupa yang sesuai untuk diragut oleh binatang ternakan seperti lembu dan biri-biri. (*a*[102])

Pengoksidaan Kimia In-situ : ***In-situ Chemical Oxidation***
Satu kaedah pemulihan menggunakan oksigen atau bahan-bahan kimia oksida untuk menggalakkan pembersihan. (*a*[103])

Penilaian Impak Alam Sekitar : ***Environmental Impact Assessment (EIA)***
Proses untuk mengenal pasti, meramal, menilai dan melaporkan maklumat-maklumat mengenai kesan terhadap alam sekitar akibat daripada aktiviti yang dicadangkan dan memperincikan langkah-langkah mitigasi kesan negatif alam sekitar akibat daripada cadangan projek. (*a*[104])

Perdagangan Karbon : ***Carbon Trading***
Dasar dan amalan yang membenarkan syarikat untuk membeli atau menjual peruntukan/kuota yang ditetapkan oleh kerajaan bagi pengeluaran karbon dioksida. (*a*[105])

A91



Penuaian Air Hujan : *Rainwater Harvesting*
Pengumpulan dan penggunaan semula air hujan. (*a*[106])

A92

A93

Kaedah penuaian air hujan adalah amalan tradisional sejak ratusan tahun dahulu yang mudah dilaksanakan di mana air hujan dikumpul dari bumbung rumah secara langsung tanpa dirawat terlebih dahulu.

Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAH) : *Rain Water Harvesting System*
Sistem di mana air hujan dikumpul daripada bumbung dan kemudiannya disalurkan ke tangki-tangki penyimpanan air hujan sebelum digunakan. (*a*[107])

Susun atur pergerakan sistem penuaian air hujan.

A94



Pertanian Menegak : ***Vertical Farming***
Sistem pertanian menegak untuk menanam tanaman di kawasan bandar menggunakan pencakar langit yang direka khas. (*a*[108])

A95

Merupakan satu kaedah pertanian di mana semua aktiviti penanaman dijalankan dalam bangunan yang dilengkapi dengan segala infrastruktur seperti sebuah ladang yang lengkap.

Sistem Pengurusan Alam Sekeliling : *Environmental Management System*
Sistem yang terdiri daripada suatu struktur organisasi dengan tanggungjawab, amalan, prosedur, proses dan sumbernya bagi melaksanakan dan menyenggara sistem yang berhubungan dengan alam sekeliling. (*a*[109])

Saliran : *Drainage*

Pengairan Pertanian : *Agricultural Irrigation*
Parit atau terusan yang digunakan untuk mengawal kadar air di kawasan pertanian serta menyalurkan lebihan air larian dari kawasan pertanian ke sungai/laut. (*a*[110])

A96

A97

A98

Skim Pengairan Muda mempunyai sistem saliran yang sempurna dan sesuai untuk sistem saliran pertanian yang efisien.

Sistem Saliran : *Drainage System*
Sistem pembuangan air menerusi saliran yang dibina dalam dan luar bangunan atau melalui saliran semula jadi seperti longkang, parit, terusan dan sebagainya. (*a*[111])

A99

A100

Sungai : *River*
Saluran air tabii/semula jadi yang besar. Sumber sungai boleh jadi dari tasik, mata air ataupun anak sungai. (*a*[112])

Rizab Sungai : *River Reserve*
Benteng (ban), tebing dan dataran banjir di kedua-dua belah sungai yang diwartakan di bawah seksyen 62, Kanun Tanah Negara [*Akta 828*]. (*a*[113])

Koridor Sungai : *River Corridor*
Tanah awam, tanah lapang, tanah persendirian di luar rizab sungai (kelebaran dalam lingkungan 50 meter). (*a*[114])



Ilustrasi keratan rentas sungai, rizab sungai dan koridor sungai.

Morfologi Sungai : *River Morphology*
Berkaitan dengan bentuk dan struktur sungai yang mempengaruhi biologi, organisma kehidupan dan alam sekitar sungai. (*a*[115])

Perkhidmatan persiaran sungai di sepanjang Sungai Melaka merupakan salah satu tarikan pelancongan di Bandar Hilir, Melaka.

Sungai Perlis yang mengalir terus ke laut menjadi sumber para nelayan mencari rezeki di samping turut menjadi habitat bagi spesies ikan air tawar, burung dan reptilia.

Lembangan Sungai : *River Basin*
Kawasan tanah yang dari mana semua air larian permukaan mengalir melalui suatu urutan sungai, alur atau tasik dan berakhir ke laut melalui satu muara sungai atau delta. (*a*[116])



Struktur Pengambilan Air : *Water Intake Structure*

Struktur kejuruteraan yang dibina untuk pengekstrakan air sungai. (*a*[117])



Struktur Pengambilan Air Sungai Pinang, Kemaman, Terengganu.

Tanah Lembap/Tanah Bencah : *Wetland*

Merupakan kawasan yang mempunyai tanah-tanih yang mengandungi air secara kekal atau bermusim. Konvensyen Ramsar* memberi definisi yang lebih luas untuk meliputi pelbagai jenis tanah lembab. Ini termasuk tanah gambut, *estuary*, kawasan berhampiran persisiran pantai, terumbu karang dan tapak buatan manusia seperti kolam ikan, sawah padi, empangan dan kawasan garam. Terdapat pelbagai ekosistem tanah bencah di Malaysia, di mana ekosistem yang sangat terancam adalah hutan paya air tawar, hutan gelam dan padang rumput laut. (*a*[118])

Taman Wetlands di Purajaya.

Taman Negara Tanjung Piai, Johor merupakan tanah lembap yang diiktiraf sebagai tapak Ramsar pada tahun 2003.

**Konvensyen Ramsar – Persidangan Ramsar (konvensyen mengenai tanah lembap yang berkepentingan antarabangsa, terutamanya sebagai habitat unggas air) ialah suatu perjanjian antarabangsa yang telah ditandatangani di bandar Ramsar, Iran pada 2 Februari 1971 antara kerajaan-kerajaan sebagai rangka kerja memulihara tanah lembap dan potensi alam semula jadinya.*

Tanah Rendah (Pamah) : *Lowland*

Kawasan tanah pamah adalah tanah rendah yang rata, ada kalanya beralun, tidak melebihi 150 meter dari aras laut. Jaluran tanah pamah terletak di antara pinggir laut dengan banjaran gunung dan bukit di sepanjang laut di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. (*a*[119])

Tanah Tinggi : *Highland*

Kajian Pembangunan Mampan bagi Kawasan Tanah Tinggi di Semenanjung Malaysia (Unit Perancang Ekonomi, 2002) menerima pakai klasifikasi tanah tinggi seperti berikut:

- Kawasan bukit : 150 – 300 meter
- Kawasan pergunungan : > 1,000 meter (*a*[120])

Teknologi Hijau : *Green Technology*

Merujuk pembangunan dan aplikasi produk, peralatan serta sistem untuk memelihara alam sekitar dan alam semula jadi dan meminimumkan atau mengurangkan kesan negatif daripada aktiviti manusia.

Teknologi hijau merujuk produk, peralatan, atau sistem yang memenuhi kriteria-kriteria berikut:

i. ia meminimumkan degradasi kualiti persekitaran, mempunyai pembebasan gas rumah kaca (GHG) yang rendah atau sifar serta selamat untuk digunakan dan menyediakan persekitaran sihat dan lebih baik untuk semua hidupan;
ii. menjimatkan tenaga dan sumber asli; dan
iii. menggalakkan sumber-sumber yang boleh diperbaharui. (*a*[121])

Teknologi *Waste-To-Energy* (WTE)

Merupakan teknologi yang mampu mengubah bahan buangan seperti sampah kepada tenaga yang boleh digunapakai (biogas) melalui sisa buangan pepejal atau sampah domestik. Ianya secara tidak langsung dapat mengurangkan kebergantungan kepada sumber yang sedia ada sekaligus akan menambahbaik kegunaan tenaga di negara kita. (*a*[122])

A107



Tenaga Boleh Diperbaharui : *Renewal Energy*

Elektrik yang dijana daripada sumber yang bersih dan boleh diperbaharui seperti solar, angin, biomas dan tenaga hidro. (*a*[123])

a) Tenaga solar – mendapat cahaya matahari sepanjang tahun merupakan kriteria terpenting dalam penghasilan tenaga solar yang berterusan.
b) Tenaga angin – tidak mencemarkan udara seperti loji tenaga yang bergantung kepada pembakaran bahan bakar fosil. Tidak menghasilkan pelepasan karbon yang menyebabkan hujan asid dan kesan rumah kaca.
c) Tenaga hidro – *Ocean Thermal Energy Conversion* (OTEC) merupakan teknologi menghasilkan tenaga dengan memanfaatkan perbezaan suhu (kecerunan termal) antara periaran permukaan laut dan perairan laut dalam.
d) Tenaga biomas – Tenaga yang terhasil daripada bahan organik secara semulajadi.
e) Tenaga geoterma – Haba yang berasal daripada permukaan bawah bumi. Ia terkandung di dalam batu dan cairan di bawah kerak bumi dan dapat ditemukan hingga ke lapisan magma.

A108

Loji tenaga solar di lereng bukit.

A109

Empangan Hidroelektrik Bakun, Sarawak merupakan penjana elektrik terbesar di Malaysia.

A110

Stesen Janakuasa Sistem Solar/Angin Hibrid Pulau Perhentian, Terengganu

Viaduct

Jejambat bagi laluan kenderaan di bahagian atas kawasan yang sukar untuk dilintasi seperti kawasan berlembah, tanah kering atau lembap. Di bawah jejambat ini akan berfungsi sebagai laluan/kawasan keliaran atau kawasan mencari makanan kepada hidupan liar atau binatang. (*a*[124])

A111

Lintasan hidupan liar/*viaduct* binatang di Eco-Link@BKE, Singapura menyediakan laluan selamat untuk haiwan yang berhijrah dan merayau.

A112

***Viaduct* yang disediakan di Jalan Aring-Tasik Kenyir, Terengganu.**

A113

***Eco Viaduct* Sungai Yu, Kuala Lipis, Pahang**

Zon Pasang Surut : *Intertidal Zone*

Kawasan di antara paras air surut paling rendah dan paras air surut paling tinggi. (*a*[125])



A114



Zon Pembangunan Persisiran Pantai :
Coastal Development Zone

Kawasan persisiran pantai di mana pembangunan terkawal dibenarkan sekiranya perlu iaitu untuk kegunaan infrastruktur (pelabuhan, terminal dan jeti), pemecah ombak (*breakwater*) dan pembangunan *waterfront*. Pembangunan di kawasan ini perlu mendapat kelulusan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) dan memenuhi kriteria-kriteria selamat, terpelihara, produktif dan bebas cemar serta mempunyai gangguan minima terhadap aset pantai. (*a*[126])

Zon Perlindungan Persisiran Pantai : *Coastal Protection Zone*

Kawasan persisiran pantai di mana sebarang pembangunan tidak dibenarkan atas sebab pemuliharaan komponen-komponen ekologi berkepentingan seperti kawasan taman laut, kawasan pendaratan penyu, kawasan berkepentingan burung, kawasan rumput laut, kawasan pelancongan dan kawasan yang mempunyai risiko bencana. (*a*[127])

Zon Penampan : *Buffer Zone*

Zon penampan lazimnya dalam bentuk kawasan hijau, yang memisahkan dua (2) aktiviti guna tanah yang tidak melengkapi contohnya kawasan perumahan dan perindustrian. (*a*[128])

A115

A116



Zon Pertanian Pemuliharaan : *Conservation Agriculture Zone* (CAZ)

Kawasan pertanian di dalam rangkaian ekologi *Central Forest Spine* (CFS) yang digalakkan untuk mengamalkan sistem pertanian yang dapat meminimumkan gangguan tanah, meningkatkan pemeliharaan penutup tanah tetap dan kepelbagaian spesies tanaman bagi meningkatkan biodiversiti dan proses biologi semula jadi di atas dan di bawah permukaan tanah. (*a*[129])

Zon Recaj : *Recharge Zone*

Kawasan tanah di mana air boleh mengalir ke dalam lapisan akuifer dengan mudahnya, justeru menambah lagi kuantiti akuifer tersebut. (*a*[130])

A117



Zon Riparian : *Riparian Zone*

Kawasan peralihan antara tanah dan sungai atau kawasan sungai yang penting dalam ekologi, pengurusan alam sekitar dan kejuruteraan awam kerana merupakan biofilter semula jadi dan melindungi ekosistem akuatik daripada pemendapan yang berlebihan, aliran (*runoff*) yang tercemar dan hakisan. Zon ini juga memainkan peranan penting dalam penyediaan makanan, tempat tinggal dan laluan bagi organisma dalam sistem air dan hidupan liar. (*a*[131])



A118

SUMBER TAFSIRAN

a[1] Rancangan Fizikal Negara Ketiga (RFN 3), 2016
a[2] Dasar Sumber Air Negara, Kementerian Alam Sekitar dan Air
a[3] Air Kumbahan – https://ms.wikipedia.org/wiki/Air_kumbahan
a[4] Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002
a[5] Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN 4), 2021
a[6] Garis Panduan Perancangan Pemuliharaan dan Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS), 2017
a[7] Garis Panduan Perancangan Pemuliharaan dan Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS), 2017
a[8] PLANMalaysia@Pahang
a[9] Garis Panduan Perancangan Pemuliharaan dan Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS), 2017
a[10] Garis Panduan Perancangan Pemuliharaan dan Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS), 2017
a[11] Garis Panduan Perancangan Pemuliharaan dan Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS), 2017
a[12] Kompendium Perangkaan Alam Sekitar, 2019
a[13] Garis Panduan Perancangan Bandar Berdaya Tahan Bencana di Malaysia, 2019
a[14] Garis Panduan Perancangan Bandar Berdaya Tahan Bencana di Malaysia, 2019
a[15] Kementerian Alam Sekitar dan Air
a[16] Garis Panduan Perancangan Pemuliharaan dan Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS), 2017
a[17] Kamus Dewan Edisi Keempat, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005
a[18] Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN 4), 2021
a[19] Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)
a[20] Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)
a[21] Garis Panduan Perancangan Kawasan Berisiko Bencana Gempa Bumi, 2018
a[22] Garis Panduan Perancangan Bandar Berdaya Tahan Bencana di Malaysia, 2019
a[23] Garis Panduan Perancangan Bandar Berdaya Tahan Bencana di Malaysia, 2019
a[24] Garis Panduan Perancangan Bandar Berdaya Tahan Bencana di Malaysia, 2019
a[25] Garis Panduan Perancangan Bandar Berdaya Tahan Bencana di Malaysia, 2019
a[26] Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia)
a[27] Garis Panduan Perancangan Pemuliharaan dan Pembangunan KSAS Geobencana, 2010
a[28] Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN 4), 2021
a[29] Kamus Dewan Edisi Keempat, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005
a[30] Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN 4), 2021
a[31] Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (CFS), 2022
a[32] Kamus Dewan Edisi Keempat, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005
a[33] Garis Panduan Perancangan Pemuliharaan dan Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS), 2017
a[34] Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (CFS), 2022
a[35] Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (CFS), 2022
a[36] Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (CFS), 2022
a[37] Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (CFS), 2022
a[38] Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (CFS), 2022
a[39] Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, PLANMalaysia
a[40] Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN 4), 2021
a[41] Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau, 2012
a[42] Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN 4), 2021
a[43] Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau, 2012
a[44] Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN 2), 2016
a[45] Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (CFS), 2022
a[46] Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
a[47] Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
a[48] Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
a[49] Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
a[50] Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
a[51] Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
a[52] Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
a[53] Rancangan Fizikal Negara Ketiga (RFN 3), 2016
a[54] Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
a[55] Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
a[56] Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
a[57] Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (CFS), 2022
a[58] Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (CFS) *2022 - Food and Agriculture Organization*
a[59] Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (CFS), *2022*
a[60] Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN 4), 2021
a[61] Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN 2), 2016
a[62] Garis Panduan Perancangan Kawasan Lapang, 2021
a[63] Garis Panduan Perancangan Kawasan Lapang, 2021
a[64] Garis Panduan Perancangan Kawasan Lapang, 2021
a[65] Garis Panduan Perancangan Kawasan Lapang, 2021
a[66] Garis Panduan Perancangan Kawasan Lapang, 2021
a[67] Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN 2), 2016
a[68] Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002
a[69] Pengenalan Infrastruktur Hijau - https://www.researchgate.net/publication/335029641_Pengenalan_Infrastruktur_Hijau/link/5d4bc3f
a[70] Manual Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor, Edisi Ketiga, 2016
a[71] Rancangan Fizikal Negara Ketiga (RFN 3), 2016
a[72] Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (CFS), 2022
a[73] Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN 4), 2021
a[74] Jabatan Mineral dan Galian (JMG)
a[75] Rancangan Fizikal Negara Ketiga (RFN 3), 2016
a[76] *Department of Standards Malaysia. 2015. Geographic Information/ Geomatics – Features and Attribute Codes (MS 1759:2015)*
a[77] Garis Panduan Perancangan Landskap Pemuliharaan dan Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS), 2007
a[78] Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN)
a[79] Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN)
a[80] Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN)
a[81] https://www.europarl.europa.eu/-Kajian Literatur Bandar Kitaran dan Ekonomi Kitaran, 2022
a[82] Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN 4), 2021
a[83] *Water Services Industry Act 2006* [*Act 655*]
a[84] *Malaysian Sewerage Industry Guidelines, Volume I, 2008*
a[85] *Water Services Industry Act 2006 (Act 655)*
a[86] *Environmental Quality (Sewage) Regulations* 2009.
a[87] *Nowak (2006). Optimizing the Use of Sludge Treatment Facilities at Municipal WWTPs.*

SUMBER TAFSIRAN

a[88] *Nowak (2006). Optimizing the Use of Sludge Treatment Facilities at Municipal WWTPs.*

a[89] Panduan Pelaksanaan Akta (PPA14) Permohonan Cadangan Pemajuan di bawah Seksyen 20B, 2017

a[90] Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN 4), 2021

a[91] Garis Panduan Perancangan Bandar Berdaya Tahan Bencana di Malaysia, 2019

a[92] Garis Panduan Perancangan Bandar Berdaya Tahan Bencana di Malaysia, 2019

a[93] Garis Panduan Perancangan Landskap Pemuliharaan dan Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS), 2017

a[94] Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002

a[95] Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002

a[96] Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002

a[97] Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau, 2012

a[98] Akta Pembangunan Mineral 1994 [*Akta 525*]

a[99] Garis Panduan Perancangan Pemuliharaan dan Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS), 2017

a[100] *Department of Standards Malaysia. 2015. Geographic Information/ Geomatics – Features and Attribute Codes (MS 1759:2015)*

a[101] Draf Cadangan Pindaan Akta Perancangan Bandar dan Desa [*Akta 172*], 2022

a[102] Kamus Dewan Edisi Keempat, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005

a[103] Garis Panduan Perancangan Pengenalpastian bagi Pembangunan Semula Kawasan Brownfield, 2012

a[104] Manual Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA)

a[105] Bahagian Perancangan Wilayah, PLANMalaysia

a[106] Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN 4), 2021

a[107] Olahan dari: Jabatan Kerajaan Tempatan (Pindaan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984)

a[108] Rancangan Wilayah Bersepadu (RWB)

a[109] Glosari Perundangan Perancangan Bandar dan Desa, 2015

a[110] *Department of Standards Malaysia. 2015. Geographic Information/ Geomatics – Features and Attribute Codes (MS 1759:2015)*

a[111] *Department of Standards Malaysia. 2015. Geographic Information/ Geomatics – Features and Attribute Codes (MS 1759:2015)*

a[112] Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002

a[113] Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002

iii. Anak daripada mana-mana penyatuan antara seorang perempuan orang asli dengan seorang lelaki daripada suatu kaum lain, dengan syarat bahawa anak itu lazimnya bercakap bahasa orang asli, lazimnya mengikut cara hidup orang asli dan adat dan kepercayaan orang asli dan masih lagi menjadi anggota suatu masyarakat orang asli. (*s*[45])

Penduduk : *Residents*
Seseorang yang menduduki atau mengawal mana-mana premis, atau berhubungan dengan premis yang bahagian yang berlainan diduduki oleh orang yang berlainan, orang yang masing-masingnya menduduki atau mengawal setiap bahagian itu.
Orang yang sebenarnya menduduki tanah atau bangunan yang mengenainya perkatan itu digunakan, atau yang berhak menjaga, mengurus atau mengawalnya sama ada bagi faedahnya sendiri atau sebagai ejen seorang lain, tetapi tidak termasuk seorang penginap.
Orang yang menduduki premis yang mengenainya perkataan itu digunakan atau yang berkuasa menjaga, mengurus atau mengawalnya sama ada bagi faedahnya sendiri atau sebagai ejen seorang lain tetapi tidak termasuk seseorang penumpang.

Berhubungan dengan sesuatu tanah atau bangunan, termasuklah:
i. Seseorang penyewa tanah atau bangunan.
ii. Seseorang pemunya tanah atau bangunan yang memduduki atau secara lain mengunakan tanah atau bangunan itu.
iii. Seseorang yang sebenar-benarnya menduduki tanah atau bangunan itu atau menjaga, mengurus, atau mengawal tanah bangunan itu, sama ada bagi pihaknya sendiri atau sebagai ejen bagi orang lain, tetapi tidak termasuk seseorang yang menumpang. (*s47*)

Anggaran Penduduk : *Estimated Population*
Merujuk kepada saiz penduduk semasa di sesuatu kawasan. Anggaran ini dikira setiap tahun dan kaedah yang digunakan adalah kaedah komponen kohort iaitu pengiraannya berdasarkan perubahan komponen penduduk iaitu kelahiran, kematian serta migrasi dalaman dan antarabangsa bagi tahun semasa. Anggaran ini memberi gambaran tentang pertumbuhan dan perubahan penduduk dari segi struktur dan komposisinya. (*s48*)

Kepadatan Penduduk : *Population Density*
Kepadatan penduduk bermaksud nisbah antara jumlah penduduk di sesebuah kawasan berbanding dengan keluasannya. (*s49*)

Penduduk Menua : *Ageing Population*
Penduduk berumur 60 tahun dan lebih mencapai 7 peratus daripada jumlah penduduk. (*s50*)

Unjuran Penduduk : *Projected Population*
Anggaran penduduk yang diunjurkan untuk masa depan. Unjuran ini dikira setiap sepuluh tahun iaitu selepas Banci Penduduk dan Perumahan dijalankan. Kaedah komponen kohort yang terdiri daripada kelahiran, kematian dan migrasi bersih digunakan dalam membuat unjuran ini. Unjuran penduduk memberi gambaran tentang kemungkinan perubahan penduduk berdasarkan andaian kelahiran, kematian, migrasi dalaman dan antarabangsa masa depan. Data ini disediakan untuk kegunaan perancang dan pembuat dasar bagi merancang dan pelaksanaan pembangunan negara untuk jangka masa panjang serta digunakan dalam kajian dan penyelidikan oleh sektor awam dan swasta. (*s51*)

Penempatan Semula : *Resettlement*
Tindakan memindahkan penduduk atau sekumpulan penduduk ke petempatan baharu secara terancang dan beramai-ramai. (*s52*)

Pola Petempatan : *Settlement Pattern*
Corak taburan tempat tinggal di sesuatu kawasan. (*s53*)

Pusat Penjagaan Rawatan Ibu Selepas Bersalin dan Bayi : *Confinement Center*
Pusat penjagaan serta penginapan bagi ibu dan bayi sepanjang tempoh ibu berpantang selepas melahirkan bayi.

S37

TLC Confinement Center, Shah Alam, Selangor

Pusat Pentadbiran Daerah :
District Administrative Centre
Kawasan bandar/pekan yang mempunyai pejabat pentadbiran seperti Majlis Daerah atau Pejabat Tanah dan Daerah serta agensi kerajaan lain. Mempunyai kemudahan awam dan infrastruktur untuk keperluan penduduk setempat. (*s54*)

S38

Pejabat Daerah dan Tanah Kinta, Ipoh, Perak

S39

Bandar Gopeng merupakan pusat pertumbuhan desa bagi beberapa buah kampung di sekitarnya.

Pusat Pertumbuhan Desa :
Rural Growth Centre
Merupakan pusat perkhidmatan desa yang utama kepada beberapa buah kampung yang terletak secara berkelompok dengan tampungan penduduk kurang 2,500 orang. (*s55*)

Pusat Petempatan Kecil : ***Sub Settlement Centre***
Sebuah kawasan peniagaan yang dilengkapi dengan kemudahan masyarakat dan keagamaan serta kawasan rekreasi. Pusat ini menawarkan perkhidmatan peringkat rendah seperti kedai runcit, bengkel membaiki motor, kedai alat tulis dan sebagainya. Pusat ini juga mempunyai tadahan penduduk di antara 1,000 hingga 10,000 orang dan menempatkan keperluan perkhidmatan serta perniagaan dalam lingkungan jarak lima (5) kilometer. (*s56*)

Pusat Petempatan Utama : ***Main Settlement Centre***
Pusat utama dari segi pentadbiran, sosial dan ekonomi bagi seluruh daerah. (*s57*)

S40

Bandar Baru Bangi merupakan pusat petempatan utama.

Pusat Separa Wilayah : ***Sub Regional Centre***
Pusat utama dari segi pentadbiran, sosial dan ekonomi bagi kawasan pengaruh di seluruh wilayah. (*s58*)

S41

Taiping merupakan pusat separa wilayah.

Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur Dan Kesejahteraan Hidup (TAHAP) :
Levels of Economic Development, Infrastructure and Wellbeing
Geran yang digunakan untuk membiayai projek-projek pembangunan negeri termasuk projek pengurusan ekologi bagi melindungi kawasan perlindungan hutan dan marin di negeri masing-masing.

Ia bertujuan membantu negeri-negeri melaksanakan program/projek pembangunan bagi manfaat rakyat sekali gus dapat merapatkan jurang kekayaan dan pendapatan supaya mencapai matlamat pembangunan sosioekonomi seimbang. (*s*[59])

Tanggungjawab Sosial Korporat : *Corporate Social Responsibility* (CSR)
Kewajipan pengurusan sesebuah organisasi untuk membuat kebajikan dan kebaikan kepada masyarakat dan juga organisasi. CSR juga merupakan komitmen bagi mempertingkatkan kesejahteraan rakyat serta meningkatkan imej organisasi. (*s*[60])

Program *Corporate Social Responsibility* di Pantai Kundor, Kota Bharu, Kelantan.

WARISAN : *Heritage*
Membawa pengertian generik Warisan Kebangsaan, tapak, objek dan warisan kebudayaan di bawah air sama ada disenaraikan atau tidak dalam Daftar Warisan. (*s*[61])

Butiran Warisan : *Heritage Item*
Sebarang aset Warisan Kebangsaan, tapak warisan, objek warisan atau warisan kebudayaan yang disenaraikan dalam Daftar Warisan Kebangsaan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [*Akta 645*]. (*s*[62])

Tapak Warisan : *Heritage site*
Sesuatu tapak yang ditetapkan sebagai tapak warisan di bawah Seksyen 24, Akta Warisan Kebangsaan 2005 [*Akta 645*]. (*s*[63])

S42



Tapak warisan Lembah Lenggong, Perak

Tapak Warisan Dunia : *World Heritage Site*

Tapak warisan dunia adalah tempat-tempat khusus seperti hutan, gunung, tasik, monumen, bangunan, kompleks atau bandar yang dicalonkan dan mendapat pengesahan untuk dimasukkan ke dalam senarai yang dikendalikan oleh Program Warisan Dunia Antarabangsa UNESCO. (*s*[64])

S43

Tapak warisan dunia Gunung Mulu, Sarawak

Warisan Kebangsaan : *National Heritage*

Ertinya mana-mana tapak warisan, objek warisan, warisan kebudayaan di bawah air atau mana-mana orang hidup yang diisytiharkan sebagai Warisan Kebangsaan di bawah seksyen 67, Akta Warisan Kebangsaan [*Akta 645*]. (*s*[65])

S44

Istana Seri Menanti, Kuala Pilah, Negeri Sembilan merupakan salah satu Warisan Kebangsaan.

S45

Candi Pengkalan Bujang, Merbok, Kedah.

Warisan Kebudayaan : *Cultural Heritage*

Bentuk ketara atau tidak ketara, harta, struktur atau artifak kebudayaan dan boleh termasuk perkara, objek, butiran, artifak, struktur pembentukan, persembahan, tarian, nyanyian, muzik warisan yang penting kepada cara hidup rakyat Malaysia, dari segi sejarah atau semasa, di atas atau di dalam tanah atau warisan kebudayaan di bawah air bagi bentuk ketara tetapi tidak termasuk warisan semula jadi. (*s*[66])

S46

Wayang Kulit

S47

Alat muzik gamelan merupakan Warisan Kebudayaan

Zon Pengaruh *: Zone of Influence* (ZOI)

Secara amnya, Zon Pengaruh (*Zone of Influence, ZOI*) merupakan sesuatu ruang lingkungan kawasan fizikal dalam sempadan tapak bagi sesuatu cadangan projek, di mana terdapatnya pihak berkepentingan atau penerima impak dalam kawasan fizikal tersebut berkemungkinan akan mengalami perubahan kualiti sosial, iaitu sama ada akan mengalami kesan-kesan negatif dan/atau menerima kesan-kesan positif hasil daripada pelaksanaan projek tersebut. (*s*[67])



ZOI Primer dan Sekunder



Contoh tapak projek berbentuk jejari

SUMBER TAFSIRAN

s[1] https://www.esgthereport.com/what-is-esg/the-g-in-esg/what-is-an-esg-audit/

s[2] Jabatan Perangkaan Malaysia

s[3] Jabatan Perangkaan Malaysia

s[4] Jabatan Perangkaan Malaysia

s[5] Jabatan Perangkaan Malaysia

s[6] Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN 2), 2016

s[67] Rancangan Wilayah Bersepadu (RWB)

s[8] Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*]

s[9] Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN 2), 2016

s[10] Garis Panduan dan Perancangan Tokong, Kuil, Gereja dan Gurdwara, 2011

s[11] Garis Panduan dan Perancangan Tokong, Kuil, Gereja dan Gurdwara, 2011

s[12] Garis Panduan dan Perancangan Tokong, Kuil, Gereja dan Gurdwara, 2011

s[13] Garis Panduan dan Perancangan Tokong, Kuil, Gereja dan Gurdwara, 2011

s[14] Draf Garis Panduan Perancangan Masjid dan Surau, JPBD Semenanjung Malaysia. 2009

s[15] Garis Panduan dan Perancangan Tokong, Kuil, Gereja dan Gurdwara, 2011

s[16] Draf Garis Panduan Perancangan Masjid dan Surau, JPBD Semenanjung Malaysia, 2009

s[17] Garis Panduan dan Perancangan Tokong, Kuil, Gereja dan Gurdwara, 2011

s[18] Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat, 2013

s[19] Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat, 2013

s[20] Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat, 2013

s[21] Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat, 2013

s[22] Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat, 2013

s[23] Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat, 2013

s[24] Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat, 2013

s[25] Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat, 2013

s[26] Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat, 2013

s[27] Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat, 2013

s[28] Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat, 2013

s[29] Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat, 2013

s[30] Garis Panduan dan Perancangan dan Penubuhan Tadika dan Taska, 2017

s[31] Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat, 2013

s[32] Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat, 2013

s[33] Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat, 2013

s[34] Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat, 2013

s[35] Dewan Bahasa dan Pustaka

s[36] Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat, 2013

s[37] Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat, 2013

s[38] Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat, 2013

s[39] Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat, 2013

s[40] Manual Sistem Maklumat Geografi (GIS) Rancangan Pembangunan

s[41] Garis Panduan Perancangan Skim Perumahan Komuniti Strata (GPP SPKS), 2019

s[42] Garis Panduan Perancangan dan Penubuhan Skim Komuniti Berpengawal (Perumahan Bukan Strata) (GPP SKB), 2019

s[43] Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN 4), 2021

s[44] Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN 4), 2021

s[45] Akta Orang Asli 1954 [*Akta 134*]

s[46] Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN 4), 2021

s[47] Glosari Perundangan Perancangan Bandar dan Desa, 2015

s[48] Jabatan Perangkaan Malaysia

s[49] Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN 4), 2021

s[50] Rancangan Fizikal Negara Ketiga (RFN 3), 2016

s[51] Jabatan Perangkaan Malaysia

s[52] Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002

s[53] Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002

s[54] Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN 2), 2016

s[55] Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002

S[56] Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002

s[57] Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002

s[58] Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002

s[59] Garis Panduan Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur Dan Kesejahteraan Hidup Perbendaharaan Malaysia (TAHAP), 2021

s[60] Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN 2), 2016

s[61] Akta Warisan Kebangsaan 2005 [*Akta 645*]

s[62] Akta Warisan Kebangsaan 2005 [*Akta 645*]

s[63] Akta Warisan Kebangsaan 2005 [*Akta 645*]

s[64] Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN 4), 2021

s[65] Akta Warisan Kebangsaan 2005 [*Akta 645*]

s[66] Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN 4), 2021

s[67] Panduan Pelaksanaan Penilaian Impak Sosial (PPSIA)

SUMBER GAMBAR

S1 https://sustainability-academy.org/the-power-of-esg-sustainable-investing/

S2 Sinar Harian, 10 November 2021

S3 https://mbk.gov.my/portal/en/berita/operasi-kacau-ganggu/

S4 www.buletinmutiara.com

S5 https://www.sinarharian.com.my/

S6 https://www.tripadvisor.com.sg/ShowUserReviews-g2550635-d3605935-r217787864-St_Anne_s_Church-Bukit_Mertajam_Seberang_Perai_District_Penang.html

S7 https://www.worldgurudwaras.com/gurudwaras/gurudwara-sahib-kuching-sarawak/

S8 https://www.kwiknews.com.my/2021/01/26/thaipusam-tahun-ini-disambut-tanpa-kavadi-bunyi-urumee-melam/

S9 https://www.kualakangsar.gov.my/ms/masjid-ubudiah-0

S10 https://www.iloveborneo.my/tokong-cina-landmark-keramat-sibu-salah-satunya-yang-terbesar-di-asia-tenggara/

S11 https://www.helpmecovid.com/my/148545_surau-as-syakirin

S12 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

S13 https://pkk.com.my/

S14 https://www.penang-traveltips.com/homes/pdk-permatang-damar-laut.htm

S15 https://www.jordanoralcare.my/latest-news/

S16 http://pdkjuru.blogspot.com/2012/01/profile-pdk-juru.html

S17 https://upload.wikimedia.org/wikipedia/commons/d/df/KotaKinabalu_Sabah_Ibu-Pejabat-Polis-Kontinjen-Sabah-01.jpg

S18 https://www.sinarharian.com.my/article/150916/edisi/covid-19-balai-polis-durian-tunggal-ditutup-empat-hari

S19 https://foursquare.com/v/balai-polis-komuniti-alam-impian/55a75d5e498ea19ef82753f1?openPhotoId=5cce7c27326fb1002e1c225a

S20 https://mapio.net/pic/p-40945617/

S21 https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2015/10/82708/hsa-dibuka-untuk-pesakit-temu-janji

S22 https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2021/05/814360/mitsui-mahu-jadikan-ihh-syarikat-persendirian/

S23 https://www.johorpages.com/listing/klinik-kesihatan-bukit-indah/

S24 Garis Panduan dan Perancangan dan Penubuhan Tadika dan Taska, 2017

S25 http://cheqwan81.blogspot.com/2014/11/sejarah-sekolah-kebangsaan-tanjung.html

S26 SMK Seri Sentosa Blogspot

S27 http://skpksungaipetani.blogspot.com/2013/09/sekitar-sekolah.html

S28 https://korporat.uitm.edu.my/index.php/corporate/profile

S29 Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat, 2013

S30 https://d2j6dbq0eux0bg.cloudfront.net/images/18059755/2762125843.jpg

S31 https://www.mbs.gov.my/ms/rakyat/perkhidmatan/kemudahan-awam-tempahan/dewan-dewan

S32 https://lh3.googleusercontent.com/p/AF1QipOIvb4GBCaPrDrB7gXFsYNwrisZqtbfxyg7AH2S=w1080-h608-p-k-no-v0

S33 https://jpmmpspk.wixsite.com/jpmmpspk/post/padang-hoki-sintetik-kompleks-sukan-mpspk

S34 https://dwxbwps5boihg.cloudfront.net/classifiedad/pictures/7936256/green_villa_apatment_asKjs-gYaG2M3gmwVzBr.jpg?v=1543115742

S35 Sumber:https://paramountproperty.my/sejati/

S36 Garis Panduan Perancangan dan Penubuhan Skim Komuniti Berpengawal (Perumahan Bukan Strata) (GPP SKB), 2019

S37 https://www.facebook.com/tlcconfinement/

S38 http://2.bp.blogspot.com/-I6L3JsezhI0/Tfj2Aryo10I/AAAAAAAAEt4/D5tHfastZ9g/s1600/pjt+tanah.jpg

S39 http://1.bp.blogspot.com/-1-7q5-7zPKA/UUFTPyV0fQI/AAAAAAAAJ5s/_eF6n0xJ370/s1600/zmg+001+Gopeng+Old+town.JPG

S40 https://spfm.com.my/gandaria/img/feature/1.png

S41 https://blog.catchthatbus.com/2019/03/08/taiping-is-worlds-3-most-sustainable-city/

S42 https://iluminasi.com/bm/4-kawasan-di-malaysia-yang-diiktiraf-tapak-warisan-dunia.html

S43 https://iluminasi.com/bm/4-kawasan-di-malaysia-yang-diiktiraf-tapak-warisan-dunia.html

S44 https://www.thestar.com.my/news/nation/2019/01/14/royal-town-with-rich-heritage

S45 http://wanderlustdj.blogspot.com/2014/09/visit-malaysia-year-2014_29.html

S46 https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/10/487286/lagu-nyanyian-p-ramlee-diisytihar-warisan-kebangsaan

S47 https://www.nst.com.my/amp/news/nation/2019/09/525536/high-hopes-wayang-kulit-revival-after-mak-yong-return

S48 https://www.emaze.com/@AZCQZILZ&tbnid=sVDX5-b1XArdSM&vet=1&docid=mtQIB5bOsqa3uM&w=1280&h=720&hl=en-US&source=sh/x/im

PERUNDANGAN

INDEKS PERUNDANGAN

Analisis Impak Peraturan : *Regulatory Impact Assessment (RIA)* P-1
Ahli Majlis : *Councillor* P-1
Akta Parlimen : *Act of Parliament* P-1
Aktiviti Dibenarkan : *Permitted Activity* P-1
Badan Perundangan Negeri : *State Legislative Body* P-1
Bangunan atau Tanah Yang Dipecah Bahagi (Hakmilik Strata) : *Subdivided Building or Land* P-1
Berimilik : *Alienate* P-1
Caj Pemajuan : *Development Charge* P-1
Caj Pembangunan : *Development Charge* P-1
Carian Rasmi : *Official Searches* P-2
Cukai Taksiran : *Assessment* P-2
Daerah : *District* P-2
Dokumen Hakmilik : *Document of Title* P-2
Empunya Berdaftar : *Registered Proprietor* P-2
Enakmen Negeri : *State Enactment* P-2
Esmen : *Easement* P-2
Geran : *Grant* P-2
Guna Bangunan : *Building Use* P-2
Hakmilik Muktamad : *Final Title* P-2
Hakmilik Pejabat Tanah : *Land Office Title* P-2
Hakmilik Bertanah : *Land Title* P-2
Hakmilik Sementara : *Qualified Title* P-2
Hak Milik Strata : *Strata Title* P-3
Hasil Tanah : *Land Revenue* P-3
Strata : *Strata* P-3
- **Harta Bersama** : *Common Property* P-3
- **Petak Aksesori** : *Accessory Parcel* P-3
- **Petak Tanah** : *Land Parcel* P-4
- **Petak** : *Parcel* P-4
- **Unit Syer Agregat** : *Aggregate Share Unit* P-4

Jadual Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan : *Building and Land Use Class Table* P-5
Jawatankuasa Perancang Negeri : *State Planning Committee* P-6
Jawatankuasa Perancang Wilayah : *Regional Planning Committee* P-6
Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan : *Improvement Service Fund (ISF)* P-6
Kaedah-Kaedah : *Rules* P-6
Kaedah-Kaedah Mahkamah : *Rules of Court* P-6
Kaveat Pendaftar : *Registered Caveat* P-6
Kaveat Amanah : *Trust Caveat* P-7
Kawalan Perancangan : *Planning Control* P-7
Kawasan Pemajuan : *Development Area* P-7
Kawasan Plinth : *Plinth Area* P-7
Kebenaran Merancang : *Planning Permission* P-7
Kebenaran Merancang Tempoh Terhad : *Limited Period Planning Permission* P-7
Kaedah-Kaedah Kelas Kegunaan Tanah Dan Bangunan : *Land and Building Use Class Rules* P-8
Langkau Api : *Fire Break* P-8
Lanjutan Tempoh Kebenaran Merancang : *Extension of Planning Permission* P-8
Lembaga Rayuan : *Appeal Board* P-8
Luput Kebenaran Merancang : *Lapse of Planning Permission* P-8
Luas Lantai : *Floor Area* P-8
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN): *State Executive Council* P-9
Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan : *National Council for Local Government* P-9
Majlis Penuh : *Full Council* P-9
Majlis Perancang Fizikal Negara : *National Physical Planning Council* P-9
Majlis Raja-Raja : *Conference of Rulers* P-9
Majlis Tanah Negara : *National Land Council* P-9
Mencantumkan Tanah : *Amalgamation of Land* P-9
Mukim : *Mukim* P-10
Notis Pembelian : *Purchase Notice* P-10
Notis Rekuisisi : *Requisition Notice* P-10
Nisbah Plot : *Plot Ratio* P-10
Orang Diberi Kuasa : *Authorized Person* P-10
Orang Utama Yang Mengemukakan : *Principal Submitting Person* P-10
Orang Yang Berkepentingan : *Person Interested* P-11
Orang Yang Berkelayakan : *Qualified Person* P-11
Orang Yang Mengemukakan : *Submitting Person* P-11
Pajakan : *Lease* P-11
Pampasan : *Compensation* P-11
Pecah Bahagian Tanah : *Partition of Land* P-11
Pecah Sempadan dan Tukar Syarat Serentak: *Simultaneous Applications for Subdivision* P-11
Pecah Sempadan Tanah : *Subdivision of Land* P-11
Pelupusan (Tanah) : *Disposal (Land)* P-12
Pemajuan : *Development* P-12
Pembangunan Komited : *Committed Development* P-12
Pembatalan Tanah Rizab : *Cancellation of Reserve Land* P-12
Pemegang Syer Majoriti : *Majority Share Holder* P-12
Pemilik (Petak) : *Proprietor (Parcel)* P-12
Pemilik Asal (Hakmilik Strata) : *Original Proprietor (Strata Tittle)* P-12
Pemunya : *Owner* P-12
Penamatan Skim Strata : *Termination of Strata Scheme* P-12
Pengambilan Tanah : *Land Acquisition* P-13
Penempatan Pertanian Melayu : *Malay Agricultural Settlement (M.A.S)* P-13
Penyatuan Kepentingan : *Union of Interest* P-13
Penyatuan Tanah : *Amalgamation of Lands* P-13
Penyerahan dan Pemberimilikan Semula : *Surrender and Re-alienation* P-13
Perancang Bandar : *Town Planner* P-14
Perancang Bandar Berdaftar : *Registered Town Planner* P-14
Perancang Bandar Siswazah : *Registered Graduate Town Planner* P-14
Perintah Pembangunan : *Development Order* P-14
Perakuan Siap Dan Pematuhan : *Certificate of Completion and Compliance (CCC)* P-14
Perintah Larangan : *Prohibitory Order* P-14
Perintah Pemeliharaan Pokok : *Tree Preservation Order* P-15
Perundangan Kecil : *Subsidiary Legislation* P-15
Piawaian Perancangan : *Planning Standard* P-15
Pihak Berkuasa Awam : *Public Authority* P-15
Pihak Berkuasa Negeri : *State Authority* P-16
Pihak Berkuasa Perancang Tempatan : *Local Planning Authority* P-16
Pihak Berkuasa Tempatan : *Local Authority* P-16
Pindah Hak Pembangunan : *Transfer of Development Rights (TDR)* P-16
Pindah Milik : *Transaction* P-16
Premium Tanah : *Land Premium* P-16
Ruang Lantai Bersih : *Nett Floor Area* P-16
Ruang Lantai Kasar : *Gross Floor Area* P-16
Sekatan Kepentingan : *Restriction in Interest* P-16
Senarai Bersama : *Concurrent List* P-17
Semakan Kehakiman : *Judicial Review* P-17
Siasatan Tapak : *Site Inspection* P-17
Siasatan Tempatan : *Local Inquiry* P-17
Stratum : *Stratum* P-17
Syarat Nyata : *Expressed Condition* P-17
Syarat Tersirat : *Implied Condition* P-17
Syit Piawaian : *Standard Sheet* P-17
Tanah Berimilik : *Alienated Land* P-17
Tanah Berjiran : *Neighbouring Land* P-18
Tanah Dijadualkan : *Scheduled Land* P-18
Tanah Kerajaan : *Government Land* P-18
Tanah Rizab : *Reserved Land* P-18
Tanah Simpanan Melayu / Tanah Rizab Melayu : *Malay Reservation / Malay Reserved Land* P-18
Tanah Wakaf : *Waqf Land* P-18
Tanda Sempadan : *Boundary Mark* P-19
Undang-Undang Bertulis : *Written Laws* P-19
Undang-Undang Kecil : *By-Laws*
Undang-Undang Negeri : *State Laws*
Undang-Undang Persekutuan : *Federal Laws*
Undang-Undang Tanah Negeri : *State Land Laws*
Warta : *Gazette* P-20
Warta Persekutuan : *Federal Gazette* P-20
Warta Negeri : *State Gazette* P-20
Nyahwarta : *Degazette* P-20

Analisis Impak Peraturan :
***Regulatory Impact Assessment* (RIA)**
Proses yang sistematik dalam analisis dan komunikasi mengenai impak atau keberkesanan sesuatu peraturan baharu/semakan terhadap peraturan sedia ada. Peraturan termasuklah perundangan utama, perundangan subsidiari, garis panduan dan dasar.

Ahli Majlis : *Councillor*
Seseorang yang dilantik di bawah perenggan 10(1)(*a*) dan (*b*), Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*] untuk berkhidmat dalam pihak berkuasa tempatan dan termasuklah Datuk Bandar atau Yang Dipertua. (*p*[1])

Akta Parlimen : *Act of Parliament*
Akta yang dibuat oleh Parlimen. (*p*[2])

P1



Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*]

Aktiviti Dibenarkan : *Permitted Activity*
Aktiviti atau kegunaan yang dibenarkan dengan mendapat kelulusan pihak berkuasa tempatan/Pihak Berkuasa Negeri seperti di dalam Jadual Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan di dalam rancangan pemajuan. (*p*[3])

Badan Perundangan Negeri : *State Legislative Body*
Badan yang mempunyai kuasa di bawah Perlembagaan Negeri itu untuk membuat undang-undang bagi negeri itu, iaitu Dewan Undangan Negeri. (*p*[4])

Bangunan atau Tanah Yang Dipecah Bahagi (Hakmilik Strata) :
Subdivided Building or Land
Suatu bangunan atau tanah sebagaimana yang dipecah bahagi di bawah Akta Hakmilik Strata 1985 [*Akta 318*]. (*p*[5])

Berimilik : *Alienate*
Melupuskan tanah kerajaan untuk selama-lamanya atau untuk satu tempoh beberapa tahun, sebagai balasan kepada pembayaran cukai sewa dan sebaliknya menurut peruntukan-peruntukan seksyen 76, Kanun Tanah Negara 2020 [*Akta 828*] atau jika digunakan berkaitan dengan tempoh yang ditentukan di bawah undang-undang tanah terdahulu iaitu undang-undang yang tidak berkaitan dengan perlombongan di bawah seksyen 5, Kanun Tanah Negara [*Akta 828*]. (*p*[6])

Caj Pemajuan : *Development Charge*
Bayaran yang dikenakan oleh pihak berkuasa perancang tempatan kepada pemilik hartanah kerana sesuatu perubahan kegunaan, pertambahan kepadatan, dan nisbah plot atau luas lantai berikutan terdapatnya rancangan tempatan atau sesuatu perubahan rancangan tempatan di bawah subseksyen 32(1), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*]. (*p*[7])

Caj Pembangunan : *Development Charge*
Caj pembangunan yang dilevi di bawah seksyen 40, Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 [*Akta 267*] iaitu:

i. Bayaran yang dikenakan sekiranya suatu pelan tempatan atau perubahan suatu pelan tempatan melibatkan pertukaran kegunaan, kepadatan nisbah plot atau ruang lantai berkenaan mana-mana tanah dan menaikkan nilai tanah itu dengan kadar yang ditetapkan hendaklah dilevi ke atas apa-apa pembangunan tanah yang dimulakan, diusahakan atau dijalankan yang dikeluarkan oleh Datuk Bandar.
ii. Bayaran yang ditetapkan menggantikan peruntukan bagi ruang untuk meletak kereta. (*p*[8])

Carian Rasmi : *Official Searches*
Membuat semakan bagi sesuatu lot tanah dan sekitarnya, di Pejabat Tanah atau Pejabat Pendaftar dan diberi sijil carian yang akan dikeluarkan oleh Pejabat Tanah untuk menerangkan maklumat carian. Yuran carian akan dikenakan mengikut jumlah bilangan lot yang dicari di bawah seksyen 385, Kanun Tanah Negara [*Akta 828*]. (*p[9]*)

Cukai Taksiran : *Assessment*
Bayaran yang dikenakan oleh pihak berkuasa tempatan berdasarkan senarai nilaian (rujuk seksyen 130 hingga 137 Bahagian XV, Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*]) yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri. (*p[10]*)

Daerah : *District*
Kawasan pentadbiran yang diwartakan bawah peruntukan seksyen 11, Kanun Tanah Negara [*Akta 828*] dan ditadbir oleh Pegawai Daerah serta meliputi daerah-daerah kecil dan mukim.

Dokumen Hakmilik : *Document of Title*
Geran, pajakan tanah kerajaan, sijil hakmilik, hakmilik bersyarat, catatan dalam daftar Mukim, pajakan lombong atau sijil perlombongan dan dokumen lain yang membuktikan hakmilik atau pendaftaran tanah, yang disimpan oleh Pendaftar Hakmilik atau Pemungut Hasil Tanah. (*p[11]*)

Empunya Berdaftar : *Registered Proprietor*
Termasuklah empunya sesuatu pegangan yang termasuk dalam Daftar Sementara. (*p[12]*)

Enakmen Negeri : *State Enactment*
Mana-mana enakmen Perundangan mana-mana Negeri yang mempunyai kuatkuasa undang-undang dalam Negeri itu, sama ada dibuat sebelum atau selepas hari Merdeka, tetapi tidak termasuk suatu enakmen Perundangan Negeri Tanah Melayu Bersekutu. (*p[13]*)

Esmen : *Easement*
Hak yang diberi oleh seorang tuan punya kepada orang lain untuk menikmati faedah daripada tanahnya di bawah subseksyen 282(1), Kanun Tanah Negara [*Akta 828*]. (*p[14]*)

Geran : *Grant*
Dokumen hakmilik daftaran dalam Borang 5B (iaitu, dalam borang yang sesuai di bawah Kanun Tanah Negara [*Akta 828*] dengan tanah yang dipegang di bawah hakmilik Pejabat Pendaftaran untuk selama-lamanya). (*p[15]*)

Guna Bangunan : *Building Use*
Terdapat dua jenis pengertian guna bangunan iaitu:
i. Jenis aktiviti semasa yang dijalankan di dalam sesebuah bangunan.
ii. Jenis aktiviti yang telah dibenarkan oleh pihak berkuasa tempatan mengikut kelas kegunaan bangunan. (*p[16]*)

Hakmilik Muktamad : *Final Title*
Hak milik Pejabat Pendaftaran, hak milik Pejabat Tanah dan hak milik subsidiari (iaitu semua bentuk hak milik selain dari hak milik sementara). (*p[17]*)

Hakmilik Pejabat Tanah : *Land Office Title*
Hak milik yang dibuktikan oleh Geran Mukim atau pajakan Mukim atau mana-mana dokumen hakmilik yang didaftarkan di Pejabat Tanah di bawah peruntukan mana-mana undang-undang tanah terdahulu. (*p[18]*)

Hakmilik Bertanah : *Land Title*
Hakmilik bertanah adalah tanah yang telah diberimilik di bawah seksyen 76, Kanun Tanah Negara [*Akta 828*] yang tidak termasuk hakmilik strata dan hakmilik stratum. (*p[19]*)

Hakmilik Sementara : *Qualified Title*
Hakmilik yang dikeluarkan di bawah Bab 2 atau 3 Bahagian Sebelas, Kanun Tanah Negara [*Akta 828*] iaitu sebelum pengukuran dilakukan. (*p[20]*)

HakMilik Strata : *Strata Title*

Hakmilik yang dikeluarkan di bawah seksyen 16, Akta Hakmilik Strata 1985 [*Akta 318*]. Dokumen hak milik boleh terbahagi kepada hakmilik petak atau hak milik bagi blok/lot sementara. Hakmilik berasingan boleh dikeluarkan bagi setiap petak, termasuk petak sementara dan petak aksesori dalam bangunan yang telah dipecah bahagi. Contoh hakmilik strata termasuklah pangsapuri, kondominium, rumah bandar (*townhouse)* dan rumah-rumah dalam skim komuniti berpagar. (*p*[21])

P3

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

Borang 4e

(Jadual Keenam)

HAKMILIK STRATA

NO. HAKMILIK	NO. BANGUNAN	NO. TINGKAT	NO. PETAK
Geran 46092	M1	26	186

Cukai :

Pegangan untuk selama-lamanya

Negeri	:	WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
Daerah	:	Kuala Lumpur
*Bandar/Pekan/Mukim	:	Bandar Kuala Lumpur
No. Lot	:	Lot 70 Seksyen 70
Luas Petak	:	204 Meter Persegi
Petak Aksesori	:	
Jumlah Luas Petak Aksesori	:	
Unit Syer Petak	:	265
No. Pelan Strata Yang Diperakui	:	PA(B)200130-33, PA(B)200130-59
No. Rekod Daftar Strata Berkomputer	:	20183149

Petak dan petak aksesori (jika ada) yang tersebut di atas yang terletak di atas tanah ini adalah dipegang bagi tempoh hakmilik itu sepenuhnya oleh pemilik yang pada masa itu dinamakan dalam rekod ketuanpunyaan di dalamnya, tertakluk kepada Akta Hakmilik Strata 1985, kepada peruntukan kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya dan lebih khusus lagi kepada memorial, pengendorsan dan catatan-catatan lain. Apa-apa urusniaga terhadap hakmilik strata ini adalah tertakluk kepada sekatan kepentingan dan syarat nyata yang dinyatakan di dalamnya.

Menurut kuasa hakmilik ini, pemilik tersebut juga menikmati hak mengundi dalam perbadanan pengurusan yang berkadaran dengan unit - unit syer bagi petak ini sebagaimana yang dinyatakan, berhubung dengan jumlah unit syer bagi semua petak di atas tanah ini.

Bertarikh 19 Mac 2018

Pendaftar

Pelan bagi petak dan petak aksesori (jika ada), bagi tujuan pengenalpastian, dilampirkan di Borang 5e.

Contoh Hakmilik Strata

Hasil Tanah : *Land Revenue*

Premium atau cukai-sewa yang perlu dibayar ke atas tanah yang diberi milik atau sebarang lesen dan permit berhubung dengan tanah dan sebarang jenis bayaran yang boleh dikenakan di bawah Kanun Tanah Negara [*Akta 828*] atau mana-mana undang-undang tanah terdahulu. (*p*[22])

Harta Bersama : *Common Property*

Sekian banyak daripada lot yang tidak terkandung dalam mana-mana petak (termasuk mana-mana petak aksesori) atau mana-mana blok sementara sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan strata yang diluluskan. (*p*[23])

Contoh Harta Bersama

P4

Petak Aksesori : *Accessory Parcel*

Mana-mana petak yang ditunjukkan dalam suatu pelan strata sebagai petak aksesori yang digunakan atau dicadang hendak digunakan bersama-sama dengan suatu petak. (*p*[24])

Petak Tanah : *Land Parcel*

Satu (1) unit yang ditandakan dalam sesuatu lot yang terkandung dalamnya bangunan yang tidak lebih daripada empat (4) tingkat (tidak termasuk tingkat bawah yang dikongsi) yang dipegang di bawah suatu hakmilik strata; yang mungkin mempunyai tingkat bawah tanah yang dikongsi, yang terkandung dalamnya petak-petak aksesori dan harta bersama. (*p[25]*)

Petak : *Parcel*

Berhubungan dengan sesuatu bangunan yang (kecuali dalam hal suatu petak aksesori) dipecah bahagi, ertinya salah satu daripada unit individu yang terkandung dalamnya yang dipegang mengikut hakmilik strata yang berasingan dan berhubung dengan suatu tanah yang dipecah bahagi, ertinya satu daripada unit-unit individu petak tanah. (*p[26]*)

Contoh Petak

Strata : *Strata*

Suatu pembangunan hartanah yang membahagikan bangunan dan tanah kepada petak-petak, petak aksesori dan harta bersama serta telah ditetapkan sistem pengurusan bagi skim tersebut. (*p[27]*)

Unit Syer Agregat : *Aggregate Share Unit*

i. Berhubung dengan suatu bangunan atau tanah yang dicadangkan untuk dipecah bahagi kepada petak-petak, jumlah unit syer yang diumpukkan bagi petak-petak atau petak-petak yang dicadangkan, termasuk suatu blok sementara, di dalam suatu kawasan pemajuan; atau

ii. Berhubung dengan suatu bangunan atau tanah yang dipecah bahagi, jumlah unit syer bagi petak-petak, termasuk suatu blok sementara, sebagaimana yang ditunjukkan dalam daftar strata yang disediakan dan disenggarakan oleh Pendaftar di bawah Akta Hakmilik Strata 1985 [*Akta 318*]. (*p[28]*)

Jadual Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan : *Building and Land Use Class Table*

Jadual di dalam suatu rancangan tempatan atau rancangan kawasan khas yang menentukan kelas penggunaan tanah dan bangunan bagi memperincikan penggunaan tanah yang dibenarkan, yang dibenarkan dengan syarat dan tidak dibenarkan. Ia hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:

- Jenis guna tanah;
- Aktiviti yang dibenarkan;
- Aktiviti yang dibenarkan dengan syarat;
- Aktiviti yang tidak dibenarkan; dan lain-lain syarat/catatan. (*p[29]*)

P6

■ **JADUAL KELAS KEGUNAAN TANAH, BPK 1.1 : BANDAR ALOR GAJAH**

KOLUM I	KOLUM II		KOLUM III			KOLUM IV		KOLUM V	Catatan
Blok Perancangan Kecil	Jenis Guna tanah		Aktiviti Yang Dibenarkan (Utama)			Aktiviti Yang Dibenarkan Dengan Syarat (Sokongan)		Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan	
	Utama	Sokongan				Aktiviti	Syarat		
BPK 1.1	PERNIAGAAN	Perumahan Institusi Tanah Lapang dan Rekreasi	C1- Kedai	• Runcit • Kedai borong runcit • Kedai menjual dan membaiki • Kedai sewaan • Perkhidmatan khusus	• Bilik pameran • Perniagaan perkhidmatan • Kegunaan bercampur	**A. Perumahan** • Rumah Sesebuah • Rumah Berkembar • Rumah Teres • Rumah Kluster • Rumah Bertingkat **D. Institusi** • Taska • Tadika • Pusat Jagaan Kanak-Kanak • Institusi Pendidikan Tinggi • Institut Latihan • Masjid/ Surau • Rumah Ibadat Bukan Islam • Balai Polis/ Pondok Polis • Dewan Pameran • Rumah Kebajikan • Rumah Persatuan/Pertubuhan • Dewan Serbaguna • Tandas Awam • Pusat Rawatan Swasta • Pusat Konvensyen • Auditorium **E. Tanah Lapang dan Rekreasi** • Padang Permainan • Taman Rekreasi/ Awam • Taman Dan Kebun Bunga Awam • Padang Pertunjukan • Stadium • Kompleks Sukan • Rumah Kelab	• Kepadatan maksimum perumahan dalam pusat bandar 40 unit/ekar. • Mengikut keperluan dan syarat-syarat ditetapkan dalam kebenaran merancang. • Mengikut Piawaian Perancangan dan keperluan penduduk. • Penyediaan landskap perlu disediakan untuk kegunaan penduduk; • Mempertingkatkan faktor keselamatan dan keperluan bagi pejalan kaki; • Mengambilkira faktor kesesakan lalulintas, kemudahan tempat letak kereta dan mengikut piawaian perancangan; • Keperluan penambahan kemudahan tertakluk kepada MPAG; • Perlu menjalankan langkah – langkah kawalan pencemaran.	• Semua aktiviti yang tidak disenaraikan dalam kolum III dan IV • Aktiviti yang mencemarkan atau mempunyai risiko pencemaran • Sebarang aktiviti yang mewujudkan penceggahan guna tanah dan menimbulkan kacau ganggu.	• Pembangunan perniagaan baru berbentuk bangunan sesebuah adalah digalakkan. • 'Infill development' bagi kawasan perniagaan perlu diberi keutamaan • Aktiviti perniagaan / perdagangan hendaklah selaras dengan fungsi kawasan dan tertakluk kepada pertimbangan/ kelulusan MPAG • Perniagaan berbentuk Bazaar / Bistro perlu dilengkapi dengan kemudahan pejalan kaki yang selamat serta mempunyai integrasi antara satu bangunan ke bangunan yang lain serta kemudahan pengangkutan awam. • Pembangunan komited dan cadangan perlu mengikut garis panduan penyediaan kemudahan yang telah ditetapkan. • Penerapan ciri-ciri bandar selamat perlu dilaksanakan khususnya melalui aspek penyediaan kemudahan yang bersesuaian.
			C2 – kompleks perniagaan	• Pejabat • Pusat beli belah • Arked beli-belah	• Pasaraya besar • Kegunaan bercampur • Lain-lain				
			C4- Bangunan penginapan	• Hotel • Rumah tumpangan • Rumah rehat	• Pangsapuri servis				
			C5 – Pusat kewangan	• Pusat perkhidmatan kewangan, insurans dan hartanah	• Perbankan • Broker saham				
			C6 - Gerai	• Gerai berkelompok	• Lain-lain				
			C7 - Pasar	• Pasar Borong	• Pasar basah				
			C8 – Pusat Makanan	• Restoran • Medan selera • Kedai Kopi	• Kedai kek dan roti • Kafeteria dan kantin • Kafe terbuka • Lain-lain				
			C9 – Stesen Minyak	• Stesen	• Stesen dengan servis				
			Plinth Area : 60% daripada keluasan tapak						
	PERUMAHAN	Perniagaan Institusi Tanah Lapang dan Rekreasi	A1 – Rumah Sesebuah A2- Rumah Berkembar A3- Rumah Kluster A4- Rumah Teres A5- Rumah Bertingkat **Densiti:** Kepadatan maksimum 40 unit/ekar			**C. Perniagaan** • Perkedaian • Rumah Rehat • Chalet • Kewangan / Perbankan • Gerai • Pasar • Pusat Makanan • Stesen Minyak **D. Institusi** • Taska • Tadika • Pusat Jagaan Kanak-Kanak • Institusi Pendidikan Tinggi • Institut Latihan • Masjid/ Surau • Rumah Ibadat Bukan Islam • Perkuburan • Kesihatan • Balai Polis/ Pondok Polis • Rumah Kebajikan • Dewan Serbaguna • Dewan Orang Ramai • Balairaya • Perpustakaan • Medan Info Desa **E. Tanah Lapang dan Rekreasi** • Lot permainan • Padang Kejiranan • Taman Bandaran • Kemudahan Sukan dan Rekreasi.	• Aktiviti perniagaan dibenarkan di kawasan kediaman yang dapat memenuhi garispanduan pembangunan perniagaan. • Mengikut garis panduan, Piawaian Perancangan dan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam, 1984. • Mengikut keperluan dan syarat-syarat ditetapkan dalam kebenaran merancang. • Mengikut Piawaian Perancangan dan keperluan penduduk. • Penyediaan landskap perlu disediakan untuk kegunaan penduduk. • Mempertingkatkan faktor keselamatan dan keperluan bagi pejalan kaki; • Mengambilkira faktor kesesakan lalulintas, kemudahan tempat letak kereta dan mengikut piawaian perancangan; • Keperluan penambahan kemudahan tertakluk kepada MPAG; • Perlu menjalankan langkah – langkah kawalan pencemaran.	• Semua aktiviti yang tidak tersenarai dalam kolum III dan IV • Sebarang aktiviti yang mewujudkan penceggahan guna tanah dan menimbulkan kacau ganggu.	• Setiap pembangunan perumahan yang mengandungi 100 unit rumah perlu menyediakan tapak gerai seluas (40' x 40') untuk diserahkan pada MPAG. • Aktiviti perniagaan dibenarkan di kawasan kediaman sedia ada dalam lingkungan 100 meter daripada jalan utama (>60') yang dapat memenuhi kehendak setempat dan garis panduan /piawaian yang telah ditetapkan. • Pembangunan perniagaan baru berbentuk bangunan sesebuah adalah digalakkan. • 'Infill development' bagi kawasan perniagaan perlu diberi keutamaan • Aktiviti perniagaan / perdagangan hendaklah selaras dengan fungsi kawasan dan tertakluk kepada pertimbangan/ kelulusan MPAG • Perniagaan berbentuk Bazaar / Bistro perlu dilengkapi dengan kemudahan pejalan kaki yang selamat serta mempunyai integrasi antara satu bangunan ke bangunan yang lain serta kemudahan pengangkutan awam. • Pembangunan komited dan cadangan perlu mengikut garis panduan penyediaan kemudahan yang telah ditetapkan. • Penerapan ciri-ciri bandar selamat perlu dilaksanakan khususnya melalui aspek penyediaan kemudahan yang bersesuaian.
	PERINDUSTRIAN	Perniagaan	B1 – Industri Ringan	Rujuk Lampiran		**C. Perniagaan** • Gerai • Pusat makanan dan minuman • Lain-lain aktiviti yang menyokong perindustrian.	• Aktiviti yang tidak mencemarkan. • Mengikut garis panduan, Piawaian Perancangan dan Undang-undang kecil Bangunan Seragam,1984. • Perlu menjalankan langkah – langkah kawalan pencemaran.	• Semua aktiviti yang tidak tersenarai dalam kolum III dan IV. • Sebarang aktiviti yang mewujudkan penceggahan guna tanah dan menimbulkan kacau ganggu.	• Kawasan industri perlu menyediakan kaedah-kaedah kawalan pencemaran.
			B2 - Industri Sederhana	Rujuk Lampiran					

Jawatankuasa Perancang Negeri : *State Planning Committee*

Jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen 4, Akta Perancangan Bandar dan Desa [*Akta 172*] untuk menggubal dasar berkaitan pemeliharaan, pemajuan dan penggunaan tanah serta bangunan dalam negeri tersebut. (*p30*)

Jawatankuasa Perancangan Wilayah : *Regional Planning Committee*

Suatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen 6A(1), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*] oleh Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN), selepas berunding dengan Pihak Berkuasa Negeri, yang melibatkan dua Negeri atau lebih. (*p31*)

Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan : *Improvement Service Fund* (ISF)

Diperuntukkan dalam seksyen 132, Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*] bagi pihak berkuasa tempatan. (*p32*)

Kaedah-Kaedah Mahkamah : *Rules of Court*

Kaedah-kaedah atau lain-lain perundangan kecil yang mengatur amalan dan cara sesuatu mahkamah atau mahkamah-mahkamah. (*p34*)

Kaedah-Kaedah : *Rules*

Satu bentuk perundangan kecil/subsidiari dibuat di bawah mana undang-undang bertulis. Kuatkuasa suatu kaedah-kaedah adalah sama seperti suatu peraturan atau undang-undang kecil tetapi ianya tidak boleh mengatasi Akta Parlimen (Akta Ibu). (*p33*)

P7



NEGERI JOHOR
WARTA KERAJAAN
DITERBITKAN DENGAN KUASA
GOVERMENT OF NEGERI JOHOR GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

2014

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976
[AKTA 172]
KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM) (NEGERI JOHOR)
(PINDAAN) 2014

SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH

KAEDAH

1. Tajuk dan permulaan kuat kuasa
2. Permohonan untuk kebenaran merancang
3. Permohonan untuk melanjutkan atau melanjutkan tambahan kebenaran merancang
4. Fi
5. Maklumat dan keterangan
6. Penyelenggaraan daftar permohonan
7. Notis kepada tuan punya tanah berjiranan
8. Perundingan
9. Notis untuk kebenaran merancang
10. Notis kepada pembantah akan pemberian kebenaran merancang
11. Perintah membatalkan kebenaran merancang atau kelulusan pelan bangunan
12. Tuntutan bagi pampasan dan kos
13. Notis-notis di bawah seksyen 27
14. Notis-notis di bawah seksyen 28

Contoh Kaedah-Kaedah Pengawalan Perancangan (Am) Negeri Johor

Kaveat Pendaftar : *Registered Caveat*

Adalah satu urusan iaitu halangan urusniaga ke atas tanah/ rumah. Mana-mana badan dan orang perseorangan boleh memohon urusan ini. Urusan ini akan didaftarkan dalam keadaan berikut:

- Mencegah penipuan atau urusniaga yang tidak patut.
- Melindungi kepentingan Kerajaan Persekutuan atau Pihak Berkuasa Negeri.
- Melindungi kepentingan orang tidak sempurna akal, kanak-kanak bawah umur.
- Berlaku kesalahan pendaftaran mana-mana hakmilik. (*p35*)

P8



Kanun Tanah Negara
BORANG 19B
(Seksyen 323)

PERMOHONAN UNTUK PEMASUKAN KAVEAT PERSENDIRIAN

Kepada *Pendaftar/Pentadbir Tanah .....
[*Di sini masukkan nama Negeri atau Daerah sebagaimana yang sesuai*]

Saya, ...
yang beralamat di .....
dengan ini memohon supaya dimasukkan suatu kaveat ke dalam hakmilik tanah yang diperihalkan dalam jadual di bawah ini, supaya dimaksudkan untuk mengikat—

*tanah itu sendiri/kepentingan yang diperihalkan dalam jadual tersebut.

2. Alasan-alasan tuntutan saya ke atas *tanah/kepentingan itu ialah—
.....
.....
.....
.....
.....

3. Sebagaimana yang dikehendaki oleh seksyen 323 Kanun Tanah Negara, maka saya kemukakan—

(*a*) fee yang ditetapkan sebanyak RM.....;

(*b*) akuan berkanun oleh *saya sendiri/peguambela dan peguamcara saya yang mengesahkan tuntutan yang diterangkan dalam perenggan 2 di atas; dan

(*c*) sekiranya berkaitan dengan sebahagian daripada tanah, suatu perihal atau pelan tanah yang disentuh, atau sekiranya berkaitan dengan suatu bahagian tanah yang tak dipecahkan atau sebahagian dari-padanya, suatu perihal mengenainya.

Bertarikh pada..... haribulan....., 20.....

.....
Tandatangan (atau lain-lain cara penyempurnaan) oleh atau bagi pihak pemohon

[*Fasal Penyaksian*]
JADUAL TANAH *DAN KEPENTINGAN
[*seperti di dalam Borang 13A*]

Contoh Kaveat

Kaveat Amanah : *Trust Caveat*
Dimasukkan oleh Pendaftar bertujuan menjaga kepentingan pemegang amanah, orang atau badan berhubung dengan pemilikan tanah di bawah seksyen 333, Kanun Tanah Negara [*Akta 828*]. (*p*[36])

Kawalan Perancangan : *Planning Control*
Proses untuk mengawal kegunaan dan pemajuan tanah serta bangunan di kawasan pihak berkuasa perancang tempatan berkait dengan kebenaran merancang seperti yang ditakrifkan di Bahagian IV, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*] bagi memastikan pemajuan mematuhi rancangan pemajuan, dasar-dasar, peraturan, garis panduan perancangan dan apa-apa ketetapan perancangan yang lain. (*p*[37])

Kawasan Pemajuan : *Development Area*
Sesuatu kawasan yang dibangunkan menurut Bahagian VIII, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*] meliputi semua lima (5) tindakan utama berikut:

- Penyediaan Rancangan Kawasan Khas (RKK) yang diwartakan.
- Pengisytiharan kawasan pemajuan melalui Warta Negeri.
- Pemerolehan tanah beri milik sebahagian atau keseluruhan sama ada secara rundingan atau pengambilan di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 [*Akta 486*].
- Pemindahhakkan harta dan tanah selepas kawasan pemajuan dibangunkan.
- PBPT sebagai perancang dan pelaksana utama. (*p*[38])

Kawasan Plinth : *Plinth Area*
Bahagian kawasan daripada mana-mana lot yang akan diliputi oleh bangunan. (*p*[39])

P9



Kebenaran Merancang : *Planning Permission*
Kebenaran yang diberikan, dengan atau tanpa syarat, untuk menjalankan pemajuan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*]. (*p*[40])

Kebenaran Merancang Tempoh Terhad : *Limited Period Planning Permission*
Merupakan permohonan kebenaran merancang seperti yang dinyatakan mengikut seksyen 21, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*] dengan mengambil kira peruntukan perenggan 22(5)(*a*), Akta 172 di mana syarat menetapkan kebenaran merancang hanya diberikan untuk suatu tempoh yang terhad sahaja. Setelah tamat tempoh kebenaran merancang tersebut, penggunaan tanah atau bangunan itu hendaklah dikembalikan semula kepada kegunaan asalnya. (*p*[41])

Kaedah-Kaedah Kelas Kegunaan Tanah dan Bangunan : *Land and Building Use Class Rules*

Suatu perundangan subsidiari yang menetapkan mengenai kelas kegunaan tanah dan bangunan, bagi maksud memberikan kebenaran perancangan. Berkenaan dengan suatu pembangunan dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, satu Kaedah-Kaedah (Perancangan) Wilayah Persekutuan (Kelas Kegunaan Tanah dan Bangunan) (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2018 telah diwartakan di bawah seksyen 22, Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 [*Akta 267*]. (*p*[42])

P10



30 Oktober 2018
30 October 2018
P.U. (A) 276

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH (PERANCANGAN)
WILAYAH PERSEKUTUAN
(KELAS KEGUNAAN TANAH DAN BANGUNAN)
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2018

FEDERAL TERRITORY (PLANNING)
(CLASSES OF USE OF LAND AND BUILDINGS)
(FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR) RULES 2018

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

Langkau Api : *Fire Break*

Ruang pemisah antara deretan bangunan mengikut jenis pembangunan. Contohnya, rumah teres setiap satu blok tidak melebihi daripada 16 unit rumah dan mesti disediakan rizab langkau api. (*p*[43])

P11

Lanjutan Tempoh Kebenaran Merancang : *Extension of Planning Permission*

Menurut subseksyen 24(3), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*] pihak berkuasa perancang tempatan boleh memberi tempoh lanjutan atau tempoh lanjutan tambahan kepada kebenaran merancang yang luput tempoh dengan mengenakan fi tertentu. (*p*[44])

Lembaga Rayuan : *Appeal Board*

Badan ini berfungsi untuk memberi peluang kepada seseorang yang tidak berpuas hati atau terkilan di bawah subseksyen 23(1), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*] terhadap sesuatu keputusan yang dibuat oleh pihak berkuasa perancang tempatan mengenai permohonan kebenaran merancang agar dapat dipertimbangkan semula keputusan tersebut. Terdapat hanya satu Lembaga Rayuan bagi setiap negeri. (*p*[45])

Luput Kebenaran Merancang : *Lapse of Planning Permission*

Tempoh luput kebenaran merancang yang diberikan di bawah subseksyen 22(3), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*] adalah 12 bulan selepas tarikh ia diberikan. Sekiranya dalam masa itu pemajuan belum dimulakan secara yang ditentukan dalam kebenaran merancang, maka selepas tempoh tersebut kebenaran merancang dianggap luput. (*p*[46])

Luas Lantai : *Floor Area*

Jumlah luas ruang lantai dalam suatu bangunan, sebagaimana yang diukur dari sebelah dinding atau, dalam hal dinding kongsi, diukur dari tengah-tengah dinding itu. (*p*[47])

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) :
State Executive Council
Majlis Mesyuarat Kerajaan yang ditubuhkan bagi sesebuah negeri menurut Perlembagaan Negeri itu. (*p[48]*)

Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan :
National Council for Local Government
Suatu Majlis yang terdiri daripada seorang Menteri sebagai Pengerusi, seorang wakil tetap dari setiap Negeri yang dilantik oleh Raja/Yang di-Pertua Negeri, dan apa-apa bilangan wakil (tidak melebihi 10 orang), Kerajaan Persekutuan, untuk membentuk dari semasa ke semasa, suatu dasar negara untuk memajukan, membangunkan dan mengawal kerajaan tempatan di seluruh Persekutuan, dan untuk mentadbirkan mana-mana undang-undang yang berhubungan dengannya; dan kerajaan-kerajaan Persekutuan dan Negeri hendaklah mengikuti dasar yang dibentuk sedemikian. (*p[49]*)

Majlis Penuh : *Full Council*
Mesyuarat yang diketuai oleh Yang Dipertua dan dianggotai oleh orang-orang yang dilantik untuk menjadi Ahli Majlis. (*p[50]*)

Majlis Perancang Fizikal Negara :
National Physical Planning Council
Majlis yang ditubuhkan di bawah seksyen 2A, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*]. Ianya berfungsi untuk menggalakkan perancangan bandar dan desa di dalam negara melalui rangka dasar dan menasihati kerajaan Persekutuan atau kerajaan mana-mana Negeri berhubung dengan perancangan bandar dan desa. Majlis ini dipengerusikan oleh Perdana Menteri, dan dianggotai oleh Menteri-Menteri yang berkaitan dengan perancangan bandar dan desa, Menteri/Ketua Menteri tiap-tiap negeri, dan Setiausahanya ialah Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa. (*p[51]*)

Majlis Raja-Raja : *Conference of Rulers*
Majlis Raja-Raja yang ditubuhkan oleh Perkara 38, Perlembagaan Persekutuan. (*p[52]*)

Majlis Tanah Negara : *National Land Council*
Suatu Majlis yang terdiri daripada seorang Menteri sebagai Pengerusi, seorang wakil dari setiap negeri yang dilantik oleh Raja/Yang di-Pertua Negeri, dan apa-apa bilangan wakil Kerajaan Persekutuan (tidak melebihi 10 orang), untuk membentuk dari semasa ke semasa, suatu dasar negara untuk memajukan dan mengawal penggunaan tanah di seluruh Persekutuan bagi perlombongan, pertanian, perhutanan atau apa-apa maksud lain, dan untuk mentadbirkan mana-mana undang-undang yang berhubungan dengannya, dan Kerajaan Persekutuan dan Negeri hendaklah mengikuti dasar yang dibentuk sedemikian. Majlis Tanah Negara yang diwujudkan oleh Perkara 91, Perlembagaan Persekutuan. (*p[53]*)

Mencantumkan Tanah :
Amalgamation of Land
i. Pencantuman dua (2) atau lebih lot tanah bagi menyusun atur penggunaan tanah bagi maksud pemajuan.
ii. Menyatukan satu (1) atau lebih lot-lot tanah berimilik dengan syarat, seperti mana yang diperuntukkan seksyen 146, Kanun Tanah Negara [*Akta 828*]. (*p[54]*)

Mukim : *Mukim*
Mana-mana kawasan yang ditubuhkan dengan berpatutan sebagai satu mukim di bawah peruntukan-peruntukan seksyen 11 atau, menurut kuasa seksyen 442, Kanun Tanah Negara [*Akta 828*] adalah disifatkan sebagai satu mukim yang ditubuhkan sedemikian. (*p*[55])

Notis Pembelian : *Purchase Notice*
Notis pembelian yang disebut dalam seksyen 37, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*]. Ianya dikemukakan oleh pemunya tanah kepada pihak berkuasa untuk meminta pihak berkuasa berkenaan membeli tanahnya disebabkan oleh tanah tersebut tidak dapat digunakan secara berfaedah dengan sebab:

- Tanah tidak boleh dimajukan kerana telah dicadangkan untuk kegunaan awam dalam rancangan tempatan; atau
- Mematuhi arahan notis rekuisisi yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan. (*p*[56])

Notis Rekuisisi : *Requisition Notice*
Notis yang diperuntukan di bawah seksyen 30, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*]. Ianya dikeluarkan oleh pihak berkuasa perancang tempatan kepada tuan tanah berdaftar sama ada bagi:

- Menghentikan penggunaan tanah.
- Mengenakan syarat bagi penggunaan tanah.
- Mengubah atau memindah bangunan di atas tanah.

Tuan punya tanah perlu memenuhi syarat notis rekuisisi dalam tempoh kurang daripada satu bulan. (*p*[57])

Nisbah Plot : *Plot Ratio*
Nisbah antara jumlah luas lantai suatu bangunan dengan luas plot bangunan sebagaimana yang diukur antara garisan sempadan ukur atau, jika tidak ada garisan sempadan ukur, antara garisan sempadan sementara. (*p*[58])

P13



Orang Diberi Kuasa : *Authorized Person*
Seseorang yang ditetapkan oleh pihak berkuasa perancang tempatan secara bertulis sebagai seorang yang diberi kuasa bagi maksud peruntukan yang ditetapkan. (*p*[59])

Orang Utama Yang Mengemukakan : *Principal Submitting Person*
Orang yang berkelayakan yang mengemukakan pelan bangunan kepada pihak berkuasa tempatan untuk kelulusan mengikut Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*] atau mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya dan termasuk mana-mana orang yang berkelayakan lain yang mengambil alih kewajipan dan tanggungjawab atau bertindak untuk orang yang berkelayakan yang pertama disebut itu. (*p*[60])

P14

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1984

BORANG G 1

PERAKUAN BERPERINGKAT : KERJA-KERJA TANAH

[Undang-undang kecil 25 atau 27]

Tajuk Projek: CADANGAN 172 UNIT RUMAH TERES BERANGKAI DI ATAS PT 12630- PT 12801, MUKIM PETALING, SELANGOR DARUL EHSAN

*1. Kami memperakui bahawa kami telah mengawasi dan/atau menjalankan pembinaan dan penyiapan kerja-kerja tanah dan bahawa sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami kerja-kerja itu adalah mengikut Pelan Kerja-Kerja Tanah yang Diluluskan No. Ruj.PBTAA 988/2007 dan bahawa kami menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas pembinaan dan penyiapan kerja-kerja tanah itu.

	Nama (*Perseorangan*)	#No. Pendaftaran	Tandatangan
(a) Kontraktor	Ahmad Bin Amin	550101-10-6011 (Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan)	(Tarikh: 25 Sept 07)
(b) Orang yang mengemukakan	IR QQQ	4663 (Awam) (Lembaga Jurutera Malaysia)	(Tarikh: 26 Sept 07)

~~ATAU~~

~~*2. Saya memperakui bahawa borang ini tidak berkaitan.~~

~~(Orang utama yang mengemukakan)~~

 # No. K.P., jika tiada badan yang berkaitan berkenaan dengan pendaftaran
** Potong mana-mana yang tidak berkenaan.*

Dicetak dari www.lam.gov.my

Orang Yang Berkepentingan : *Person Interested*

Termasuklah tiap-tiap orang yang menuntut sesuatu kepentingan pada pampasan yang dibuat kerana pengambilan tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 [*Akta 486*] ini, tetapi tidaklah termasuk seorang penyewa ikut ihsan. (*p*[61])

Orang Yang Berkelayakan *: Qualified Person*

Dalam konteks permohonan kebenaran merancang, merujuk kepada Perancang Bandar berdaftar di bawah Akta Perancang Bandar 1995 [*Akta 538*] dan profesional lain yang layak seperti arkitek yang mempunyai latihan akademik, kompetensi dan pengalaman dalam bidang perancangan bandar dan desa, yang berhak di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain.

Penyediaan pelan, dsb., oleh seseorang yang berkelayakan

21C. Semua pelan, butir-butir, pelan susun atur dan dokumen lain yang dikehendaki supaya dikemukakan di bawah Akta ini hendaklah disediakan oleh—

(a) seseorang yang kelayakannya ditetapkan di bawah perenggan 58(2)*(h)*; atau

(b) seseorang yang berhak berbuat sedemikian di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain.

Orang yang berkelayakan dijelaskan dalam seksyen 21C, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*].

Orang Yang Mengemukakan : *Submitting Person*

Orang yang berkelayakan yang mengemukakan pelan selain pelan bangunan kepada pihak berkuasa tempatan atau pihak berkuasa berkanun yang berkaitan mengikut Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*] ini atau mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya dan termasuklah mana-mana orang yang berkelayakan lain yang mengambil alih kewajipan dan tanggungjawab atau bertindak untuk orang yang berkelayakan yang pertama disebut itu.

Pajakan : *Lease*

Pajakan berdaftar atau pajakan kecil tanah berimilik. (*p*[63])

Pampasan : *Compensation*

Sebarang bentuk bayaran sebagai ganti rugi yang diberikan oleh pihak kerajaan, swasta atau individu perseorangan kepada mana-mana pihak disebabkan oleh kerugian yang dialami. (*p*[64])

Pecah Bahagian Tanah : *Partition of Land*

Tanah yang dipegang di bawah hakmilik tetap atau hakmilik sementara iaitu sambungan daripada hakmilik tetap (sama ada hakmilik pejabat tanah atau hakmilik pejabat pendaftar) yang dipegang oleh dua (2) orang atau lebih yang dipecah bahagian supaya terletak hak pada setiap seorang di bawah satu hakmilik berasingan dengan keluasan sehampir mungkin dengan bahagiannya (perenggan 140(l)(a) dan *(b),* Kanun Tanah Negara [*Akta 828*]). Walau bagaimanapun, tidak semestinya setiap tuan punya bersama diberi hakmilik berasingan. Mereka yang masih ingin meneruskan pemilikan bersama boleh mengekalkan haknya bersamaan bahagiannya. (*p*[65])

Pecah Sempadan dan Tukar Syarat Serentak : *Simultaneous Applications for Subdivision*

Permohonan pecah sempadan berserta dengan permohonan tukar syarat yang bermaksud membuat permohonan pecah sempadan bersekali dengan permohonan menukar syarat (seksyen 124A, Kanun Tanah Negara [*Akta 828*]). (*p*[66])

Pecah Sempadan Tanah : *Subdivision of Land*

Membahagikan sesuatu lot tanah yang besar kepada lot-lot kecil bagi tujuan pembangunan. Sempadan tanah yang dipegang di bawah hakmilik tetap sama ada hakmilik Pejabat Pendaftar atau hakmilik Pejabat Tanah yang dipecah sempadan kepada dua bahagian atau lebih supaya tiap-tiap satunya dipegang di bawah hakmilik berasingan oleh tuan punya yang sama atau tuan punya bersama yang sama. (*p*[67])



Pelupusan (Tanah) : *Disposal (Land)*
Apa-apa pelupusan tanah yang dibuat oleh Pihak Berkuasa Negeri dalam menjalankan mana-mana dari kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 42, Kanun Tanah Negara [*Akta 828*] berkaitan kuasa pelupusan atau mana-mana dari kuasa-kuasa bersamaan yang diberi oleh mana-mana undang-undang tanah terdahulu. (*p[68]*)

Pemajuan : *Development*
Pemajuan sepertimana yang ditafsirkan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*] ertinya menjalankan apa-apa kerja bangunan, kejuruteraan, perlombongan, perindustrian, atau apa-apa kerja lain yang seumpamanya pada, di atas, di sebelah atas atau di bawah tanah, membuat apa-apa perubahan material mengenai penggunaan mana-mana tanah atau bangunan atau mana-mana bahagian daripadanya, atau memecah sempadan atau mencantumkan tanah "memajukan" hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya. (*p[69]*)

Pembangunan Komited : *Committed Development*
Pembangunan yang telah mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa perancang tempatan dan masih dalam tempoh sah, tetapi belum dilaksanakan di atas tapak. (*p[70]*)

Pembatalan Tanah Rizab : *Cancellation of Reserve Land*
Pembatalan perizapan dibuat jika tanah rizab itu hendak diberimilik ataupun ia hendak dirizabkan untuk maksud lain. Ia boleh dibatalkan sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya pada bila-bila masa selepas diambil tindakan-tindakan di bawah seksyen 64, Kanun Tanah Negara [*Akta 828*]. (*p[71]*)

Pemegang Syer Majoriti : *Majority Share Holder*
Pemilik syer terbesar. Dalam urusan tanah, tuan punya bersama pemegang syer majoriti boleh memohon pecah bahagian tanah tanpa kebenaran tuan punya bersama yang lain. (Seksyen 14A, Kanun Tanah Negara [*Akta 828*]). (*p[72]*)

Pemilik (Petak) : *Proprietor (Parcel)*
Orang atau badan yang pada masa itu didaftarkan sebagai pemilik sesuatu petak dan juga kepada pemilik sesuatu blok sementara, iaitu orang atau badan yang pada masa itu didaftarkan sebagai pemilik sesuatu blok sementara melainkan jika diperuntukkan dengan nyata selainnya. (*p[73]*)

Pemilik Asal (Hakmilik Strata) : *Original Proprietor (Strata Tittle)*
Pemilik lot sebaik sebelum pecah bahagian sesuatu bangunan. (*p[74]*)

Pemunya : *Owner*
Berhubung dengan mana-mana tanah atau bangunan, ertinya: -
a) tuan punya berdaftar tanah.
b) jika, pada pendapat pihak berkuasa perancang tempatan, tuan punya berdaftar tanah itu tidak dapat dikesan, ejen atau pemegang amanahnya.
c) jika tuan punya berdaftar tanah itu telah mati, wakil dirinya di sisi undang-undang.
d) jika tiada seorang pun antara orang yang disebut dalam perenggan (a), (b) dan (c) wujud, orang yang pada masa ini menerima sewa tanah atau bangunan itu, sama ada bagi pihaknya sendiri atau sebagai seorang penerima, atau yang akan menerima sewa itu jika tanah atau bangunan itu disewakan. (*p[75]*)

Penamatan Skim Strata : *Termination of Strata Scheme*
Penamatan pecah bahagian bagi bangunan atau tanah yang dipecah bahagi dengan memulihkan semula atau meneruskan penggunaan bangunan atau tanah secara keseluruhan atau sebahagian selaras kehendak seksyen 57, Akta Hakmilik Strata 1985 [*Akta 318*]. (*p[76]*)

Pengambilan Tanah : *Land Acquisition*

Pengambilan tanah oleh kerajaan daripada tuan punya tanah untuk apa jua maksud dengan dibayar pampasan menurut kuasa undang undang pengambilan tanah. Subseksyen 3(1), Akta Pengambilan Tanah 1960 [*Akta 486*] memperuntukkan bahawa Pihak Berkuasa Negeri boleh mengambil tanah yang dikehendaki:

i. Bagi mana-mana maksud awam;

ii. Oleh mana-mana orang atau perbadanan bagi apa-apa maksud yang pada pandangan Pihak Berkuasa Negeri memberi faedah kepada pembangunan ekonomi Malaysia atau mana-mana bahagian daripadanya atau kepada orang awam amnya atau mana-mana kumpulan orang awam;

iii. Bagi maksud perlombongan, atau bagi maksud-maksud kediaman, pertanian, perdagangan, perindustrian, maksud rekreasi atau kombinasi mana-mana maksud tersebut. (*p77*)

Penempatan Pertanian Melayu : *Malay Agricultural Settlement* (M.A.S)

Tanah yang terletak di Kampong Bharu, Kuala Lumpur yang diwartakan melalui warta kerajaan Negeri Selangor di bawah seksyen 6, Enakmen Tanah 1897 bertarikh 12 Januari 1900, melalui rizab *Malay Agricultural Settlement.* Kawasan ini ditadbir dan dikawal selia oleh Lembaga Pentadbiran M.A.S dan melalui sekatan kepentingan yang telah diletakkan di dalam hakmilik, ianya tidak boleh dipindahmilik dan diduduki oleh orang bukan Melayu mahupun diganti di mana-mana di tempat yang lain. (*p78*)

Penyatuan Kepentingan : *Union of Interest*

Penyatuan kepentingan merujuk kepada terma dan syarat di dalam sesuatu perjanjian atau kontrak yang dipersetujui bersama, mengenai hak dan kepentingan kedua-dua belah pihak sebagaiman diperuntukkan di bawah seksyen 41, Akta Perancangan Bandar dan Desa Desa 1976 [*Akta 172*]. (*p79*)

Penyatuan Tanah : *Amalgamation of Lands*

Menyatukan dua (2) atau lebih lot tanah yang dipegang oleh seorang tuan punya tanah dibawah hakmilik berasingan sama ada hakmilik tetap atau hakmilik sementara sambungan daripada hakmilik tetap dengan syarat; (subseksyen 146(1), Kanun Tanah Negara [*Akta 828*]):

i. Lot-lot tersebut dimiliki oleh seorang tuan punya;
ii. Lot-lot tersebut berkongsi sekurang-kurangnya satu sempadan; dan
iii. Lot-lot tersebut terletak dalam mukim, bandar dan pekan yang sama.

Tanah yang hendak disatukan haruslah sama dari segi tempoh pegangan, kadar cukai, jenis kegunaan, syarat dan sekatan kepentingan. Jika terdapat sebarang perbezaan, kelulusan Pihak Berkuasa Negeri diperlukan. Lot-lot tanah dianggap berdampingan sekiranya setiap satu berkongsi sekurang-kurangnya satu sempadan. (*p80*)

Penyerahan dan Pemberimilikan Semula : *Surrender and Re-alienation*

Mana-mana dua lot atau lebih lot berimilik yang berdampingan dan dipegang di bawah hak Pejabat Tanah yang dimiliki oleh tuan tanah yang sama boleh diserah dan dikembalikan kepadanya dalam bentuk atau unit-unit yang berbeza dan setiap satunya kurang daripada 4 hektar dan dipegang di bawah Hak Milik Sementara Pejabat Tanah (seksyen 204A, Kanun Tanah Negara [*Akta 828*]). Contohnya, 3 keping tanah yang dimiliki oleh tuan punya yang sama tetapi mempunyai jenis kegunaan tanah yang berbeza, disatu dan diberi milik semula kepada 5 unit berasingan dengan jenis kegunaan dan syarat baru bersesuaian dengan kegunaan yang dicadangkan. (*p81*)

Perancang Bandar : *Town Planner*
Profesion yang menjalankan amalan berkaitan perancangan bandar dan desa khususnya berkaitan seni dan sains pengaturan guna tanah dan ruang serta aktiviti sesebuah bandar atau desa. Perancang bandar mempunyai bidang kepakaran masing-masing untuk merancang masa akan datang agar dapat menghasilkan pembangunan yang mampan, inklusif dan berdaya tahan.

Perancang Bandar Berdaftar : *Registered Town Planner*
Seseorang yang didaftarkan di bawah subseksyen 15(3), Akta Perancang Bandar 1995 [*Akta 538*] dan didaftarkan di bawah Daftar Perancang Bandar Seksyen A.

Perancang Bandar Siswazah Berdaftar : *Registered Graduate Town Planner*
Seseorang yang didaftarkan di bawah Daftar Perancang Bandar Seksyen B di bawah Akta Perancang Bandar 1995 [*Akta 538*]. (*p82*)

Perintah Pembangunan : *Development Order*
Perintah pembangunan yang dikeluarkan di bawah Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 [*Akta267*] yang memberi kebenaran perancangan dengan atau tanpa syarat bagi apa-apa pembangunan yang dinyatakan dalam perintah itu. (*p83*)

Perakuan Siap Dan Pematuhan : *Certificate of Completion and Compliance (CCC)*
Perakuan yang mengesahkan bangunan telah siap dan mematuhi keperluan agensi teknikal, yang dibuat di bawah Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UKBS 1984). (*p84*)

P16



UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN (PAHANG) 1996

BORANG F

PERAKUAN SIAP DAN PEMATUHAN
[undang-undang kecil 25]

LAM / P / No. 6330

Tarikh : 02 MAR 2021

Kepada : *
LIMWING DEVELOPMENT SDN. BHD (520054-U)
B - 40, LORONG TUN ISMAIL 11,
JALAN TUN ISMAIL,
25000 KUANTAN,
PAHANG DARUL MAKMUR.

Saya dengan ini mengesahkan Perakuan Siap dan Pematuhan untuk bangunan-bangunan-bangunan atas Lot/Lot-Lot/Seksyen/Hakmilik
CADANGAN PEMBANGUNAN YANG MENGANDUNGI (BAKI 4) 4 UNIT RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT DI ATAS LOT PT 127057 H.S.(M) 85784 MUKIM PT 127040 H.S.(M) 85787, (LOT LAMA PT 100559), JALAN IM/2, MUKIM KUALA KUANTAN, DAERAH KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR

adalah berpusa hati bahawa bangunan-bangunan-bangunan ini telah siap mematuhi pelan yang diluluskan No. MPK/R/BPB/01/2017-C bertarikh 05 JUN 2017

Saya telah mengawasi pembinaan dan pas-pasan bangunan/bangunan-bangunan ini dan sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya kerja/kerja-kerja ini adalah mengikut Akta, Undang-Undang Kecil Bangunan (Pahang) 1996 dan pelan-pelan yang diluluskan. Saya dengan ini mengesahkan bahawa bangunan-bangunan ini adalah selamat dan layak untuk didiami.

1. Butir-butir orang utama yang mengendalikan :
Nama : Ar. MOHD YUSOF YUSOF
Alamat : B-124, TINGKAT 1, JALAN BUKIT SEKLAU, 25200 KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR.

No Pendaftaran LAM : A/M 357

2. Salinan kepada :
(a) Pihak Berkuasa Tempatan : MAJLIS BANDARAYA KUANTAN
(Nama Pihak Berkuasa Tempatan)
(b) Lembaga Arkitek Malaysia (LAM)

* Potong yang tak berkenaan

SALINAN ASAL

Contoh Borang F (CCC)

Perintah Larangan : *Prohibitory Order*
Perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah yang melarang penghutang melaksanakan apa jua urus niaga ke atas tanah yang sedang dalam proses penjualan. (*p85*)

Perintah Pemeliharaan Pokok : *Tree Preservation Order*

Suatu perintah yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa perancang tempatan di bawah subseksyen 35A(1), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*] untuk memelihara pokok dalam kawasannya. Perintah ini dibuat:

i. Bagi melarang penebangan pokok yang telah dikeluarkan perintah tersebut, kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada pihak berkuasa perancang tempatan, dan tertakluk kepada syarat -syarat yang ditetapkan; dan
ii. Bagi memastikan pokok ditanam atau diganti melalui penanaman semula mengikut cara yang ditentukan oleh pihak berkuasa perancang tempatan. (*p86*)

Perundangan Kecil : *Subsidiary Legislation*

Apa-apa perisytiharan, kaedah, peraturan, perintah, pemberitahuan, undang-undang kecil atau lain-lain perundangan dibuat di bawah mana-mana Akta, Enakmen, Ordinan atau lain-lain kuasa yang sah dan mempunyai kuasa perundangan. (*p87*)

Piawaian Perancangan : *Planning Standard*

Peraturan perancangan berkaitan keperluan ruang, ukuran, spesifikasi tapak, ketinggian, guna tanah yang dibenarkan atau dilarang dan kriteria lain yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri atau pihak berkuasa perancang tempatan bagi menjalankan pemajuan. Ianya merupakan rujukan penting dalam kawalan perancangan. (*p88*)

P17



NEGERI SELANGOR

TAMBAHAN PERUNDANGAN

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN [AKTA 133]
Sel. P.U. 26/1985
UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM SELANGOR 1986
[mengandungi pindaan terkini – Sel. P.U. 142/2012]

Tarikh penyiaran : 19hb Disember 1985
Tarikh mula kuat kuasa : 01hb Januari 1986

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

Mukadimah

BAHAGIAN I - PERMULAAN

Undang-undang Kecil 1. Nama, Pemakaian dan mula berkuatkuasa.
Undang-undang Kecil 2. Tafsiran.

BAHAGIAN IA- PERUNTUHAN BANGUNAN

Undang-undang Kecil 2A. Pemakaian bahagian ini.
Undang-undang Kecil 2B. Penyediaan dan penerimukaan pelan peruntuhan dan dsb
Undang-undang Kecil 2C. Kuasa Pihak Berkuasa Tempatan untuk menolak pelan peruntukan dan laporan kesilatan.
Undang-undang Kecil 2D. Notis memulakan atau menyambung semula kerja bangunan.
Undang-undang Kecil 2E. Cara peruntuhan.
Undang-undang kecil 2F. Tugas orang yang menperuntukan.
Undang-udang kecil 2G. Pengecualian daripada Bahagian ini.

BAHAGIAN II - PENGEMUKAN PELAN-PELAN UNTUK DILULUSKAN

Undang-undang Kecil 3. Pengemukan pelan-pelan untuk diluluskan.
Undang-undang Kecil 4. Pengambilan pelan.
Undang-undang Kecil 5. Pengawasan kerja.
Undang-undang Kecil 6. Pelan-pelan hendaklah ditandatangani.
Undang-undang Kecil 7. Penarikan balik atau pertukaran orang berkelayakan.
Undang-undang Kecil 8. Pelan-pelan hendaklah didepositkan dalam tiga salinan.
Undang-undang Kecil 9. Skala plan.
Undang-undang Kecil 10. Pelan-pelan yang dikehendaki.
Undang-undang Kecil 11. Pengecualian daripada undang-undang kecil 10.
Undang-undang Kecil 12. Pelan-pelan lakar untuk diluluskan pada dasarnya.

Contoh Perundangan Kecil

P18



Contoh Piawaian Perancangan

Pihak Berkuasa Awam : *Public Authority*

Yang di-Pertuan Agong, Raja atau Yang di-Pertua Negeri, Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Pihak Berkuasa Berkanun yang menjalankan kuasa undang-undang persekutuan atau Negeri, mana-mana mahkamah atau tribunal (selain Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi), atau mana-mana pegawai atau pihak berkuasa yang dilantik oleh atau yang bertindak bagi pihak mana-mana orang, mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa itu. (*p89*)

Pihak Berkuasa Negeri : *State Authority*
Berdasarkan Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [*Akta 388*], ianya merujuk kepada Raja atau Gabenor Negeri mengikut mana-mana yang sesuai termasuklah di Negeri Sembilan iaitu Yang Dipertuan Besar yang bertindak bagi pihak dirinya dan Pembesar-pembesar Memerintah serta Wilayah Persekutuan iaitu Menteri yang bertanggungjawab bagi Kerajaan Tempatan [*Akta 133*].

Dalam pelaksanaan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*], pihak berkuasa negeri ditafsirkan berdasarkan Akta Kerajaan Tempatan [*Akta 171*] iaitu Raja atau Gabenor dalam Mesyuarat sesebuah Negeri yang merujuk kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). (*p*[90])

Pihak Berkuasa Perancang Tempatan : *Local Planning Authority*
Pihak yang bertanggungjawab terhadap perancangan pemajuan sesuatu kawasan. Di bawah seksyen 5, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*], setiap pihak berkuasa tempatan akan menjadi pihak berkuasa perancang tempatan dalam kawasan pentadbirannya, manakala kawasan yang terletak di luar kawasan pihak berkuasa perancang tempatan akan dikawal oleh Pengarah Negeri. (*p*[91])

Pihak Berkuasa Tempatan : *Local Authority*
Pihak yang bertanggungjawab terhadap pentadbiran dan memberi perkhidmatan bandar serta pembangunan sesuatu kawasan atau daerah dalam kawasan kerajaan tempatan berkenaan yang ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan [*Akta 171*] iaitu Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran, Majlis Daerah, mengikut mana-mana berkenaan, dan berhubungan dengan Wilayah Persekutuan ertinya Datuk Bandar Kuala Lumpur yang dilantik di bawah seksyen 4, Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 [*Akta 190*]. (*p*[92])

Pindah Hak Pembangunan : *Transfer of Development Rights* (*TDR*)
Program yang memberi insentif yang membolehkan pemilik tanah untuk menjual hak pembangunan kepada pemaju atau lain-lain pihak berkepentingan yang kemudiannya boleh menggunakan hak tersebut untuk meningkatkan densiti pembangunan di lokasi lain yang telah ditetapkan. (*p*[93])

Pindah Milik : *Transaction*
Pindah milik tanah merupakan salah satu (1) proses untuk menukar nama pemilik berdaftar yang melibatkan keseluruhan / sebahagian tanah kepada pemilik baru. (*p*[94])

Premium Tanah : *Land Premium*
Bayaran yang dibayar kepada Pihak Berkuasa Negeri bagi setiap kelulusan permohonan memiliki tanah. (*p*[95])

Ruang Lantai Bersih : *Nett Floor Area*
Luas lantai bersih yang boleh diniagakan dan ini tidak termasuk tangga, bilik air dan ruang legar. Keluasan ruang lantai bersih biasanya dikira dengan menolak 30% daripada ruang lantai kasar. (*p*[96])

Ruang Lantai Kasar : *Gross Floor Area*
Luas permukaan lantai sesebuah bangunan termasuk tangga, ruang legar, bilik air dan keseluruhan yang terdapat pada bangunan perniagaan tersebut. (*p*[97])

Sekatan Kepentingan : *Restriction in Interest*
Apa-apa batasan yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Negeri ke atas mana-mana dari kuasa yang diberi kepada tuan punya oleh Bahagian Sembilan, Kanun Tanah Negara, atau ke atas mana-mana kuasa urus niaganya di bawah Divisyen IV, Kanun Tanah Negara [*Akta 828*] dan apa-apa batasan yang serupa yang dikenakan di bawah mana-mana undang-undang tanah terdahulu. (*p*[98])

Senarai Bersama : *Concurrent List*
Senarai Ketiga dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, yang mengandungi perkara-perkara yang mengenainya Parlimen dan Badan Perundangan sesuatu Negeri mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang. (*p99*)

Semakan Kehakiman : *Judicial Review*
Kuasa yang ada pada Mahkamah Atasan (Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan) dalam membenarkan mana-mana orang yang terjejas dengan keputusan atau peraturan mana-mana Pihak Berkuasa Awam untuk menyemak keputusan dan peraturan tersebut. (*p100*)

Siasatan Tapak : *Site Inspection*
Lawatan berekod yang dijalankan ke suatu tapak untuk meneliti keadaan di tapak setelah permohonan merancang diterima oleh pihak berkuasa tempatan. (*p101*)

Siasatan Tempatan : *Local Inquiry*
Satu pembicaraan antara jawatankuasa yang dilantik oleh Jawatankuasa Perancang Negeri dengan orang-orang yang membuat bantahan dan representasi berkenaan sesuatu draf rancangan di bawah subseksyen 14(1), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*]. (*p102*)

Stratum : *Stratum*
Suatu lapisan segi padu tanah bawah tanah. (*p103*)

Syarat Nyata : *Expressed Condition*
Syarat-syarat yang dinyatakan dan terkandung di dalam setiap geran tanah. Syarat ini juga merupakan arahan atau larangan yang dikenakan ke atas sesuatu tanah bagi maksud mengawal penggunaannya. (*p104*)


P19

Kanun Tanah Negara
Borang 5DK
(Jadual Keempat Belas)

GERAN MUKIM

No. Hakmilik : 240	Cukai Tahunan : RM28.00

Negeri	:	Kelantan
Daerah	:	Jajahan Pasir Mas
Bandar/Pekan/Mukim	:	Mukim Kuala Lemal
Tempat	:	KG. JERULONG
No. Lot	:	Lot 917
Luas Lot	:	1356 Meter Persegi (0.1356 Hektar)
Kategori Penggunaan Tanah	:	Bangunan
No. Lembaran Piawai	:	21-H5 & 13-H5
No. Pelan Diperakui	:	3864
No. Fail	:	LSPM 347/57

DI DALAM KAWASAN RIZAB MELAYU
Bertarikh 9 Disember 1930
No. Pemberitahuan Warta 56-1930

Tanah yang diperihalkan di atas adalah dipegang untuk selama-lamanya oleh tuan punya pada masa namanya disebut dalam rekod ketuanpunyaan di bawah, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Kanun Tanah Negara, kepada kategori yang dinyatakan di atas dan kepada syarat-syarat nyata dan sekatan-sekatan kepentingan yang dinyatakan di bawah, sebagai balasan bagi pembayaran cukai tahunan yang sewajarnya.

Dengan perintah Pihak Berkuasa Negeri

Didaftarkan pada 8 Jun 2002

T.M ..... Pendaftar

Pelan tanah, bagi maksud pengenalan, adalah dikepilkan pada Borang B1.

SYARAT-SYARAT NYATA
Tanah yang terkandung dalam hakmilik ini hendaklah digunakan untuk tapak bangunan kediaman daripada pelan dan jenis yang diluluskan oleh Pihak

Hakmilik : 030424GM00000240
Tarikh : 26/07/2016
No. Versi : 2
No. Salinan :
Muka Surat : 1 [2]

D 2596864

Syarat Tersirat : *Implied Condition*
Suatu arahan atau larangan berkaitan dengan penggunaan tanah. Syarat ini sama seperti syarat nyata bezanya ialah:
- Ia tidak tertulis di dalam dokumen hakmilik tetapi hanya tercatat di dalam undang-undang sahaja (seksyen 115, 116 dan 117, Kanun Tanah Negara [*Akta 828*]);
- Ianya tidak ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri tetapi merupakan suatu kehendak undang-undang sahaja; dan
- Ianya tidak boleh diubah atau dimansuhkan melainkan dengan cara membuat pindaan ke atas undang-undang. (*p105*)

Syit Piawaian : *Standard Sheet*
Pelan lot yang dihasilkan oleh juruukur yang mengandungi maklumat lengkap berkaitan nombor lot, keluasan, bacaan panjang dan bearing setiap sempadan. (*p106*)

Tanah Berimilik : *Alienated Land*
Mana-mana tanah (termasuk mana-mana petak dari sebuah bangunan pecah bahagian) berkenaan mana-mana hakmilik berdaftar pada masa itu, sama ada muktamad atau bersyarat, untuk selama-lamanya atau untuk satu tempoh beberapa tahun dan diberi oleh pihak berkuasa negeri atau dalam menjalankan kuasa yang diberi oleh mana-mana undang-undang tanah terdahulu, tetapi tidak termasuk tanah lombong. (*p107*)

Tanah Berjiran : *Neighbouring Land*

i. Tanah yang bersempadan dengan tanah yang berhubungan dengan sesuatu permohonan di bawah subseksyen 21(8), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*].

P20



ii. Tanah yang dipisahkan dari tanah yang berhubungan dengan sesuatu permohonan yang dibuat di bawah seksyen ini oleh mana-mana jalan, lorong, parit atau tanah rizab yang lebarnya tidak melebihi 20 meter dan yang akan bersempadan dengan tanah yang berhubungan dengan permohonan itu jika tidak kerana dipisahkan oleh jalan, lorong, parit atau tanah rizab itu.



iii. Tanah yang terletak dalam jarak 200 meter dari sempadan tanah yang berhubungan dengan sesuatu permohonan di bawah seksyen ini jika jalan masuk ke tanah yang berhubungan dengan permohonan itu ialah jalan mati yang digunakan oleh pemunya tanah yang berhubungan dengan permohonan itu. (*p[108]*)



Tanah Dijadualkan : *Scheduled Land*

Mana-mana tanah atau tanah-tanah yang termasuk dalam jadual yang disediakan di bawah seksyen 8, Akta Pengambilan Tanah 1960 [*Akta 486*] (Perisytiharan bahawa tanah dikehendaki bagi maksud awam) dan dilampirkan pada mana-mana perisytiharan atau pemberitahuan dalam Borang D, E, J dan K. (*p[109]*)

Tanah Kerajaan : *Government Land*

Semua tanah di dalam Negeri itu (termasuk sebanyak mana dasar mana-mana sungai, dan tepi pantai serta dasar laut, seperti yang adalah dalam lingkungan wilayah Negeri itu atau batas perairan wilayah) selain dari:

i. Tanah berimilik;
ii. Tanah rizab;
iii. Tanah lombong;
iv. Mana-mana tanah yang, di bawah peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan hutan (sama ada diluluskan sebelum atau selepas permulaan Akta Kanun Tanah Negara [*Akta 828*] buat masa itu adalah hutan simpanan. (*p[110]*)

Tanah Rizab : *Reserved Land*

Tanah yang buat masa ini dirizabkan untuk tujuan awam selaras dengan peruntukan-peruntukan seksyen 62, Kanun Tanah Negara [*Akta 828*] atau mana-mana undang-undang tanah terdahulu. (*p[111]*)

Tanah Simpanan Melayu / Tanah Rizab Melayu :
Malay Reservation / Malay Reserved Land

Berdasarkan Fasal (I) Perkara 89, Perlembagaan Persekutuan, ertinya mana-mana tanah di sesuatu Negeri yang merupakan tanah simpanan Melayu sebaik sebelum Hari Merdeka mengikut undang-undang yang sedia ada boleh terus menjadi tanah simpanan Melayu mengikut undang-undang itu sehingga diperuntukkan selainnya oleh suatu Enakmen Badan Perundangan Negeri itu. (*p[112]*)

Tanah Wakaf : *Waqf Land*

Tanah yang didermakan untuk tujuan kebajikan, misalnya membina masjid, surau, rumah anak yatim, kubur, infrastruktur atau dibangunkan mengikut projek yang boleh memberi pulangan ekonomi kepada masyarakat dan sebagainya. (*p[113]*)

Tanda Sempadan : *Boundary Mark*
Termasuklah apa-apa batu ukur, paip besi atau pepaku, pancang atau tiang kayu, tiang atau pilar konkrit atau lain-lain tanda yang digunakan bagi maksud menandakan sempadan-sempadan. (*p*[114])



Contoh batu konkrit tanda sempadan

Undang-Undang Bertulis : *Written Laws*
Kesemua Akta-akta Parlimen, Ordinan-ordinan dan Enakmen-enakmen yang berkuatkuasa di dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya dan kesemua Perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya, dan termasuklah Perlembagaan Persekutuan. (*p*[115])

Undang-Undang Kecil : *By-Laws*
Berhubungan dengan sesuatu pihak berkuasa tempatan ertinya mana-mana undang-undang kecil yang dibuat oleh pihak berkuasa tempatan itu di bawah mana-mana kuasa yang diberi kepada pihak berkuasa tempatan itu bagi maksud itu oleh mana-mana daripada peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*]. (*p*[116])

Undang-Undang Negeri : *State Laws*
Undang-undang yang dibuat oleh Badan Perundangan sesebuah Negeri, dan mana-mana undang-undang lain yang berkuatkuasa dalam sesebuah Negeri yang berkaitan dengan sesuatu perkara yang mengenainya di mana Badan Perundangan Negeri mempunyai kuasa membuat undang-undang. (*p*[117])

Undang-Undang Persekutuan : *Federal Laws*
Suatu Akta Parlimen, dan apa-apa undang-undang lain yang berkuatkuasa di Malaysia atau mana-mana bahagiannya yang berkaitan dengan suatu perkara di mana Parlimen berkuasa membuat undang-undang mengenainya. (*p*[118])

Undang-Undang Tanah Negeri : *State Land Laws*
Undang-undang yang sedang berkuatkuasa di Negeri berhubungan dengan tanah dan pemegangan tanah dan pendaftaran hakmilik tanah serta Pentadbir Tanah hasil daripadanya. (*p*[119])

Warta : *Gazette*
Warta rasmi Persekutuan dan Negeri-negeri, dan termasuklah tambahan-tambahan kepadanya dan apa-apa warta luarbiasa. (*p*[120])

Warta Persekutuan : *Federal Gazette*
Warta Persekutuan yang rasmi (termasuk mana-mana tambahan atau Warta Luarbiasa. (*p*[121])

P22



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 59 No. 11 | **1hb Jun 2015** | *TAMBAHAN No. 45 PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 107.

AKTA PENGURUSAN STRATA 2013

PERATURAN-PERATURAN PENGURUSAN STRATA (PENYENGGARAN DAN PENGURUSAN) 2015

SUSUNAN PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Fi yang ditetapkan
4. Borang
5. Undang-undang kecil

Contoh Warta Persekutuan

Warta Negeri : *State Gazette*
Warta rasmi sesebuah negeri (termasuklah sesuatu tambahan atau Warta Khas) (*p*[122])

P23



NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF TERENGGANU DARUL IMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 73 No. 24 | **19hb November 2020** | *TAMBAHAN No. 2 ENAKMEN*

Enakmen yang berikut, yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Terengganu dan dipersetujui oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan, adalah diterbitkan menurut Fasal (3) Perkara 36 Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama):

اينكمين يغ برايكوة يغ تله دلولوسكن اوليه ديوان اونداڠن نكري ترڠكانو دان دڤرستوجوءي اوليه دولي يغ ماها موليا سلطان، اداله دتربيتكن منوروت فصل (3) فركارا 36 اوندڠ٢ ياكي ديري كراجأن ترڠكانو (باب يغ ڤرتاما):

The following Enactment passed by the State Legislative Assembly of Terengganu and assented to by His Royal Highness the Sultan, is published pursuant to Clause (3) of Article XXXVI of the Laws of the Constitution of Terengganu (First Part):

No.	Tajuk Ringkas
Enakmen 1 Tahun 2020	Enakmen Sumber Air Terengganu 2020.

Contoh Warta Negeri

Nyahwarta : *Degazette*
Satu tindakan membatalkan apa-apa pewartaan contohnya berkaitan dengan pembangunan dan pentadbiran tanah, rizab awam serta Hutan Simpan Kekal (HSK).

SUMBER TAFSIRAN

P^{1} Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*]

p^{2} Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [*Akta 388*]

p^{3} Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002

p^{4} Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [*Akta 388*]

p^{5} Akta Pengurusan Strata [*Akta 757*]

p^{6} Kanun Tanah Negara [*Akta 828*]

p^{7} Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*]

p^{8} Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 [*Akta 267]*

p^{9} Kanun Tanah Negara [*Akta 828*]

p^{10} Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002

P^{11} Kanun Tanah Negara [*Akta 828*] & Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*]

P^{12} Akta Pengambilan Tanah 1960 [*Akta 486*]

P^{13} Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [*Akta 388*]

P^{14} Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002

P^{15} Kanun Tanah Negara [*Akta 828*]

P^{16} Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002

P^{17} Kanun Tanah Negara [*Akta 828*]

P^{18} Kanun Tanah Negara [*Akta 828*]

P^{19} Kanun Tanah Negara [*Akta 828*]

P^{20} Kanun Tanah Negara [*Akta 828*]

P^{21} Akta Hakmilik Strata 1985 [*Akta 318*]

P^{22} Kanun Tanah Negara [*Akta 828*]

P^{23} Akta Hakmilik Strata 1985 [*Akta 318*]

P^{24} Akta Hakmilik Strata 1985 [*Akta 318*]

P^{25} Akta Hakmilik Strata 1985 [*Akta 318*]

P^{26} Akta Hakmilik Strata 1985 [*Akta 318*]

P^{27} Akta Hakmilik Strata 1985 [*Akta 318*]

P^{28} Akta Pengurusan Strata 2013 [*Akta 757*]

P^{29} Manual Rancangan Tempatan Edisi 2020

P^{30} Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002

P^{31} Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*]

P^{32} Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*]

P^{33} Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*]

P^{34} Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [*Akta 388*]

P^{35} Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002

P^{36} Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002

P^{37} Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002

P^{38} Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002

P^{39} Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*]

P^{40} Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*]

P^{41} Panduan Pelaksanaan Akta Kebenaran Merancang Tempoh Terhad, 2022

P^{42} Kaedah-Kaedah (Perancangan) Wilayah Persekutuan (Kelas Kegunaan Tanah dan Bangunan) (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur), 2018

P^{43} Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002

P^{44} Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002

P^{45} Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002

P^{46} Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*]

P^{47} Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002

P^{48} Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*]

P^{49} Perlembagaan Persekutuan

P^{50} Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002

P^{51} Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*]

P^{52} Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [*Akta 388*]

P^{53} Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002

P^{54} Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*]

P^{55} Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*]

P^{56} Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*]

P^{57} Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*]

P^{57} Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*]

P^{58} Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*]

P^{59} Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*]

P^{60} Akta Pengambilan Tanah 1960 [*Akta 486*]

P^{61} Kanun Tanah Negara [*Akta 828*]

P^{62} Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*]

P^{63} Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*]

P^{64} Kanun Tanah Negara [*Akta 828*]

P^{65} Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002

P^{66} Kanun Tanah Negara [*Akta 828*]

P^{67} Kanun Tanah Negara [*Akta 828*]

P^{68} Kanun Tanah Negara [*Akta 828*]

P^{69} Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*]

P^{70} Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002

P^{71} Kanun Tanah Negara [*Akta 828*]

P^{72} Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002

P^{73} Akta Hakmilik Strata 1985 [*Akta 318*]

P^{74} Akta Hakmilik Strata 1985 [*Akta 318*]

P^{75} Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*]

P^{76} Akta Hakmilik Strata 1985 [*Akta 318*]

P^{77} Akta Pengambilan Tanah 1960 [*Akta 486*]

P^{78} Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu

P^{79} Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*]

P^{80} Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002

P^{81} Kanun Tanah Negara [*Akta 828*]

P^{82} Akta Perancang Bandar 1995 [*Akta 538*]

P^{83} Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 [*Akta 267*]

SUMBER TAFSIRAN

P84 Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*]

P85 Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002

P86 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*]

P87 Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [*Akta 388*]

P88 Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [*Akta 388*]

P89 Perlembagaan Persekutuan

P90 Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [*Akta 388*] & Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*]

P91 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*]

P92 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*]

P93 Rancangan Fizikal Negara Ke-3

P94 Kanun Tanah Negara [*Akta 828*]

P95 Kanun Tanah Negara [*Akta 828*]

P96 Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002

P97 Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002

P98 Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002

P99 Kanun Tanah Negara [*Akta 828*]

P100 Perlembagaan Persekutuan

P101 Panduan Semakan Kehakiman Untuk Pegawai Awam, Suatu Pengenalan (Universiti Malaya, m/s7)

P102 Perlembagaan Persekutuan

P103 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*]

P104 Perlembagaan Persekutuan

P105 Kanun Tanah Negara [*Akta 828*]

P106 Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002

P107 Kanun Tanah Negara [*Akta 828*]

P108 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*]

P109 Akta Pengambilan Tanah 1960 [*Akta 486*]

P110 Kanun Tanah Negara [*Akta 828*]

P111 Kanun Tanah Negara [*Akta 828*]

P112 Perlembagaan Persekutuan

P113 https://maksudperibahasa.com/tanah-wakaf/

P114 Kanun Tanah Negara [*Akta 828*]

P115 Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [*Akta 388*]

P116 Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [*Akta 388*]

P117 Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [*Akta 388*]

P118 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*]

P119 Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [*Akta 388*]

P120 Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [*Akta 388*]

P121 Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002

P122 Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [*Akta 388*]

SUMBER GAMBAR

P1 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*]

P2 https://www.hasrulhassan.com/2016/07/dah-beli-rumah-jangan-lupa-cukai-tanah.html

P3 https://imgv2-1f.scribdassets.com/img/document/451378288/original/a7de5d4126/1652076544?v=1

P4 www.kpkt.gov.my

P5 https://people.utm.my/tlchoon/files/2018/11/7-Strata-Titles-6-PAB-BM-SV-1.pdf

P6 Rancangan Tempatan Daerah Alor Gajah 2020

P7 https://jpbd.johor.gov.my/index.php/perkhidmatan/muat-turun/kaedah

P8 https://tanahweb.wordpress.com/ktn/jadual/jadual-pertama/borang-19b/

P9 https://civiconcepts.com/wp-content/uploads/2021/07/Plinth-Area-2.jpg

P10 https://www.dbkl.gov.my/wp-content/uploads/2021/09/8-Kaedah-Kaedah-Perancangan-WP-Kelas-Kegunaan-Tanah-dan-Bangunan2018.pdf

P11 Garis Panduan Perancangan Perumahan, 2016

P12 https://www.mahaguru58.com/2022/11/23/majlis-raja-raja-melayu-perlu-mengutamakan-kebolehpercayaan-calon-perdana-menteri-ke-10/

P13 https://pdfcoffee.com/gp-nisbah-plot-dan-kawasan-plinth1-pdf-free.html

P14 Lembaga Arkitek Malaysia

P15 https://safwansalleh.com/wp-content/uploads/2015/09/snap1379.jpg

P16 https://liewsing.com.my/certificate-of-completion-and-compliance-mahkota-height-v/

P17 https://online.anyflip.com/vkmfd/jpbz/files/mobile/1.jpg?1615520775

P18 https://www.scribd.com/document/430716566/Prebiul-manual-piawaian-perancangan-pahang-pdf

P19 https://ms-my.facebook.com/juwibawa/photos/pcb.1832396256818537/1832358990155597/?type=3&theater

P20 Taklimat Bantahan Pemunya Tanah Berjiran Terhadap Permohonan Kebenaran Merancang 4 Ogos 2020

P21 https://www.jupem.gov.my/jupem18a/assets/uploads/files/pekeliling/e198f-seg_405.pdf

P22 https://www.dbkl.gov.my/wp-content/uploads/2020/11/2-peraturan-107.pdf

P23 http://dun.terengganu.gov.my/files/LINK/enakmen_air.pdf

UMUM

INDEKS UMUM

Ahli Geologi Profesional Berdaftar : *Registered Professional Geologist* U-1
Aksesibiliti / Kemudahsampaian : *Accessibility* U-1
Alam Bina : *Built Environment* U-1
Bank Tanah : *Land Bank* U-1
Data Raya : *Big Data* U-1
Datuk Bandar : *Mayor* U-1
Doktrin Perancangan dan Pembangunan Sejagat : *Universal Planning and Development Doctrin* U-2
E-Buku : *E-Book* U-2
E-Dagang : *E-Commerce* U-2
E-Pembayaran : *E-Payment* U-2
E-Pembelajaran : *E-Learning* U-3
Gambar Rajah Utama U-3
Garis Panduan Pelaksanaan : *Implementation Guidelines* U-3
Garis Panduan Perancangan : *Planning Guidelines* U-3
Garis Panduan Reka Bentuk Bandar : *Urban Design Guidelines* U-4
Gelombang Hijau : Green Wave U-4
Hierarki U-4
- **Hierarki Bandar Berfungsi :** *Functional Urban Hierarchy*
- **Hierarki Jalan :** *Road Hierarchy*
- **Hierarki Petempatan :** *Hierarchy of Settlement*

Indeks Bangunan Hijau : *Green Building Index* (GBI) U-4
Indeks Daya Huni Malaysia (iDAM) U-5
Indeks Kerapuhan Persisiran Pantai : *Coastal Vulnerability Index* (CVI) U-5
Internet Pelbagai Benda : *Internet of Things* (IoT) U-5
Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampan Bandar-Luar Bandar Malaysia : *Malaysia Urban Rural National Indicators Network for Sustainable Development (MURNINets)* U-5
Kadaster : *Cadaster* U-5
Kajian Kemungkinan : *Feasibility Study* U-5
Kecerdasan Buatan : *Artificial Intelligence* (AI) U-5
Komunikasi : *Communication* U-6
Laporan Analisis dan Strategi Pembangunan (LASP) : *Development Strategy and Analysis Report* U-6
Laporan Awal : *Inception Report* U-6
Laporan Cadangan Pemajuan (LCP) : *Development Proposal Report* U-6
Laporan Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran (Laporan JKSTP) : *Report of the Local Investigation and Hearing Committee* U-6
Laporan Pendekatan Kajian (LPK) : *Study Approach Report* U-6
Laporan Publisiti dan Bantahan (LPB) (Peringkat Draf Rancangan Struktur) : *Publicity and Public Objection Report (Draft Structure Plan Stage)* U-7
Laporan Publisiti dan Bantahan (LPB) (Peringkat Laporan Tinjauan) : *Publicity and Public Objection Report (Survey Report Stage)* U-7
Laporan Rangka Projek (LRP) : *Project Framework Report* U-7
Laporan Teknikal : *Technical Report* U-7
Laporan Tinjauan : *Survey Report* U-7
Model Cohort Survival : *Cohort Survival Model* U-7
Pegawai Daerah : *District Officer* U-7
Pelan U-8
- **Pelan Asas :** *Base Map*
- **Pelan Bangunan :** *Building Plan*
- **Pelan Induk :** *Master Plan*
- **Pelan Konsep :** *Concept Plan* U-9
- **Pelan Kunci :** *Key Plan*
- **Pelan Lakar :** *Sketch Plan*
- **Pelan Lokasi :** *Location Plan*
- **Pelan Pembangunan :** *Development Plan*
- **Pelan Pengurusan / Pelan Tindakan :** *Management Plan / Action Plan*
- **Pelan Pengurusan Persisiran Pantai Bersepadu :** *Integrated Shore Management* Plan (ISMP)
- **Pelan Pengurusan Risiko Bencana :** *Disaster Risk Management Plan*
- **Pelan Pindaan :** *Amended Plan* U-10
- **Pelan Pra-Perhitungan :** *Pre-Computation Plan*
- **Pelan Sisip :** *Insert Plan*
- **Pelan Subjek :** *Subject Plan*
- **Pelan Susun Atur :** *Layout Plan*
- **Pelan Strata :** *Strata Plan*
- **Pelan Struktur :** *Structure Plan*
- **Pelan Tapak :** *Site Plan* U-11
- **Pelan Tandaan :** *Delineation Plan*
- **Pelan Tempatan :** *Local Plan*
- **Pelan Ukur :** *Survey Plan*

Pentadbir Tanah : *Land Administrator* U-11
Pemaju : *Developer* U-11
Pemaju Perumahan Berlesen : *Licensed Housing Developer* U-11
Pengkomputeran Awan : *Cloud Computing* U-11
Pengurusan Permintaan Perjalanan : *Travel Demand Management* (TDM) U-11
Pengurusan Nilai : *Value Management* (VM) U-11
Perbincangan Kumpulan Bersasar : *Focus Group Discussion* U-11
Pertumbuhan Pintar : *Smart Growth* U-11
Peta Cadangan : *Proposed Map* U-12
Peta Kadastral : *Cadastral Map* U-13
Projek Berkepentingan Negara : *Projects of National Interest* U-13
Pusat Data : *Data Center* U-13
Reka Bentuk Bandar Selamat : *Crime Prevention Through Environmetal Design* (CPTED) U-13
Revolusi Industri Keempat : *Industrial Revolution 4.0* (IR4) U-13
Sistem Maklumat Geografi : *Geographical Information System* (GIS) U-13
Sistem Maklumat Pengangkutan Bersepadu : *Integrated Transport Information System* (ITIS) U-14
Sistem Paparan Maklumat Awam : *Public Information Display System* U-14
Tadbir Urus Pintar : *Smart Governance* U-14
Teknologi Maklumat dan Komunikasi : *Information and Communication Technology* (ICT) U-14
Ukur Halus : *Detailed Survey* U-14
Urban Observatory (UO) U-14

Ahli Geologi Profesional Berdaftar : *Registered Professional Geologist*
Didaftarkan di bawah subseksyen 20(3), Akta Ahli Geologi 2008 [*Akta 689*]. (*u*[1])

Aksesibiliti/Kemudahsampaian : *Accessibility*
Berkaitan dengan kemudahsampaian dalam konteks fizikal. Keadaan atau kuantiti yang menggambarkan cepatnya sesuatu lokasi dapat dituju daripada lokasi lain dan oleh itu memudahkan pertemuan dan interaksi. Berkaitan dengan kemudahsampaian dalam konteks suatu bangunan, tahap sesuatu bangunan mudah atau sukar untuk digunakan/dihubungi ramai. (*u*[2])

U1

Damansara-Shah Alam *Elevated Expressway* Sungai Penchala, Damansara, Selangor

Damansara-Shah Alam *Elevated Expressway* Seksyen 5, Kota Damansara, Selangor

Alam Bina : *Built Environment*
Sebuah tata atur buatan manusia yang mengandungi bangunan, jalan, taman dan sebarang pengubahsuaian fizikal karakter terhadap persekitaran semulajadi.

Bank Tanah : *Land Bank*
Pangkalan data tanah bersepadu untuk memudahkan pengurusan, perancangan dan pembangunan tanah di kawasan bandar. (*u*[3])

U2

Data Raya : *Big Data*
Merupakan satu ledakan informasi yang seiring dengan pertumbuhan ekosistem penggunaan mobile dan data internet. Pelbagai jenis data-data berstruktur dan tidak berstruktur daripada media sosial seperti *blog, Facebook, Twitter* telah menyokong pertumbuhan data raya yang besar, pelbagai, tidak terbatas dan bernilai (*volume, variety, velocity, value*) sehingga kepada *terabytes* dan *petabyte* data. (*u*[4])

Datuk Bandar : *Mayor*
i. Orang yang pada masa ini menjalankan kewajipan jawatan Datuk Bandar sesuatu Majlis Bandaraya dengan sah di sisi undang-undang dan termasuklah Timbalan Datuk Bandar di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*]. (*u*[5])
ii. Datuk Bandar ertinya Datuk Bandar Kuala Lumpur atau, dalam bahasa Inggeris, *the Commissioner of the City of Kuala Lumpur,* yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 [*Akta 190*]. (*u*[6])

Doktrin Perancangan dan Pembangunan Sejagat : *Universal Planning and Development Doctrin*

Merupakan prinsip yang berteraskan nilai-nilai murni sejagat iaitu menjaga hubungan di antara manusia dan pencipta, manusia dan alam sekitar, dan manusia dengan manusia lain. (*u*[7])

U3



Doktrin Perancangan dan Pembangunan Sejagat

	HUBUNGAN TIGA HALA
M ⟷ T	Hubungan Manusia Dengan Penciptanya
M ⟷ M	Hubungan Manusia Dengan Manusia
M ⟷ A	Hubungan Manusia Dengan Alam Sekitar

FALSAFAH PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN SEJAGAT	
1	SIFAT MENYELURUH
2	MANUSIA SEBAGAI FOKUS PEMBANGUNAN
3	AKTIVITI PELBAGAI DIMENSI
4	PERUBAHAN KUANTITATIF DAN KUALITATIF
5	PENGGUNAAN & PENGAGIHAN SUMBER DENGAN SAKSAMA

U-2

E-Buku : *E-Book*

Adalah buku dalam bentuk digital yang terdiri daripada teks, gambar atau kedua-duanya sekali yang dapat dibuka dan dibaca melalui alat elektronik seperti komputer, *tablet* dan telefon pintar. (*u*[8])

E-Dagang : *E-Commerce*

Sebarang transaksi perdagangan yang dijalankan menerusi rangkaian elektronik, termasuk aktiviti pemberian maklumat, promosi dan pemasaran, pembekalan atau penghantaran barangan atau perkhidmatan, meskipun pembayaran dan penghantaran berkaitan transaksi ini mungkin dijalankan di luar talian. (*u*[9])

E-Pembayaran : *E-Payment*

Sistem pembayaran yang menggunakan kemudahan internet sebagai perantara. Sistem ini berupaya mengesan transaksi dan mengurangkan risiko pengubahan wang haram atau transaksi haram. Antara inisiatif e-pembayaran yang berada di Malaysia adalah *e-Wallet*, *Grabpay* dan *Touch 'n Go*. (*u*[10])

E-Pembelajaran : *E-Learning*

Pendidikan digital adalah salah satu pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi aspek pengkomputeran, kurikulum baharu dengan ketersediaan infrastruktur dan peranti digital teknologi baru seperti *Virtual Reality* (VR), *Augmented Reality* (AR), *Artificial Intelligence* (AI) termasuk pengaturcaraan dimasukkan dalam sukatan pelajaran sekolah rendah, sekolah menengah dan pengajian tinggi iaitu untuk menyediakan generasi baharu pada masa depan. Selain itu, pendidikan digital ini dapat memupuk bakat digital yang berpengetahuan, berkemahiran dan beretika dalam penggunaan teknologi digital. (*u*[11])

Gambar Rajah Utama

Merupakan output utama Rancangan Struktur (RS) yang menerangkan hala tuju strategik pembangunan negeri secara komprehensif dalam bentuk spatial dan ia hendaklah dirujuk bersama dan hendaklah disokong dengan Pelan Subjek bagi memperincikan cadangan tertentu. Komponen utama Gambar Rajah Utama adalah;

- Hierarki petempatan
- Kawasan pembangunan
- Kawasan pembangunan terkawal
- Kawasan pemeliharaan dan pemuliharaan (*u*[12])

Garis Panduan Pelaksanaan : *Implementation Guidelines*

Suatu rujukan yang melibatkan dasar untuk melaksanakan sesuatu perancangan. (*u*[13])



Garis Panduan Perancangan : *Planning Guidelines*

Satu panduan dan rujukan yang boleh diguna pakai dalam kerja kerja perancangan. (*u*[14])

U5

Garis Panduan Reka Bentuk Bandar : *Urban Design Guidelines*
Suatu rujukan pelaksanaan yang melibatkan dasar untuk menentukan reka bentuk atau/dan seni bina bangunan bagi sesuatu kawasan. (u^{15})

Gelombang Hijau : *Green Wave*
Gelombang hijau berlaku apabila satu siri lampu isyarat (biasanya tiga atau lebih) diselaraskan untuk membolehkan aliran trafik berterusan di beberapa persimpangan dalam satu arah utama. (u^{16})

Hierarki Bandar Berfungsi : *Functional Urban Hierarchy*
Susunan atau tingkat bandar yang berdasarkan fungsi sesuatu bandar dalam konteks negara atau wilayah. (u^{17})

U6

Hierarki Jalan : *Road Hierarchy*
Susunan atau peringkat pembahagian kelas jalan mengikut keutamaan atau berdasarkan kelebaran jalan. (u^{18})

Hierarki Petempatan : *Hierarchy of Settlement*
Susunan dan urutan pembahagian kawasan petempatan mengikut tahap tadahan penduduk atau saiz penduduk dan fungsinya. (u^{19})

U7

Hierarki Petempatan	Pusat Petempatan	
Pusat Separa Wilayah	i. Kangar	
Pusat Petempatan Utama	i. Kuala Perlis ii. Padang Besar iii. Arau	iv. Bandar Baru Ulu Pauh v. Beseri vi. Simpang Empat
Pusat Petempatan Kecil	i. Kuala Sanglang ii. Kuala Sungai Baru iii. Pauh	iv. Mata Ayer v. Wang Kelian vi. Kaki Bukit
Pusat Pertumbuhan Desa	i. Kg. Titi Tinggi Ulu ii. Kg. Batu Bertangkup iii. Kg. Panggas Besar iv. Kg. Nisam v. Kg. Tambun Tulang vi. Kg. Kuala Sg. Padang vii. Kg. Pauh viii. Kg. Cecumar	ix. Kg. Surau x. Kg. Titi Beratap xi. Kg. Kok Klang xii. Kg. Banggol Sena xiii. Kg. Sg. Berembang xiv. Kg. Batu Lima xv. Kg. Lubok Sireh

Hierarki Petempatan Negeri Perlis

Indeks Bangunan Hijau : *Green Building Index (GBI)*
Merupakan sistem penarafan komprehensif bagi menilai kelestarian bentuk dan prestasi bangunan, bandar dan kilang. Bangunan hijau dibina mengikut konsep kelestarian di mana tenaga, air dan bahan digunakan dengan cekap. Bangunan jenis ini biasanya mengandungi ciri seni bina hijau dan elemen reka bentuk seperti pencahayaan jimat tenaga, sistem paip jimat air dan bahan yang memantul haba. (u^{20})

Indeks Daya Huni Malaysia (iDAM)
Merupakan pengukuran berimpak tinggi kepada semua lokaliti khususnya kepada PBT dalam memastikan perancangan perbandaran dirangka dengan mengambil kira ke semua kriteria di bawah RFN Ke-4.

iDAM

Indeks Kerapuhan Persisiran Pantai :
***Coastal Vulnerability Index* (CVI)**
Indeks Kerapuhan Persisiran Pantai (CVI) adalah antara kaedah yang telah digunakan secara meluas bagi menilai tahap kerapuhan persisiran pantai. Keputusan CVI digunakan untuk menonjolkan faktor yang menyumbang kepada kerapuhan integriti dan kemerosotan daya tahan zon pantai. Di atas faktor ini, penggunaan CVI akan dapat membantu dalam proses penghasilan dasar dan strategi yang lebih objektif bagi memastikan kawasan persisiran pantai kekal dinamik. (*u*[21])

U8

Pantai Teluk Lipat, Kuala Dungun, Terengganu

Internet Pelbagai Benda : *Internet of Things* (IoT)
IoT adalah singkatan bagi *Internet of Things* atau Internet Pelbagai Benda (IPB) merupakan 'teknologi' iaitu kitaran teknologi digital di mana objek (*things*) berupaya menghantar data menggunakan peranti melalui internet untuk menjana maklumat serta pengetahuan baharu, seterusnya memberi nilai tambahan dalam meningkatkan produktiviti dan kualiti hidup. Ianya merupakan jaringan benda fizikal yang dilengkapi *sensor* atau pengerak, perisian dan teknologi lain yang bertujuan untuk menyambungkan dan bertukar data dengan peranti lain atau sistem melalui internet. (*u*[22])

Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampan Bandar-Luar Bandar Malaysia : *Malaysia Urban Rural National Indicators Network for Sustainable Development* (MURNINets)
MURNInets adalah satu sistem untuk mengukur dan menilai kemampanan sesuatu Kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT) melalui satu set penunjuk bandar yang ditetapkan. (*u*[23])

U9

Portal MURNInets

Kadaster : *Cadaster*
Maklumat kerja ukur yang terdapat dalam rekod tanah. (*u*[24])

Kajian Kemungkinan : *Feasibility Study*
Kajian awal ke atas sesuatu cadangan pembangunan, sebelum perancangan terperinci atau pembangunan dilaksanakan untuk melihat sama ada sesuatu projek itu berdaya untuk dilaksanakan, berdaya maju atau sebaliknya. (*u*[25])

Kecerdasan Buatan : *Artificial Intelligence* (AI)
Artificial Intelligence atau kecerdasan buatan (AI) melibatkan inovasi aspek perkomputeran atau teknologi yang merujuk kepada simulasi kecerdasan manusia yang diprogramkan untuk berfikir seperti manusia dan meniru tindakan mereka. Istilah ini juga boleh digunakan untuk mana-mana mesin yang mempamerkan ciri-ciri yang berkaitan dengan minda manusia seperti pembelajaran dan penyelesaian masalah serta meniru kemampuan manusia melibatkan persepsi visual, pengecaman pertuturan, membuat keputusan dan terjemahan antara bahasa. (*u*[26])

Komunikasi : *Communication*
Aktiviti yang menyediakan perkhidmatan komunikasi dan aktiviti berkaitan seperti transmisi suara, data, teks, audio dan video. (*u*[27])

Laporan Analisis dan Strategi Pembangunan (LASP) :
Development Strategy and Analysis Report
Dokumen yang menerangkan penemuan analisis kajian berserta unjuran sektoral selaras dengan keperluan matlamat, objektif dan skop kajian serta disediakan dengan menggunakan teknik-teknik analisis yang telah ditentukan. Hasil laporan ini akan digunakan sebagai asas penyediaan Draf Rancangan Tempatan (RT). (*u*[28])

Laporan Awal : *Inception Report*
Merupakan laporan yang disediakan sebaik sahaja kajian bermula yang;
- Menerangkan mengenai teknik atau pendekatan perancangan yang sesuai untuk dianalisis agar matlamat penyediaan Kajian RS tercapai;
- Menjelaskan semua data yang telah dikumpul dan dianalisis berdasarkan kajian lapangan yang dijalankan oleh perunding; dan
- Membentangkan semua penemuan, isu dan masalah yang telah dikenalpasti dan disokong oleh gambar-gambar, dan gambar rajah yang berkaitan. (*u*[29])

Laporan Cadangan Pemajuan (LCP) :
Development Proposal Report
Laporan mengenai sesuatu cadangan pembangunan yang hendak dicadangkan dan dibuat kepada pihak berkuasa perancang tempatan serta perlu mengikut bentuk, mengandungi butir-butir dan disertakan dengan dokumen, pelan dan bayaran yang telah ditetapkan di bawah subseksyen 21A(l), Akta 172. (*u*[30])

Laporan Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran (Laporan JKSTP) :
Report of the Local Investigation and Hearing Committee
Merupakan laporan yang mengandungi hasil siasatan dan syor JKSTP terhadap semua representasi yang diterima. Laporan JKSTP perlu diangkat kepada Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) bersama draf rancangan struktur yang telah dipinda berdasarkan syor JKSTP atau DRS sedia ada untuk keputusan JPN. Kandungan laporan ini adalah;
- Tujuan
- Keperluan Akta 172
- Ringkasan Kajian RS
- Program Publisiti
- Maklum balas, cadangan, bantahan dan representasi. (*u*[31])

Laporan Pendekatan Kajian (LPK) :
Study Approach Report
Dokumen yang menjelaskan keperluan yang digariskan dalam terma rujukan. Ia mengandungi perincian mengenai pendekatan dan metodologi kajian, teknik-teknik pengumpulan data, teknik-teknik analisis, program kajian dan cadangan kos perbelanjaan. (*u*[32])

U10



Contoh Laporan Pendekatan Kajian Daerah Kota Tinggi 2040

Laporan Publisiti dan Bantahan (LPB)
(Peringkat Draf Rancangan Struktur) : *Publicity and Public Objection Report (Draft Structure Plan Stage)*
Merupakan dokumen sokongan yang disediakan oleh Pasukan Teras kajian RS. Laporan ini disediakan bertujuan sebagai laporan maklumbalas publisiti dan representasi bagi membantu Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran (JKSTP) mendengar setiap bantahan dan representasi yang dibuat dalam tempoh yang ditetapkan. Laporan ini disediakan untuk dikemukakan bersama DRS untuk pertimbangan JPN sebelum melulus atau menolak DRS yang disediakan. Kandungan utama laporan ini adalah;

- Tujuan
- Keperluan Akta 172
- Ringkasan kajian RS
- Program Publisiti
- Maklum balas, cadangan, bantahan dan representasi. (*u[33]*)

Laporan Publisiti dan Bantahan (LPB)
(Peringkat Laporan Tinjauan) : *Publicity and Public Objection Report (Survey Report Stage)*
Merupakan dokumen sokongan yang disediakan oleh Pasukan Teras kajian RS. Laporan ini bertujuan membantu Pengarah Negeri menimbangkan setiap representasi yang diterima daripada orang awam yang telah membuat representasi daripada publisiti Laporan Tinjauan subseksyen 9(1), Akta 172 dalam tempoh yang ditetapkan. Kandungan utama laporan ini adalah;

- Tujuan laporan
- Keperluan Akta 172
- Program Publisiti Penyertaan Awam (Borang Penyertaan awam, Senarai Penyertaan Awam, Analisis Penyertaan Awam)
- Syor Pertimbangan. (*u[34]*)

Laporan Rangka Projek (LRP) : *Project Framework Report*
Satu dokumen yang menerangkan rangka kerja dan latar belakang serta justifikasi penyediaan Draf Rancangan Tempatan. Ia disediakan bagi tujuan pandu arah di dalam program publisiti. (*u[35]*)

Laporan Teknikal : *Technical Report*
Laporan teknikal ini memaparkan penemuan-penemuan data primer dan sekunder yang diperolehi melalui kaji selidik dan kajian literatur (ilmiah) mengikut sektoral. Perkara asas yang diperlukan dalam laporan ini adalah:

- Analisis keadaan semasa (dasar-dasar, penemuan kajian);
- Isu dan prospek pembangunan; dan
- Unjuran dan keperluan sektoral. (*u[36]*)

U11

Contoh Laporan Teknikal

Laporan Tinjauan : *Survey Report*
Merupakan laporan yang;

- Mengemukakan penemuan utama berdasarkan analisis yang telah dijalankan di dalam Laporan Teknikal bagi tujuan pengesahan semasa publisiti awam; mengemukakan unjuran serta kedapatan dan kesesuaian tanah untuk perancangan pembangunan sehingga tahun perancangan;
- Menetapkan matlamat dan objektif pembangunan negeri;
- Mengemukakan cadangan konsep dan strategi pembangunan bagi menentukan hala tuju pembangunan masa hadapan; dan
- Membolehkan pihak awam memeriksa laporan seterusnya mengemukakan pandangan berkaitan penemuan, unjuran dan strategi pembangunan yang dicadangkan semasa publisiti awam.

Laporan ini perlu melalui proses publisiti bagi memberi peluang kepada pihak awam untuk mengemukakan pandangan dan cadangan. (*u[37]*)

Model Cohort Survival : *Cohort Survival Model*
Model Kaedah ramalan untuk menentukan unjuran penduduk masa hadapan di mana penduduk dikemas kini berdasarkan bilangan kelahiran, kematian dan migrasi penduduk. (*u[38]*)

Pegawai Daerah : *District Officer*
Pegawai yang pada masa itu bertugas mentadbir sesuatu daerah, tidak kira dengan apa jua namanya disebut.(*u[39]*)

Pelan Asas : *Base Map*
Pelan yang mengandungi maklumat asas seperti garisan lot, nombor lot dan jalan utama. (*u*[40])

Pelan Induk : *Master Plan*
Pelan yang berunsurkan lukisan komprehensif bagi suatu kawasan yang besar yang menunjukkan perancangan jangka panjang bagi suatu pembangunan. Ianya mempunyai lebih banyak perincian berbanding pelan konsep. Ianya menjadi panduan dalam penyediaan pelan susun atur untuk kelulusan perancangan.

Pelan Bangunan : *Building Plan*
Pelan yang termasuklah pelan tapak, pelan punca, pelan lantai, pelan muka keratan dan tampak sebagaimana yang dinyatakan secara khusus dalam mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawah Akta ini. (*u*[41])

U12

Contoh Pelan Bangunan



Pelan Konsep : *Concept Plan*
Lakaran yang menunjukkan cadangan zon pembangunan secara umum yang meliputi guna tanah dan sistem sirkulasi. (*u*[42])

Pelan Kunci : *Key Plan*
Pelan yang menunjukkan kedudukan tapak cadangan yang lebih luas seperti kedudukan tapak cadangan dalam suatu mukim, daerah atau negeri yang bersesuaian. (*u*[43])



Pelan Pembangunan : *Development Plan*
Berhubungan dengan sesuatu kawasan ertinya:
a) Pelan tempatan bagi kawasan itu.
b) Jika tiada pelan tempatan bagi kawasan itu, pelan struktur bagi kawasan itu.
Berhubungan dengan sesuatu tanah atau bangunan, ertinya pelan pembangunan, sebagaimana yang ditakrifkan, bagi kawasan di mana tanah atau bangunan itu terletak. (*u*[46])

Pelan Pengurusan / Pelan Tindakan :
Management Plan / Action Plan
Panduan yang komprehensif mengenai tindakan dan langkah-langkah pengurusan serta mekanisma pengurusan / pelaksanaan bagi suatu kawasan yang diterjemahkan dalam bentuk pelan bagi memenuhi objektif tertentu.

Pelan Lakar : *Sketch Plan*
Gambaran dan konsep kasar sesuatu cadangan pembangunan. Merupakan pelan yang disediakan di peringkat awal untuk sesuatu proses perancangan atau reka bentuk sesuatu cadangan pembangunan yang dibuat. (*u*[44])

Pelan Lokasi : *Location Plan*
Pelan yang menunjukkan lokasi tapak cadangan berserta sempadannya. Pelan ini haruslah menunjukkan kedudukan tapak dari laluan utama, mercu tanda yang mudah dikenali yang terletak di sekitar tapak dan pekan atau bandar yang berhampiran. (*u*[45])



Pelan Pengurusan Persisiran Pantai Bersepadu :
Integrated Shore Management Plan (ISMP)
Satu pelan pengurusan bersepadu yang mengambil kira semua aktiviti bersektor yang mempengaruhi kawasan pantai dan memberikan pertimbangan sewajarnya kepada isu ekonomi, sosial, alam sekitar dan ekologi. (*u*[47])

Pelan Pengurusan Risiko Bencana :
Disaster Risk Management Plan
Panduan yang komprehensif berhubung dengan tindakan yang perlu diambil sekiranya berlaku kejadian bencana alam seperti banjir, tanah runtuh, kebakaran, kemarau dan sebagainya. (*u*[48])

Pelan Pindaan : *Amended Plan*
Pelan yang telah dipinda untuk memenuhi keperluan tertentu. (*u*[49])

Pelan Pra-Perhitungan : *Pre-Computation Plan*
Suatu pelan susunan lot-lot yang menunjukkan sempadan baru yang dicadangkan dan kawasan lot-lot yang berasaskan pengiraan dari data ukur yang ada dan data relevan lain yang salah tutup pengiraan linearnya adalah tidak kurang daripada sebahagian empat ribu. (*u*[50])

Pelan Sisip : *Insert Plan*
Pelan sisip disediakan bertujuan untuk memberikan gambaran terperinci bagi suatu cadangan yang menyokong kepada pelan subjek yang disediakan. (*u*[51])

Pelan Subjek : *Subject Plan*
Pelan yang menunjukkan pengkhususan terhadap sesuatu subjek tertentu seperti pelan yang menunjukkan kawasan perindustrian, pelancongan, pusat bandar dan subjek-subjek lain. (*u*[52])

Pelan Susun Atur : *Layout Plan*
Pelan yang disediakan di bawah seksyen 21B, Akta 172 untuk menerangkan komponen pemajuan yang dicadangkan di dalam laporan cadangan pemajuan, bagi tujuan permohonan kebenaran merancang. Antara komponen yang ditunjukkan adalah garisan kontur, akses ke tapak dan sirkulasi jalan, tapak kemudahan utiliti dan kemudahan awam serta garisan anjakan bagi pemajuan yang melibatkan pendirian bangunan. (*u*[53])

U15

Contoh Pelan Susun Atur

Pelan Strata : *Strata Plan*
Pelan lokasi dan pelan tingkat, dan termasuklah pelan pecahan atau penyatuan mana-mana petak yang ditunjukkan dalam pelan strata yang diluluskan dan dalam hal petak tanah, termasuklah suatu pelan tandaan. (*u*[54])

Pelan Struktur : *Structure Plan*
Suatu pelan berhubungan dengan unsur struktur. Berhubungan dengan sesuatu kawasan, ertinya sesuatu kenyataan bertulis yang disertai dengan gambar rajah, gambaran dan lain-lain bahan perihalan yang mengandungi dasar-dasar dan cadangan-cadangan mengenai pembangunan dan kegunaan tanah dalam kawasan itu dan boleh menunjukkan kawasan tindakan, dan draf pelan struktur hendaklah ditafsirkan sebagaimana yang dikehendaki oleh konteksnya. (*u*[55])

U16

Contoh Draf Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040

Pelan Tapak : *Site Plan*
Pelan yang menunjukkan tapak cadangan beserta lot sekitarnya dengan jelas. (*u*[56])

Pelan Tandaan : *Delineation Plan*
Pelan yang menunjukkan tandaan petak tanah. (*u*[57])

Pelan Tempatan : *Local Plan*
Berhubungan dengan sesuatu kawasan ertinya pelan tempatan seperti yang disediakan di bawah seksyen 13, Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982, [*Akta 267*]. (*u*[58])

Pelan Ukur : *Survey Plan*
Pelan yang mempunyai ukuran yang tepat untuk sesuatu kawasan yang telah dikeluarkan oleh juruukur berlesen. (*u*[59])

Pentadbir Tanah : *Land Administrator*
Seorang Pentadbir Tanah yang dilantik di bawah seksyen 12 KTN, dan termasuk Penolong Pentadbir Tanah yang dilantik di bawahnya dan mempunyai bidang kuasa dalam daerah/jajahan atau daerah kecil/jajahan kecil di tempat tanah itu terletak.(*u*[60])

Pemaju : *Developer*
Seseorang atau berkumpulan, syarikat, firma atau pertubuhan yang mengambil bahagian, menjalankan, mengusahakan perniagaan, memajukan atau mengadakan wang bagi kemajuan, membeli atau memajukan secara sebahagian dan mengadakan wang bagi membeli bangunan-bangunan [*Akta 133*]. (*u*[61])

Pemaju Perumahan Berlesen : *Licensed Housing Developer*
Pemaju perumahan berlesen ialah mana-mana pemaju perumahan yang dilesenkan sebagaimana Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [*Akta 118*] dan peraturan-peraturan. (*u*[62])

Pengkomputeran Awan : *Cloud Computing*
Cloud Computing bertujuan untuk melaksanakan penyimpanan data berasaskan cloud dan mengeksploitasi sepenuhnya data yang ada untuk menyimpan rekod dan data. (*u*[63])

Pengurusan Permintaan Perjalanan : *Travel Demand Management* (TDM)
Strategi untuk mengurangkan permintaan penggunaan kenderaan persendirian melalui peningkatan kecekapan pengangkutan awam. TDM mampu mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas serta meningkatkan kemudahan sampaian. (*u*[64])

Pengurusan Nilai : *Value Management* (VM)
Pendekatan bagi mengkaji keperluan fungsi sesuatu projek, fasiliti dan sistem bagi mencapai nilai yang lebih baik dan kos yang optimum tanpa menjejaskan tahap prestasi program dan projek. (*u*[65])

Perbincangan Kumpulan Bersasar : *Focus Group Discussion*
Merupakan platform rundingan bersama pihak-pihak berkepentingan sama ada pertubuhan, persatuan penduduk, orang awam, badan bukan kerajaan atau pemain industri untuk mendapatkan input secara terperinci berkaitan aspek kajian. (*u*[66])

Sesi Focus Group Discussion Kajian Kamus Perancangan Bandar dan Desa Siri 2.

Pertumbuhan Pintar : *Smart Growth*
Pembangunan bandar pintar yang inovatif dan berkemahiran tinggi serta memberi fokus kepada kemampanan alam sekitar, sosial dan ekonomi. Pertumbuhan tertumpu di pusat bandar bagi mengelakkan rebakan bandar dan menyokong bandar padat, berorientasikan kepada kemudahan transit, mudah dihubungi melalui laluan pejalan kaki mahupun basikal, mempunyai kemudahan sekolah, jalan yang lengkap dan pembangunan bercampur yang menawarkan pelbagai pilihan jenis perumahan. (*u*[67])

Peta Cadangan : *Proposed Map*

Pelan yang menunjukkan pengkhususan kepada cadangan taburan serta pengezonan guna tanah keseluruhan kawasan. (*U68*)

U17



Peta Kadastral : *Cadastral Map*
Peta yang mengandungi lot-lot bagi sesuatu kawasan yang disediakan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan dalam skala 1 inci: 8 rantai. (*u*[69])

Projek Berkepentingan Negara : *Projects of National Interest*
Merujuk kepada projek yang perlu mendapatkan nasihat MPFN di mana perlu mempunyai ciri-ciri berikut:

i. Pemajuan berskala besar dan mempunyai impak tinggi dari segi kepentingan hartanah negara iaitu berkeluasan melebihi 100 hektar atau menjana penduduk melebihi 10,000 orang;
ii. Pemajuan yang melibatkan dua negeri atau lebih atau merentasi negara, atau terletak di sempadan dua negeri atau negara;
iii. Pemajuan yang melibatkan pelaburan dan peruntukan yang tinggi, bukan sahaja dari agensi di dalam negeri tetapi melibatkan pelbagai agensi persekutuan dan pihak swasta; atau
iv. Pemajuan yang memberi perkhidmatan kepada dua negeri atau lebih atau mempunyai kesan ekonomi, alam sekitar dan sosial kepada dua negeri atau lebih.

Pusat Data : *Data Center*
Tempat yang digunakan untuk menempatkan *server* dan komponen rangkaian berkaitan serta perkakasan sokongan ICT. (*u*[70])

U18



Reka Bentuk Bandar Selamat : *Crime Prevention Through Environmetal Design* (CPTED)
Reka bentuk persekitaran fizikal terperinci secara efektif boleh mempengaruhi perlakuan manusia dari melakukan kesalahan serta mengurangkan perasaan takut berlakunya jenayah dan insiden jenayah di samping meningkatkan kualiti persekitaran dan kehidupan. (*u*[71])

Revolusi Industri Keempat : *Industrial Revolution 4.0* (IR4)
Merujuk kepada transformasi disruptif dalam industri melalui penggunaan teknologi baru muncul. la bercirikan teknologi baharu yang menggabungkan alam fizikal, digital dan biologi, yang memberi kesan kepada semua bidang, industri dan ekonomi. Sebagai contoh, percetakan bio menggunakan fail digital (digital) untuk mencetak objek seperti organ (fizikal) dengan menggunakan sel dan bahan bio (biologi). (*u*[72])

Sistem Maklumat Geografi : *Geographical Information System* (GIS)
Sistem untuk menyimpan, mengurus, mengemaskini, menganalisis dan membekalkan maklumat dan data guna tanah negara. Sistem ini memudahcara pengurusan maklumat guna tanah perancangan melalui aktiviti penyeragaman, pengemaskinian, perkongsian dan capaian maklumat data guna tanah perancangan. (*u*[73])

U19

Contoh Peta yang dihasilkan menggunakan perisian ArcGIS.

Sistem Maklumat Pengangkutan Bersepadu : *Integrated Transport Information System* (ITIS)

Satu sistem yang terdiri daripada dua komponen utama, iaitu Sistem Pengurusan Lalu Lintas Maju (ATMS) dan Sistem Maklumat Lalu Lintas Maju (ATIS). Sistem ini digunakan untuk pemantauan lalu lintas, kemalangan, pembinaan dan situasi lain yang berlaku di jalan raya dan lebuh raya di Kuala Lumpur dan Lembah Klang. (*u*[74])

U20

Pusat Pengurusan Pengangkutan Bersepadu (ITIS)

Sistem Paparan Maklumat Awam : *Public Information Display System*

Satu platform digital bagi memberi maklumat kepada orang awam secara terus dan terbuka. Pengurusan dan pengemaskinian maklumat berdasarkan masa sebenar (*Real Time*) dan mewujudkan jejak data. (*u*[75])

U21

Kuala Lumpur International Airport, Sepang, Selangor

Tadbir Urus Pintar : *Smart Governance*

Tadbir urus untuk melaksanakan tanggungjawab secara telus, berakauntabiliti, berintegriti dan berhemah ke arah peningkatan pelaksanaan kerajaan digital.

Perkhidmatan e-kerajaan yang berkualiti melalui penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi. Menggalakkan perkongsian data antara agensi kerajaan bagi meningkatkan penyampaian maklumat secara terus dan berkesan kepada kerajaan dan orang awam. (*u*[76])

Teknologi Maklumat dan Komunikasi : *Information and Communication Technology* (ICT)

Satu proses pengaliran, penyebaran, pemprosesan dan penyimpanan maklumat menggunakan perantaraan teknologi. Teknologi maklumat tidak terhad kepada internet dan komputer sahaja tetapi ia melibatkan televisyen, telefon, telefon mudah alih, faks, telegram, PDA dan sistem satelit dalam menyampaikan maklumat kepada penerima. (*u*[77])

Ukur Halus : *Detailed Survey*

Kerja ukur yang dibuat ke atas suatu hartanah bagi mendapatkan hakmilik muktamad (*final title*) yang dijalankan oleh Juruukur Tanah Berlesen. Kebiasaannya, akan berlaku perubahan luas kepada hakmilik sementara apabila diukur halus dan perbezaan ukuran ini akan menyebabkan pengurangan atau penambahan kepada cukai tanah pemilik tersebut.

Urban Observatory (UO)

Pusat data dan sistem analitik data raya pelbagai dimensi dan *crossed-platform* bagi sistem perancangan dan pemantauan untuk memantau perubahan kritikal, pembaikan, risiko dan keperluan ekosistem bandar dalam memastikan tahap piawaian kemampanan dan daya huni yang tinggi dapat dicapai. (*u*[78])

SUMBER TAFSIRAN

u^{1} Akta Ahli Geologi 2008 [*Akta 689*]

u^{2} Wikipedia

u^{3} Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN 2), 2016

u^{4} https://www.malaysia.gov.my/portal/content/30734?language=my

u^{5} Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*]

u^{6} Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 [*Akta 190*]

u^{7} Garis Panduan Perancangan dan Pembangunan Sejagat

u^{8} https://bcnsants.net/860-e-book-is-benefits-advantages-and-disadvantages

u^{9} Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN 4), 2021

u^{10} Olahan semula dari : Kajian Bandar Pintar Malaysia

u^{11} Olahan semula dari : Kajian Bandar Pintar Malaysia

u^{12} Manual Rancangan Tempatan Edisi 2020

u^{13} Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002

u^{14} Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002

u^{15} Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002

u^{16} https://blogs.uoregon.edu/smartcities/smart-cities-dictionary/

u^{17} Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002

u^{18} Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002

u^{19} Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002

u^{20} https://www.iproperty.com.my/guides/apa-itu-indeks-bangunan-hijau-dan-kriteria-utamanya/

u^{21} Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara 2 (RFZPPN2), 2021

u^{22} https://internetofthingsagenda.techtarget.com/definition/Internet-of-Things-IoT

u^{23} Laman Web PLANMalaysia

u^{24} Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002

u^{25} Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002

u^{26} https://aws.amazon.com/id/machine-learning/what-is-ai/
https://ms.wikipedia.org/wiki/Kecerdasan_buatan

u^{27} Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN 4), 2021

u^{28} Manual Rancangan Tempatan Edisi 2020

u^{29} Glosari Perundangan Perancangan Bandar dan Desa, 2015

u^{30} Manual Rancangan Tempatan Edisi 2020

u^{31} Manual Rancangan Tempatan Edisi 2020

u^{32} Manual Rancangan Tempatan Edisi 2020

u^{33} Manual Rancangan Tempatan Edisi 2020

u^{34} Manual Rancangan Tempatan Edisi 2020

u^{35} Manual Rancangan Tempatan Edisi 2020

u^{36} Manual Rancangan Tempatan Edisi 2020

u^{37} Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN 4), 2021

u^{38} Glosari Perundangan Perancangan Bandar dan Desa, 2015

u^{39} Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002

u^{40} Glosari Perundangan Perancangan Bandar dan Desa, 2015

u^{41} Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002

u^{42} Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002

u^{43} Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002

u^{44} Glosari Perundangan Perancangan Bandar dan Desa, 2015

u^{45} Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN 2), 2016

u^{46} Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN 2), 2016

u^{47} Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002

u^{48} Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002

u^{49} Glosari Perundangan Perancangan Bandar dan Desa, 2015

u^{50} Manual Rancangan Tempatan Edisi 2020

u^{51} Manual Rancangan Tempatan Edisi 2020

u^{52} Glosari Perundangan Perancangan Bandar dan Desa, 2015

u^{53} Glosari Perundangan Perancangan Bandar dan Desa, 2015

u^{54} Glosari Perundangan Perancangan Bandar dan Desa, 2015

u^{55} Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002

u^{56} Glosari Perundangan Perancangan Bandar dan Desa, 2015

u^{57} Glosari Perundangan Perancangan Bandar dan Desa, 2015

u^{58} Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002

u^{59} Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002

u^{60} Glosari Perundangan Perancangan Bandar dan Desa, 2015

u^{61} Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [*Akta 118*]

u^{62} Olahan semula dari rujukan : Kajian Bandar Pintar Malaysia

u^{63} Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN 2), 2016

u^{64} Rujukan Draf Garis Panduan Pelaksanaan Pembaharuan Semula Bandar

u^{65} Manual Rancangan Tempatan Edisi 2020

u^{66} Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN 2), 2016

u^{67} Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002

u^{68} Ensiklopedia Undang-Undang dan Pentadbiran Perancangan Bandar dan Desa, 2002

u^{69} Draf Laporan Kajian Pelaksanaan Projek yang telah Mendapat Nasihat MPFN 2016-2020

u^{70} Rujukan Draf Garis Panduan Pelaksanaan Pembaharuan Semula Bandar

u^{71} Panduan Pelaksanaan Reka Bentuk Selamat (CPTED), 2010

u^{72} Olahan semula dari: Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara

u^{73} https://iplan.planmalaysia.gov.my/web/about-us

u^{74} Kajian Bandar Pintar Malaysia

u^{75} Pelan Tindakan Bandar Pintar Ipoh

u^{76} Pelan Tindakan Bandar Pintar Ipoh

u^{77} https://www.scribd.com/doc/57376930/Definisi-ICT

u^{78} Laporan Pembangunan Sistem Malaysia Urban Observatory (MUO) Fasa 1 DO2 – Dokumen Spesifikasi Keperluan Bisnes (BRS)

SUMBER GAMBAR

U1 Laman web DAMANSARA-SHAH ALAM ELEVATED EXPRESSWAY **(DASH)**

U2 Laman Web PLANMalaysia

U3 Garis Panduan Perancangan dan Pembangunan Sejagat

U4 Laman Web PLANMalaysia

U5 Laman Web PLANMalaysia

U6 Laman Web PLANMalaysia

U7 Kajian Rancangan Struktur Negeri Perlis, 2009

U8 Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara 2 (RFZPPN2), 2021

U9 Laman Web MURNInets

U10 https://www.scribd.com/document/542861797/LAPORAN-PENDEKATAN-KAJIAN-DAERAH-KOTA-TINGGI-2040-PENGGANTIAN-BUILTIN

U11 https://online.anyflip.com/smvwz/hyaf/files/mobile/1.jpg?1608215076

U12 Laman Web Majlis Perbandaran Kangar (Pelan Bangunan)

U13 Mesyuarat Perancangan Fizikal Negara, 2021

U14 Mesyuarat Perancangan Fizikal Negara, 2021

U15 Pamplet KITA@Cybersouth

U16 Draf Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040, DBKL

U17 Program Sebaran Akta Perancangan Bandar dan Desa [Akta 172] Siri 4 Tahun 2022

U18 https://www.thestar.com.my/news/nation/2021/04/06/wee-ecrl-30-has-lower-cost-and-better-yield

U19 https://www.igismap.com/download-malaysia-shapefile-area-map-free-country-boundary-state-polygon/

U20 https://www.google.com/url?sa=i&url=https%3A%2F%2Fwww.thestar.com.my%2FMetro%2FCommunity%2F2015%2F06%2F10%2FITIS-to-be-incorporated-into-navigation-app%2F&psig=AOvVaw1Li16Sd3xNQzZRUTp0jJSS&ust=1663838576855000&source=images&cd=vfe&ved=0CAwQjRxqFwoTCIiZ_-7HpfoCFQAAAAAdAAAAABAI

U21 https://www.google.com/url?sa=i&url=https%3A%2F%2Fbm.soyacincau.com%2F2019%2F08%2F23%2Fmasalah-sistem-klia-hari-kedua%2F&psig=AOvVaw31X8sK5gNDwWcB4geVAD1L&ust=1663838632412000&source=images&cd=vfe&ved=0CAwQjRxqFwoTCPix4ojIpfoCFQAAAAAdAAAAABAI

PENGHARGAAN

SIDANG PENGARANG

Penasihat
TPr Dr. Alias bin Rameli

Penasihat
TPr Haji Hassan bin Yaakob

Ketua Editor 1
Puan Sanisah binti Shafie

Ketua Editor 2
TPr Zamirzan bin Puji

Editor
Puan Tee Szu Fong

Editor
Puan Juliana binti Ahamat

Ahli Sidang Pengarang/Grafik

Cik Norsyahida binti Juhari, Encik Muhammad Syafiq bin Norsisan, Dr. Suhaini binti Mohamed Yusoff, Encik Azlan bin Mohd Nasir, Puan Sri Juwita binti Mahusin, Encik Rozi Effendy bin Abd. Rahman, Puan Zuraini binti Shaari@Johari, Puan Norshazilawati binti Zamidi, Puan Siti Aishah binti Ibrahim, Puan Nina Shikeen binti Hamzah, Puan Marlia binti Abdul Hamid, Encik Nik Muhamad Faez bin Nik Lokman, Cik Faridatul Husna binti Zolkapli

Sekalung penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam penyediaan **Kamus Perancangan Bandar dan Desa** dan sumbangan dari segi masa, ilmu pengetahuan, input serta sumber. Diharap kamus yang dihasilkan ini lebih komprehensif, mudah difahami dan dapat dijadikan sebagai rujukan bagi penggunaan istilah rasmi yang seragam oleh PLANMalaysia serta agensi yang berkaitan.